

LAPORAN TAHUNAN SPRM 2022



Rasional

M u k a H a d a p a n

Konsep reka bentuk ini menggambarkan kesediaan SPRM dalam mengaplikasikan pendekatan *Environmental, Social and Governance (ESG)* yang memberi penekanan kepada risiko alam sekitar, sosial dan tadbir urus yang dianggap penting untuk meningkatkan ketelusan dan membentuk negara yang bebas daripada ancaman rasuah.

Usaha pencegahan rasuah SPRM yang diperkasakan ini turut membantu dalam membentuk ekosistem perniagaan yang berdaya saing, di samping pembentukan pelaburan lestari yang dapat membuahkan impak positif jangka panjang terhadap masyarakat dan alam sekitar.



BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Tel : 603 8870 0000
E-mel : info@sprm.gov.my
SMS : 019-6000 696

ISSN 0128-1364



© **HAK CIPTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**
Cetakan 2023

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Yang Berhormat
Ahli-Ahli Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah
Parlimen Malaysia
Kuala Lumpur

Yang Berhormat,

Laporan Tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2022

Selaras dengan peruntukan seksyen 11(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), saya, Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dengan ini mengemukakan laporan tahunan tentang kegiatan Suruhanjaya sepanjang tahun 2022 kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah untuk diperiksa.

Saya yang menjalankan amanah



Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
TAN SRI DATO' SRI
HAJI AZAM BIN BAKI

PENASIHAT
DATUK SERI NORAZLAN
BIN MOHD RAZALI

KETUA PENYELARAS
DATUK RAZIM
BIN MOHD NOOR

PENYELARAS
AZMIN BIN YUSOFF

KETUA EDITOR
HELMY BIN HAMID

EDITOR

WAN NOR LAILY BINTI WAN AHMAD
WAN NORAISHAH BINTI WAN MOHAMAD ISA
HASLINDA BINTI HAMZAH
MOHD RIZAL BIN KHALIB
LEE CHENG TEIK
TAVAMALAR A/P KRISNAN
ZOLKIFLI BIN KASIM
NORSHAHIDA BINTI NOOR ZERI
MUHAMMAD HAIKAL TILA BIN GRAMAN
NORZIANA BINTI ABU BAKAR

PENYUMBANG BAHAN

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN / NEGERI
NORAZILATULAKMAR BINTI SAID (BAHAGIAN DASAR, PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN)
ZATUN NAJMIAH BINTI MOHD SABRI, EDAYAH BINTI BROW (BAHAGIAN OPERASI KHAS)
MOHD MUSTAKIM BIN MUHAMAD SEDEK, SITI HANUM BINTI BUNIRAN (BAHAGIAN SIASATAN)
ROSYINA BINTI MARSA, MOHD RIDHUAN BIN ABD RANI (BAHAGIAN PERISIKAN)
ABDUL RASHID BIN OMAR, DAYANA BINTI OMAR (BAHAGIAN PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN)
MOHAMED RIZAL BIN MUHD.TAYAB, CHE AZMIN BIN CHE SOH (BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT)
VICKNESWARI A/P JEYRAMAN, NOR SARTINA BINTI GHAZALI (BAHAGIAN URUS TADBIR SEKTOR AWAM)
WAN YUSRAN NAIM BIN WAN ZAINAL ABIDIN, DATIN MAHERAN BINTI JAMIL (BAHAGIAN KEWANGAN, AKAUN DAN PEMBANGUNAN)
NOORASHIKIN BINTI BAHARI, MAZNAH BINTI MAMAT (BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)
MOHAMAD SHAIFUL BIN NASIR, ADIBATUZZAMAN FARAHANI BINTI SAMSUDIN (BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN)
NAZIZATON BINTI ABDUL AZIZ, KHAIRUL AMLY BIN MUHAMMAD (BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI)
PANG MAI TECK, NORUL HAZLINA BINTI K. MOHMED ATAR (AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA)
ALI OMAR BIN MOHAMAD ASAR, HARMILAH BINTI KUDI (BAHAGIAN PEMANTAUAN DAN PENYELARASAN)
ZULHAIRI BIN ZAINAL ABIDIN, MOHD HELMI FAIZ BIN ALI (BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK)
ROHASYATI BINTI MAT LAZIM, NORAZLINA LIN BINTI JANALUDIN (BAHAGIAN KECEMERLANGAN DAN PROFESIONALISME)
NOORMAIZAN BINTI ABDULLAH, NORSYAZANA BINTI ASMUNI (BAHAGIAN KESELAMATAN)
HARYAZI BIN BAHAROM, NUR HARLIZA BINTI ABDUL HAMID (BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD DAN MAKLUMAT)
WAN MOHD FIRDAUS BIN WAN YUSOF (BAHAGIAN FORENSIK TEKNOLOGI)
NIK MOHD ADZIM BIN NIK ADNAN, MUHAMMAD HILMI BIN JUHAIRI (BAHAGIAN ANALISA KEWANGAN)
TAN YING HUI, MUHAMMAD NAJIB BIN MOHD YASSIN (BAHAGIAN PENGGUBAHAN WANG HARAM DAN PELUCUTHAKAN HARTA)

RASIONAL

LOGO SPRM



Emas

Melambangkan perjuangan yang paling berharga iaitu membanteras jenayah rasuah demi mencapai kejayaan yang tidak ternilai iaitu negara yang bebas rasuah.



Kuning

Melambangkan adil iaitu keadilan adalah salah satu daripada piagam pelanggan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam apa jua keputusan yang diambil tanpa mengira pangkat dan bangsa.



Biru

Mencerminkan amanah dan harmoni. Ini bermaksud bahawa di samping menguatkuasakan undang-undang, Suruhanjaya ini juga merangka dan melaksanakan kempen pencegahan rasuah melalui program-program seperti penerangan, pendidikan dan perhubungan masyarakat.



Hitam

Melambangkan kejituan dan kemantapan semangat yang padu dan perjuangan yang mpuh.



Kelabu Gelap

Warna kelabu adalah warna neutral yang terletak di antara putih dan hitam, yang melambangkan kebebasan dan ketelusan SPRM dalam usaha pembanteras jenayah rasuah tanpa campur tangan mana-mana pihak.



Merah

Warna merah melambangkan semangat perjuangan mempertahankan kedaulatan dan maruah negara walau terpaksa menumpahkan darah.



Putih

Melambangkan jiwa yang bersih dalam perjuangan yang suci menegakkan kebenaran dan menghapuskan kemungkaran.



Bintang (14 Bucu)

Mencerminkan kecemerlangan dan kegemilangan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan yang bebas rasuah, warganegara yang kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan serta didorong oleh tahap etika yang paling tinggi.



Bulan Sabit

Bulan sabit mencerminkan agama Islam yang juga merupakan agama rasmi negara ini. Pengetahuan agama dan ketaqwaan dapat menghindar diri daripada perbuatan rasuah.



Keris Bersilang

Melambangkan kuasa yang dimiliki oleh pegawai-pegawai SPRM seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang negara dalam melaksanakan tugas mencegah jenayah rasuah, sedia berjuang demi mendukung hasrat semua warga walau seribu rintangan dan cabaran, tetap mara ke hadapan.



Perisai

Melambangkan alat mempertahankan diri. Ia memberi maksud bahawa tugas risikan yang dilaksanakan dengan cekap dan berkualiti dengan identiti pemberi maklumat dirahsiakan.



Bunga Padi

Melambangkan kemajuan, kemakmuran dan kejayaan, dalam masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika. Segala aduan yang diterima akan dijalankan siasatan sewajarnya tanpa prasangka dengan amanah, tegas dan adil.



Harimau

Melambangkan keberanian dan kekuatan dalam melaksanakan segala tugas walau seribu rintangan dan cabaran tetap mara ke hadapan.



14 Jalur Putih dan Merah

Mencerminkan aktiviti pendidikan tentang rasuah dan kesan buruknya, merangkumi seluruh negeri di Malaysia.



Tulisan Jawi

Melambangkan semangat mempertahankan pusaka bangsa dan khazanah negara agar dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang.

Ps Penguasa
KPKPs Ketua Penolong Kanan Penguasa
PKPs Penolong Kanan Penguasa
PPs Penolong Penguasa

KPKPj Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya
PKPj Penolong Kanan Pesuruhjaya
PPj Penolong Pesuruhjaya
PsK Penguasa Kanan

KPj Ketua Pesuruhjaya
TKPj Timbalan Ketua Pesuruhjaya
Pj Pesuruhjaya
TPj Timbalan Pesuruhjaya

SENARAI KANDUNGAN

01

PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA

07

MEKANISME SEMAK DAN IMBANG

- Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR)
- Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR)
- Jawatankuasa Aduan (JKA)
- Panel Penilaian Operasi (PPO)
- Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR)

17

MAKLUMAT KORPORAT

- Pengurusan Tertinggi SPRM
- Struktur Organisasi Peringkat Bahagian dan Negeri
- Visi, Misi, Objektif dan Moto
- Fungsi SPRM
- Strategi SPRM
- Kod Etika SPRM

27

PENGUATKUASAAN

- Statistik Operasi
- Analisa Kewangan
- Forensik Teknologi
- Kes-kes Siasatan Menarik
- Pendakwaan Kes Rasuah

63

PENCEGAHAN

- Pemeriksaan dan Perundingan
- Pengurusan Integriti Agensi
- Urus Tadbir Sektor Awam (BUTSA)

91

PENDIDIKAN

- Pendidikan Antirasuah
- Komunikasi Strategik

121

PROFESIONALISME

- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Pemantauan dan Penyelarasan
- Keselamatan
- Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)

145

PENGURUSAN DAN KEWANGAN

- Khidmat Pengurusan
- Perbelanjaan Mengurus


161

PENGURUSAN STRATEGIK & DIMENSI ANTARABANGSA

179

DIARI 2022

STOP



CORRUPTION

Tajuk : STOP CORRUPTION
Karya oleh : SITI SARAH ADAM WAN
Program : Pameran Seni DERIA 2022 - Kolaborasi Strategik
SPRM Bersama UiTM Melaka dan PERZIM



1-800-88-6000

www.sprm.gov.my

[@sprmmalaysia](https://www.instagram.com/sprmmalaysia) [f SPRM](https://www.facebook.com/SPRM)



PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA



PERUTUSAN

KETUA PESURUHJAYA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam perangi rasuah

Alhamdulillah, saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas segala limpah dan kurniaNya yang telah mempermudah penghasilan Laporan Tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2022 ini.

Secara keseluruhannya, SPRM sebagai sebuah suruhanjaya bebas yang menerajui usaha pencegahan rasuah di Malaysia telah berjaya melaksanakan tanggungjawab dalam membanteras rasuah sepanjang

tahun 2022 sebagaimana dimanifestasikan dalam laporan tahunan ini.

Sepanjang tempoh tersebut, SPRM terus berusaha melipatgandakan keupayaan modal insan terbaik, pengukuhan organisasi serta jalinan kolaborasi antara pemegang taruh agar pelaksanaan mandat yang diamanahkan dapat dibuat secara menyeluruh sekali gus mencetuskan keberhasilan yang berimpak tinggi.

Di samping itu, kepercayaan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh kerajaan dan masyarakat terhadap usaha-usaha SPRM dalam pencegahan rasuah juga telah membuahkan reaksi positif termasuklah agenda untuk memperkasakan suruhanjaya ini daripada pelbagai aspek baik daripada segi pentadbiran, kewangan dan undang-undang.

KEBERKESANAN SPRM

Tanggal 1 Oktober 2022 yang lalu, genaplah 55 tahun penubuhan SPRM dengan sejarah suka duka yang telah dilakar menjadi tanda kematangan perjalanan dan transformasi SPRM sepanjang tempoh lebih lima dekad tersebut.

Pada 2022, pelbagai inisiatif, pendekatan dan tindakan telah dilaksanakan oleh SPRM dalam usaha mencegah jenayah rasuah di negara ini. Alhamdulillah berkat kesabaran dan pengorbanan warga SPRM selama ini menerbitkan impak-impak yang positif seperti:

- (i) Peningkatan hasil siasatan (tindakan operasi) yang berkualiti dengan keputusan untuk tuduh, pelucuthakan harta, tindakan kompaun, rujukan Kertas Pemeriksaan dan Perundingan, surat nasihat, Laporan SPRM dan lain-lain lagi;

- (ii) Peningkatan pertuduhan dan sabitan kes-kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam di mahkamah;
- (iii) Peningkatan sokongan daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam aktiviti pencegahan rasuah dan aktiviti pendidikan termasuk di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, Institut Pengajian Tinggi (IPT), agensi kerajaan, sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang awam; dan
- (iv) Peningkatan kerjasama strategik melalui jaringan kolaborasi yang berkesan termasuk melalui memorandum persefahaman (MoU), usaha sama secara *seamless*, Public Private Partnership (PPP), Compliance Network Group dan lain-lain lagi dalam aktiviti penguatkuasaan, pendidikan dan pencegahan rasuah di peringkat domestik dan juga di persada antarabangsa.

SEKTOR OPERASI

SPRM merekodkan prestasi yang sangat memberangsangkan dengan tindakan proaktif dalam melaksanakan pelbagai operasi, tangkapan dan pertuduhan di mahkamah termasuklah kes-kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam meskipun dengan pelbagai cabaran semasa yang dihadapi.

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2022, sebanyak 820 Kertas Siasatan (KS) telah dibuka dengan 909 tangkapan. Selain itu, sebanyak 575 kes telah dipertuduhkan di mahkamah dan sebanyak 294 kes pula telah disabitkan kesalahan bagi tempoh yang sama.

Statistik pelucuthakan dan pemulihan aset juga menunjukkan rekod yang sangat cemerlang pada tahun

berkenaan dengan jumlah keseluruhan pelucuthakan harta sebanyak RM149,695,341.49. Jumlah kompaun di bawah Seksyen 92(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 adalah sebanyak RM44,454,800. Penyumbang tertinggi nilai lucuthak berkenaan ialah menerusi Ops 1MDB berjumlah RM64,386,825.68 telah berjaya dipulangkan kepada kerajaan Malaysia hasil kerjasama strategik antara pasukan penjejakan aset 1MDB yang dianggotai oleh SPRM dan beberapa agensi penguat kuasa bersama U.S Department of Justice dan Federal Bureau of Investigation (FBI).

SEKTOR PENCEGAHAN

Pencapaian Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang diterajui SPRM.

SPRM telah mengemukakan Pelaporan Keberhasilan NACP 2019 – 2023 SPRM bagi suku tahun kedua 2022 kepada GIACC pada 7 Julai 2022. Sebanyak 11 inisiatif diterajui oleh SPRM selepas semakan semula NACP dibuat antaranya ialah inisiatif 1.2.6 – Mengkaji keperluan perundangan bertulis berkaitan perisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran telah selesai dibentangkan di Mesyuarat JKKMAR Siri 16 Bil. 2 Tahun 2022 pada 19 September 2022. Pindaan dan penambahbaikan Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen sedia ada akan dilaksanakan. Satu kod etika baharu akan turut diperkenalkan untuk Ahli Parlimen dalam Akta 347 dengan mengambil kira pengekalan prinsip pengasingan kuasa badan eksekutif dan legislatif.

Beberapa inisiatif yang melibatkan cadangan pindaan akta serta Perlembagaan Persekutuan masih dalam tindakan SPRM memandangkan terdapat keperluan

untuk membuat kajian yang komprehensif serta libat urus yang berterusan dengan pemegang-pemegang taruh seperti Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum cadangan ini dapat diangkat ke peringkat yang lebih tinggi.

Manakala enam lagi inisiatif yang diterajui oleh SPRM telah dikategorikan sebagai selesai sebagaimana keputusan Mesyuarat Penyelarasan Prestasi Inisiatif (MPPI) Siri 5 Bil. 2 Tahun 2022 yang diadakan pada 5 Julai 2022 dan dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara iaitu:

(i) Inisiatif 2.1.5

Mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM) dan mana-mana pihak yang berkelayakan;

(ii) Inisiatif 2.4.10

Menyebarkan mesej berkenaan antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui penglibatan pelbagai agensi agama dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) secara berterusan;

(iii) Inisiatif 2.4.14

Memperkukuhkan elemen tadbir urus insan, integriti dan antirasuah dalam program pembangunan profesional berterusan yang dilaksanakan oleh Agensi Kawal Selia kepada Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK), Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh kerajaan dan pihak swasta;

(iv) Inisiatif 3.1.2

Membuat semakan ke atas Integrity Pact sedia ada supaya seiring dengan piawaian antarabangsa serta sistem dan prosedur yang berkuatkuasa bagi menangani isu-isu konflik berkepentingan;

(v) Inisiatif 6.2.1

Melaksanakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) di badan berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK), Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh kerajaan dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia dengan panduan oleh SPRM, IIM dan mana-mana pihak yang berkelayakan; dan

(vi) Inisiatif 6.2.2

Memperluaskan penempatan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) di semua badan berkanun, Syarikat Berkaitan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh kerajaan dan sektor swasta.

SEKTOR PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Disiplin/Kawalan Dalaman

Pengurusan tata tertib merupakan salah satu usaha ke arah pemantapan disiplin dalam perkhidmatan SPRM dengan matlamat membangunkan kapabiliti modal insan yang berintegriti. Sepanjang 2022, Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme (BCP) telah menerima sebanyak 78 aduan melibatkan isu-isu seperti salah laku, jenayah dan tidak hadir bertugas. Susulan itu, sebanyak 19 Kertas Lembaga Tata tertib (KLT) telah dibuka melibatkan warga kerja SPRM termasuk mengambil tindakan buang kerja.

Isu integriti dalam kalangan pegawai serta kakitangan SPRM menjadi perkara utama yang diberi perhatian dan tumpuan bagi memastikan warga suruhanjaya ini bebas daripada ancaman rasuah. Sehubungan itu, Cawangan Hal Ehwal Dalaman SPRM (CED) telah ditubuhkan dan beroperasi secara pentadbiran di bawah BCP bagi menyasiat khususnya kes-kes bersifat jenayah yang melibatkan warga SPRM mengikut undang-undang berkuatkuasa. Selaras dengan fungsi SPRM di bawah Akta Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009, siasatan dalaman yang dilaksanakan CED adalah bagi:

- (i) memastikan warga SPRM tidak melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 yang boleh menjejaskan imej dan reputasi SPRM;
- (ii) memastikan warga SPRM tidak menyalahgunakan kedudukan dan kuasa sebagai Pegawai SPRM; dan
- (iii) selaras dengan sokongan masyarakat terhadap suruhanjaya ini yang mana warga SPRM perlulah menjadi pegawai penguat kuasa yang berintegriti, telus dan amanah.

PROGRAM ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2022, beberapa mesyuarat dan lawatan kerja ke luar negara telah diadakan untuk meningkatkan jalinan kerjasama serta mengukuhkan penglibatan SPRM di persada antarabangsa dalam konteks pencegahan rasuah.

Saya telah mengetuai lawatan ke Uzbekistan pada 12 Mei 2022 untuk menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan General Prosecutor's Office Uzbekistan serta ke Kaherah, Mesir pada 14 September 2022 bagi menandatangani MoU dengan pihak Administrative Control Authority (ACA), Mesir.

SPRM turut memenuhi undangan daripada pihak Administrative Control and Transparency Authority (ACTA), Doha Qatar untuk melakukan lawatan kerja ke agensi berkenaan serta beberapa agensi kerajaan lain di Qatar. Peluang menjalin kerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa di luar negara membuka ruang untuk SPRM mempromosikan amalan baik serta berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam bidang pencegahan rasuah, pengubahan wang haram mahupun pemerolehan semula harta jenayah.

Platform-platform antarabangsa yang disertai SPRM antaranya seperti South East Asia Parties against Corruption (ASEAN-PAC), Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC), International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA), International Anti-Corruption Academy (IACA) dan Economic Crime Agencies Network (ECAN) turut menjadi pentas untuk suruhanjaya ini bertukar pandangan, kejayaan, maklumat, kepakaran serta latihan dalam memperluas skop kerjasama antarabangsa dan mengintai peluang-peluang baharu untuk menjalin kerjasama strategik dengan agensi-agensi luar negara bagi bersama-sama dalam usaha membasmi jenayah rasuah. Penglibatan SPRM di peringkat antarabangsa akan terus dipergiat dan diperkukuh melalui pendekatan bilateral serta multilateral ke arah mencapai visi untuk menjadikan SPRM agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia.

HASRAT DAN HARAPAN

Akhir kata, bagi mencapai hasrat negara bebas rasuah, usaha yang gigih dan berterusan daripada warga SPRM amatlah ditagih. Perkara tersebut menuntut semangat, azam dan iltizam yang tinggi bagi membentuk budaya kerja yang cemerlang.

“

Namun begitu, usaha memerangi jenayah rasuah tidak terletak di bahu SPRM semata-mata. Sebaliknya keberhasilan yang berimpak tinggi dalam menangani rasuah memerlukan pendekatan yang holistik serta komitmen, kerjasama dan sokongan berterusan daripada seluruh jentera perkhidmatan awam dan semua lapisan masyarakat kerana ia merupakan faktor utama penentu kejayaan kita.

”

Semoga segala usaha SPRM yang merupakan penggerak utama kepada usaha-usaha transformasi yang tidak pernah bernoktah ini dapat terus menyumbang kepada kemakmuran rakyat.

TAN SRI DATO' SRI HAJI AZAM BIN BAKI

Ketua Pesuruhjaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



MEKANISME SEMAK DAN IMBANG

LIMA BADAN PEMANTAU BEBAS SPRM

Selaras dengan penubuhan SPRM, lima badan pemantau bebas diwujudkan sebagai mekanisme semak dan imbang (*check and balance*) terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya. Pembentukan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) dan Jawatankuasa Aduan (JKA) dibuat melalui peruntukan undang-undang, manakala pembentukan Panel Penilaian Operasi (PPO) serta Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) dibuat secara pentadbiran.

LIMA BADAN PEMANTAU BEBAS SPRM

Jawatankuasa Khas
Mengenai Rasuah (JKMR)

Lembaga Penasihat
Pencegahan Rasuah (LPPR)

Jawatankuasa Aduan (JKA)

Panel Penilaian Operasi (PPO)

Panel Perundingan dan
Pencegahan Rasuah (PPPR)

JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH (JKMR)



**YB Senator Tan Sri Dato' Seri
Utama Dr. Rais bin Yatim
(Pengerusi)**



**YB Senator Tuan Ir. Md
Nasir bin Hashim**



**YB Senator Dato'
Zaiedi bin Haji Suhaili**



**YB Tuan Hassan bin
Abdul Karim**



YB Tuan Wong Hon Wai

01

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) diwujudkan secara perundangan mengikut Seksyen 14 Akta SPRM 2009. Ahli-ahli JKMR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Peruntukan seksyen tersebut menetapkan tidak ada seorang pun Anggota Pentadbiran boleh dilantik menganggotai jawatankuasa ini.

02

Peranan utama JKMR adalah menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia. Yang di-Pertuan Agong telah melantik ahli JKMR bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 15 Julai 2021 hingga 14 Julai 2024.

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH (LPPR)



Tan Sri Abu Zahar bin
Dato' Nika Ujang
(Pengerusi)



Tan Sri Ismail bin Omar



Datuk Seri Azman
bin Ujang



Datuk Seri Akhbar
bin Satar



Datuk David Chua
Kok Tee



Datuk Dr. Hamzah
bin Kassim



Profesor Dato' Dr.
Mohamad Agus bin Yusoff

01

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) diwujudkan mengikut Seksyen 13 Akta SPRM 2009. Ahli-ahli LPPR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan orang yang berintegriti dan telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau mencapai keunggulan dalam profesion masing-masing.

02

Peranan utama LPPR adalah menasihati SPRM berhubung strategi, dasar dan apa-apa perkara berhubung masalah rasuah di negara ini. Ketua Pesuruhjaya SPRM dilantik sebagai anggota yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13(2)(b) Akta SPRM 2009. Yang di-Pertuan Agong telah melantik tujuh ahli LPPR berkuat kuasa mulai 21 Mei 2020 hingga 20 Mei 2023.

JAWATANKUASA ADUAN (JKA)



**Dato' Dr. Asariah binti
Mior Shahrudin
(Pengerusi)**



**Dato' Dr. Tam
Weng Wah**



**Dato' Mohtar bin
Mohd Abd Rahman**



**Prof. Dato' Noor Aziah
binti Hj. Mohd Awal**



**Datuk Ruziati binti
Mior Ahamad Ariffin**

Jawatankuasa ini dibentuk mengikut Seksyen 15 Akta SPRM 2009 dan pelantikan mereka dibuat oleh Menteri.

01

Mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja Suruhanjaya yang mungkin menimbulkan aduan dan jika difikirkannya sesuai untuk membuat apa-apa syor tentang tatacara kerja Suruhanjaya sebagaimana yang difikirkannya patut.

02

Memantau pengendalian oleh Suruhanjaya terhadap aduan mengenai salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai Suruhanjaya.

PANEL PENILAIAN OPERASI (PPO)




Dato' Ahmad Rosli bin
Mohd Sham (Pengerusi)



Dato' Mohd Faudzi
bin Haji Che Mat



Dato' Abdul Manap
bin Dim



Dato' Indera Azimah
binti Abdul Hamid



Dr. Haji Mazlan bin
Haji Ahmad

Panel Penilaian Operasi (PPO) diwujudkan secara pentadbiran dan ahli-ahlinya dilantik oleh Perdana Menteri daripada kalangan mereka yang mempunyai kepakaran dan mewakili badan-badan profesional yang bersesuaian. Mereka merupakan individu yang berupaya memperlihatkan ketelusan dan kebebasan siasatan SPRM. PPO bertanggungjawab memperakukan sesuatu siasatan sebelum ia ditutup. PPO boleh mencadangkan kes dikaji semula sekiranya tidak berpuas hati dengan penjelasan yang dikemukakan oleh SPRM.

Terma Rujukan Panel Penilaian Operasi (PPO)



PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH (PPPR)



Tan Sri Borhan bin
Dolah (Pengerusi)



Tan Sri Mohamad
Salim bin Fateh Din



Prof. Emirita Datuk
Dr. Asma binti Ismail



Prof. Datuk Dr. Azizan
binti Baharuddin



Datin Yasmin binti Tan
Sri Ahmad Merican



Prof. Dr. Nik Ahmad
Kamal bin Nik Mahmud



Tuan Haji Ali Hassan
bin Mohd Hassan

Terma Rujukan PPPR

Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) diwujudkan secara pentadbiran. Dianggotai oleh individu yang dilantik oleh Perdana Menteri. Ahlinya mewakili pelbagai kumpulan masyarakat seperti bekas pegawai tinggi kerajaan, ahli akademik, tokoh korporat, pengamal undang-undang, pakar media, aktivis sosial dan pertubuhan yang diyakini dapat membantu SPRM dalam mencapai matlamat mewujudkan masyarakat yang membenci rasuah di pelbagai sektor





Tajuk : ANAK-ANAK (2022)
Karya oleh : NOR FARIZA BAHARUDDIN
Program : Pameran Seni DERIA 2022 - Kolaborasi Strategik
SPRM Bersama UiTM Melaka dan PERZIM



MAKLUMAT KORPORAT

2022



Ketua Pesuruhjaya SPRM
Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki

2022



Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Operasi)

Dato' Sri Ahmad Khusairi bin Yahaya



Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pencegahan)

**Datuk Seri Norazlan
bin Mohd Razali**



Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pengurusan dan Profesionalisme)

**Dato' Indera Junipah
binti Wandu**

STRUKTUR ORGANISASI

SPRM 2022



Ketua Pesuruhjaya
Tan Sri Dato' Sri KPj
Haji Azam bin Baki



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi)
Dato' Sri TKPj Ahmad Khusairi bin Yahaya



Pengarah Kanan Bahagian Siasatan
Datuk Seri Pj Hishamuddin bin Hashim



Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas
Dato' Pj Tan Kang Sai



Pengarah Bahagian Perisikan
Dato' TPj Azmi bin Kamaruzaman



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)
Datuk Seri TKPj Norazlan bin Mohd Razali



Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan
KPKPj Nazli Rasyid bin Haji Sulong
(hingga 02.01.2022)



Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan
Datuk TPj Izani bin Wan Ishak
(Mulai 1.8.2022)



Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat
Datuk TPj Razim bin Mohd Noor



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme)
Dato' Indera TKPj Junipah binti Wandu



Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
Dato' TPj Haji Idris bin Zaharudin



Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Tuan Mohammad Shahizan bin Abdullah




Pengarah Bahagian Keselamatan
KPKPj Nazli Rasyid bin Haji Sulong
(mulai 03.01.2022)




Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan
Dato' Faridz Gohim bin Abdullah



Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan
Dato' TPj Mohd Hafaz bin Nazar



Pejabat Penasihat Undang-Undang (Kosong)



Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML)

Dato' TPJ Mohamad Zamri bin Zainul Abidin



Pengarah Bahagian Forensik

TPJ Husin bin Mohamad Nasir



Pengarah Bahagian Analisa Kewangan

KPKPj Mohd Azwan bin Ramli



Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat

KPKPj Mohd Nor bin Ali



Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi

TPJ Nurahim bin Haji Abdul Rahim (hingga 31.7.2022)



Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi

TPJ Dato' Nor Azmi bin Karim (mulai 01.08.2022)



Pengarah Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam

TPJ Dato' Nor Azmi bin Karim (hingga 31.07.2022)



Pengarah Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam

KPKPj Lim Bee Kean (Mulai 1.8.2022)



Pengarah Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan

Tuan Sukairi Bin Samsudin



Pengarah Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme

KPKPj Ismajuri bin Ismail



Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan

KPKPj Ahmad Sabri bin Mohamed



Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik

PKPj Kamaruddin bin M Ripin

PENGARAH SPRM NEGERI 2022



**Pengarah
SPRM Kedah**
Dato' TPj Shahrom bin Abdul Manap



**Pengarah
SPRM Selangor**
Dato' TPj Hj. Alias bin Salim



Pengarah SPRM Johor
Dato' TPj Azmi bin Alias



SPRM Negeri Perak
Dato' TPj Haji Mohd Fauzi bin
Hj Mohamad



Pengarah SPRM Sabah
Datuk TPj Karunanithy
A/L Yusubiah



**Pengarah
SPRM WP Kuala Lumpur**
TPj Razaliah binti Ab.
Rahman



**Pengarah
SPRM Pulau Pinang**
KPKPj Lim Bee Kean
(hingga 31.07.2022)



**Pengarah
SPRM Pulau Pinang**
TPj Tuan Ruslan bin
Tuan Mat
(mulai 01.08.2022)



Pengarah SPRM Sarawak
TPj Mohd Zaki bin Hassan



**Pengarah
SPRM Terengganu**
KPKPj Ruslan bin Che
Amad



**Pengarah
SPRM Pahang**
KPKPj Hairuzam bin
Mohamad Amin @ Hamim



**Pengarah
SPRM Kelantan**
KPKPj Rosli bin Husain



**Pengarah SPRM Negeri
Sembilan**
KPKPj Awgkok Ahmad Taufik
Putra bin Awg Ismail



**Pengarah
SPRM WP Putrajaya**
KPKPj Mohd Anuar bin
Ismail



**Pengarah
SPRM Perlis**
PKPj Suzeliyana binti
Hashim



**Pengarah
SPRM Melaka**
PKPj Mohd Shahril bin Che
Saad




**Pengarah
SPRM WP Labuan**
Allahyarham PPj Mohd Yusizzudin
bin Mohd Yusof
(hingga 15.10.2022)



**Pengarah
SPRM WP Labuan**
PPj Datu Robbyie Shym bin
Datu Pindatun
(mulai 17.10.2022)

SPRM



- Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada rasuah.
- Menjadikan SPRM agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia.

● Membanteras segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara berterusan.

- Menerajui usaha pencegahan rasuah di Malaysia.
- Menjadikan SPRM sebagai organisasi yang dinamik dan progresif melalui pembangunan kapasiti dan kapabiliti yang berterusan.


● Amanah dalam menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.

● Tegass menjalankan penyiasatan terhadap semua perlakuan rasuah secara objektif dan tanpa pilih kasih.

● Adil bertindak secara saksama tanpa prasangka dan berat sebelah dalam semua keadaan berteraskan keluhuran undang-undang.




FUNGSI SPRM



- Seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) memperuntukkan fungsi pegawai-pegawai SPRM seperti mana berikut:
- a. Menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang pelanggaran kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pesuruhjaya atau pegawai-pegawai itu;
 - b. Mengesan dan menyiasat:
 - i. Apa-apa kesalahan yang disyaki di bawah Akta SPRM 2009;
 - ii. Apa-apa percubaan yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta SPRM 2009; dan
 - iii. Apa-apa komplot yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.
 - c. Meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dan untuk menghasilkan kajian semula amalan, sistem atau tatacara itu yang pada pendapat Ketua Pesuruhjaya mungkin membawa kepada rasuah;
 - d. Mengarahkan, menasihati dan membantu mana-mana orang, atas permintaan orang itu, tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan oleh orang itu;
 - e. Menasihati ketua badan-badan awam tentang apa-apa perubahan dalam amalan, sistem atau tatacara yang sesuai dengan penunaian berkesan kewajipan badan-badan awam itu sebagai mana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pesuruhjaya untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah;
 - f. Mendidik orang ramai untuk menentang rasuah; dan
 - g. Mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

**Seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**



Strategi serampang tiga mata yang diadaptasikan oleh SPRM adalah berdasarkan kepada seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) seperti berikut:

- 01 Penguatkuasaan**
 - Mengesan kesalahan rasuah; dan
 - Menyiasat kesalahan rasuah.
- 02 Pencegahan**
 - Mengesan risiko rasuah dalam amalan, sistem dan prosedur; dan
 - Memberi khidmat nasihat untuk menutup ruang dan peluang rasuah.
- 03 Pendidikan Masyarakat**
 - Mendidik orang ramai agar menentang rasuah; dan
 - Mendapat dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

KOD ETIKA SPRM



01

Memantapkan integriti warga SPRM dalam menunaikan fungsi dan tanggungjawabnya; dan

02

Menjelaskan tingkah laku yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh warga SPRM bagi memastikan ia selaras dengan kehendak undang-undang, dasar dan garis panduan yang berkuat kuasa.

INTEGRITI adalah elemen yang menjadi asas pembentukan Kod Etika dan Kod Tatakelakuan SPRM. Nilai-nilai teras integriti yang menjadi pegangan SPRM adalah Amanah, Tegas, Adil, Kebebasan, Ketelusan dan Profesionalisme. Selain itu, nilai positif lain iaitu Tegas, Disiplin, Kerjasama, Taat Setia, Komitmen dan Profesionalisme juga ditetapkan sebagai nilai SPRM yang perlu dipegang secara konsisten oleh semua warga dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan.



PENGUATKUASAAN

STATISTIK OPERASI

MAKLUMAT

SPRM telah menerima sebanyak 6,028 maklumat dari pelbagai sumber sepanjang tahun 2022. Penerimaan maklumat tertinggi sebanyak 2,601 maklumat diperoleh daripada pegawai SPRM.

Jadual 1 menunjukkan sumber maklumat yang diterima SPRM bagi tahun 2021 dan 2022.

JADUAL 1: Perbandingan sumber maklumat yang diterima SPRM bagi tahun 2021 dan 2022

BIL	PUNCA MAKLUMAT	2021		2022	
		JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
1.	Pegawai SPRM (termasuk CelO)	2,946	45.58	2,601	43.15
2.	Pengadu datang ke pejabat	612	9.47	640	10.62
3.	Surat Individu	678	10.49	495	8.21
4.	Surat Layang	975	15.09	845	14.02
5.	E-mel	410	6.34	365	6.06
6.	Dirujuk oleh jabatan/agensi	154	2.38	171	2.84
7.	Telefon	159	2.46	106	1.76
8.	Portal Aduan	483	7.47	750	12.44
9.	Lain-lain	46	0.71	55	0.91
JUMLAH		6,463	100%	6,028	100%

Lain-lain punca maklumat merujuk kepada maklumat yang diperoleh daripada laporan media cetak dan elektronik, maklumat diterima melalui faksimili, peti aduan, blog, Laporan Ketua Audit Negara dan MACCMobile.


KATEGORI MAKLUMAT

Maklumat yang diterima dibahagikan kepada dua kategori iaitu maklumat berunsur rasuah dan maklumat bukan berunsur rasuah. Maklumat berunsur rasuah merujuk kepada maklumat yang diputuskan untuk tindakan risikan atau siasatan.

Maklumat yang bukan berunsur rasuah pula adalah maklumat yang tidak diteruskan tindakan risikan atau siasatan. Antara tindakan bagi maklumat

bukan berunsur rasuah adalah pembukaan fail Kertas Pemeriksaan dan Perundingan (KPP) untuk melaksanakan kajian terhadap sistem dan prosedur, rujuk jabatan bagi tindakan dalaman jabatan terbabit, rujuk penulis (pemberi maklumat) untuk tindakan lanjut seperti laporan polis dan maklumat yang diputuskan tidak perlu tindakan lanjut (*no further action*). **Rajah 1** menunjukkan perincian bagi kategori maklumat.

RAJAH 1: Pecahan maklumat mengikut kategori rasuah dan bukan rasuah bagi tahun 2021 dan 2022



TINDAKAN TERHADAP MAKLUMAT

Tindakan terhadap semua maklumat yang diterima diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM). **Jadual 2** menunjukkan perincian tindakan yang diambil terhadap maklumat berunsur rasuah bagi tahun 2021 dan 2022.

JADUAL 2: Perbandingan tindakan terhadap maklumat berunsur rasuah bagi tahun 2021 dan 2022

BIL	TINDAKAN	2021		2022	
		JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
1.	Kertas Siasatan (KS)	828	20.78	820	23.05
2.	Kertas Penyiasatan Awal (KPA)	1,359	34.10	1,199	33.71
3.	Kertas Risikan (KR)	211	5.29	188	5.29
4.	Lain-lain tindakan operasi	1,587	39.82	1,350	37.95
JUMLAH		3,985	100%	3,557	100%

Lain-lain tindakan operasi merujuk kepada operasi bersama, operasi mengejut, projek, intipan, pemerhatian dan *profiling*.

PEMBUKAAN KERTAS SIASATAN

Pembukaan Kertas Siasatan (KS) pada tahun 2022 adalah sebanyak 820. Keberkesanan SPRM dalam siasatan terbukti apabila 766 (93.41%) KS berjaya disiapkan dalam tahun semasa. Bakinya iaitu 54 (6.59%) KS diteruskan siasatan ke tahun berikutnya. Transaksi yang kompleks menjadi faktor utama sesuatu siasatan itu tidak dapat disiapkan dalam tahun semasa. **Jadual 3** menunjukkan pembukaan KS mengikut jenis kesalahan.

JADUAL 3: Pembukaan kertas siasatan mengikut jenis kesalahan bagi tahun 2021 dan 2022

BIL	KESALAHAN	2021		2022	
		JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
1.	Menerima rasuah	343	41.43	293	35.73
2.	Memberi rasuah	67	8.09	79	9.63
3.	Tuntutan palsu	192	23.19	271	33.05
4.	Salah guna jawatan/kedudukan	105	12.68	95	11.59
5.	Pengubahan wang haram	43	5.19	49	5.98
6.	Lain-lain kesalahan	78	9.42	33	4.02
JUMLAH		828	100%	820	100%

TANGKAPAN

Tahun 2022 mencatatkan SPRM membuat tangkapan seramai 909 orang. 323 orang (35.53%) daripada mereka adalah penjawat awam. Bakinya iaitu 586 orang (64.47%) adalah dari sektor swasta, politik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), orang awam dan lain-lain. **Jadual 4** menunjukkan perincian tangkapan mengikut kategori bagi tahun 2021 dan 2022.

JADUAL 4: Statistik tangkapan mengikut kategori bagi tahun 2021 dan 2022

BIL	KATEGORI JUMLAH	2021		2022	
		JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
1.	Penjawat awam	411	48.30	323	35.53
	1.1 Kumpulan Pengurusan Tertinggi	5		5	
	1.2 Kumpulan Pengurusan dan Profesional	124		112	
	1.3 Kumpulan Pelaksana	282		206	
2.	Awam	440	51.70	586	64.47
	2.1 Swasta	240		386	
	2.2 Orang Awam	179		181	
	2.3 Lain-lain	21		19	
JUMLAH		851	100%	909	100%

Kumpulan Pengurusan Tertinggi merujuk kepada ketua jabatan atau pegawai awam bergred Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) dan ke atas. Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah pegawai bergred 41 hingga 54. Manakala, Kumpulan Pelaksana adalah mereka yang bergred di bawah 41.

Kategori awam pula merujuk kepada mereka yang tidak berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Kategori ini merangkumi pegawai/pekerja di sektor swasta, ahli politik, NGO, bekerja sendiri dan suri rumah. **Jadual 5** menjelaskan tangkapan berdasarkan jenis kesalahan bagi tahun 2021 dan 2022.

JADUAL 5: Perbandingan tangkapan mengikut jenis kesalahan bagi tahun 2021 dan 2022

BIL	KESALAHAN	2021		2022	
		JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
1.	Menerima rasuah	419	49.24	354	38.94
2.	Memberi rasuah	115	13.51	92	10.12
3.	Tuntutan palsu	175	20.56	292	32.12
4.	Salah guna jawatan/kedudukan	89	10.46	79	8.69
5.	Pengubahan wang haram	14	1.65	6	0.66
6.	Lain-lain	39	4.58	86	9.46
JUMLAH		851	100%	909	100%

SITA DAN LUCUT HAK

Pada tahun 2022, SPRM berjaya melucut hak harta hasil daripada rasuah sebanyak **RM149,695,341.49**. **Jadual 6** menunjukkan statistik perbandingan sitaan dan lucut hak dari tahun 2018 hingga 2022.

JADUAL 6: Statistik penyitaan dan lucut hak bagi tahun 2018 hingga 2022

TAHUN	JUMLAH PENYITAAN (RM)	JUMLAH LUCUT HAK (RM)
2018	2,709,411,536.12	37,655,788.27
2019	60,830,373.42	1,285,273,511.63
2020	999,379,786.07	14,331,914,169.18
2021	162,521,464.62	5,138,747,240.81
2022	251,053,598.36	149,695,341.49

Beberapa ops telah menyumbang kepada jumlah lucut hak yang tinggi pada tahun 2022. Perinciannya adalah seperti berikut:

- a. Jumlah keseluruhan lucut hak bagi Ops 1MDB sebanyak **RM64,386,825.68** telah berjaya dipulangkan kepada kerajaan Malaysia hasil kerjasama strategik di antara pasukan penjejakan aset 1MDB yang dianggotai oleh SPRM dan beberapa agensi penguatkuasa bersama U.S Department of Justice dan Federal Bureau of Investigation (FBI) yang melibatkan dalam dan luar negara. Pecahan bayaran adalah sebagaimana berikut:

KAEDAH	KES	JUMLAH (RM)
Pemulangan dana	Asset Recovery Singapore (Cheah Chee Kong & Group)	64,386,825.68
	Asset Recovery Dato Rohana	
Kompaun di bawah Seksyen 92 AMLATFPUAA 2001	-	44,454,800.00

- b. Sebanyak RM44,454,800.00 juga telah dilucut hak di bawah Seksyen 92(1) AMLATFPUAA 2001 melalui lain-lain ops yang dijalankan.

TAPISAN KEUTUHAN

Tapisan keutuhan merupakan proses saringan bertujuan memastikan hanya calon yang bebas daripada perlakuan dan penyiasatan rasuah diperakukan untuk sesuatu tujuan. Berdasarkan Pekeliling Am Sulit Bilangan 1 Tahun 1985, semua penjawat awam diwajibkan lulus tapisan keutuhan sebagai syarat bagi kenaikan pangkat atau pemangkuan, persaraan pilihan, penganugerahan darjah kebesaran, bintang dan pingat.

Berdasarkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKMKPK) Siri 67 Bilangan 1 Tahun 2011 bertarikh 10 Mac 2011, tapisan keutuhan juga dibuat ke atas calon yang dicadangkan untuk dilantik sebagai pegawai kanan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) seperti Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan. Perkara ini bagi memastikan hanya individu yang berintegriti dan bebas rasuah layak mengetuai GLC.

JADUAL 7: Statistik tapisan keutuhan oleh SPRM bagi tahun 2022

BIL.	JENIS TAPISAN	BILANGAN PERMOHONAN	BILANGAN CALON
1.	Kenaikan pangkat	40,871	183,607
2.	Persaraan pilihan	11,189	12,912
3.	Pingat negeri	2,744	15,026
4.	Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)	375	2,007
5.	Pingat persekutuan	156	1,762
6.	Tapisan am	10,059	40,201
JUMLAH		65,394	255,515

Bagi tujuan perbandingan, bilangan calon yang disaring oleh SPRM meningkat sebanyak 9,622 calon (3.91%) berbanding tahun 2021 (245,893 calon). Semua proses saringan berjaya diselesaikan dalam tempoh 14 hari sebagaimana piagam pelanggan SPRM.

ANALISA KEWANGAN

MENYUMBANG KEBERHASILAN SIASATAN MELALUI HASIL DAPATAN ANALISIS KEWANGAN

Bahagian Analisa Kewangan (BAK) menjalankan fungsi sokongan siasatan yang berbentuk khidmat analisis kewangan untuk membantu penyiasatan kes-kes kompleks di bawah Akta SPRM 2009, AMLATFPUAA 2001, Kanun Keseksaan dan lain-lain undang-undang yang berkaitan.

RAJAH 2: Skop Khidmat Analisis Kewangan yang diberikan kepada Pemegang Taruh




Sepanjang tahun 2022, BAK telah memberikan khidmat nasihat dan analisis dokumen kewangan dengan penglibatan dalam 42 operasi yang dijalankan oleh Pemegang Taruh yang merangkumi SPRM Ibu Pejabat dan SPRM Negeri. Melalui 42 operasi tersebut, BAK telah mengemukakan

sejumlah 112 pelaporan dalam bentuk Laporan Interim Analisis Kewangan (LIAK) dan Laporan Analisis Kewangan (LAK) yang digunakan oleh Pemegang Taruh sebagai keterangan sokongan (*corroborative evidence*) dalam peringkat siasatan predikat dan juga peringkat pertuduhan.

Berdasarkan kepada statistik khidmat nasihat dan analisis dokumen kewangan dari tahun 2020 hingga 2022, penglibatan Pegawai Bahagian Analisa Kewangan (BAK) dalam operasi-operasi siasatan yang telah dijalankan meliputi di Ibu Pejabat dan SPRM Negeri,

menunjukkan peningkatan seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 3**. Peningkatan ini adalah hasil daripada roadshow yang telah dilaksanakan oleh BAK di mana dengan memberikan sesi taklimat kepada pegawai SPRM khususnya Pegawai Penyiasat di SPRM Negeri.

RAJAH 3: Peningkatan permohonan dan penglibatan pegawai berkaitan khidmat analisis kewangan dalam operasi siasatan



MELUASKAN JARINGAN KERJASAMA BERKAITAN BIDANG PERAKAUNAN

BAK telah mengadakan sesi perbincangan bersama agensi-agensi berkaitan bidang perakaunan antaranya Malaysian Institute of Accountants (MIA) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Berdasarkan kepada persetujuan, SPRM akan menandatangani memorandum persefahaman dengan kedua-dua pihak yang dijangka akan diadakan pada awal tahun 2023.



Mesyuarat bagi membincangkan tema-tema dia dalam memorandum persefahaman yang dipengerusikan oleh Prof. Dr. Haslinda binti Yusof, Dekan Fakulti Perakaunan UiTM

FORENSIK TEKNOLOGI


Perkembangan teknologi telah mengubah lanskap penyiasatan rasuah. SPRM adalah antara agensi yang ke hadapan dalam aspek pembuktian forensik.

Bahagian Forensik Teknologi (BFT) yang mempunyai kepakaran dalam bidang forensik komputer, forensik telefon bimbit, forensik audio dan video, serta forensik dokumen, berperanan untuk membantu pasukan siasatan bagi mendapatkan keterangan dari barang-barang bukti berbentuk digital dan dokumen.

BFT akan membuka Kertas Forensik (KF) berdasarkan kategori-kategori permohonan yang

diterima, iaitu KF Komputer (KFK), KF Telefon Bimbit (KFTB), KF Audio Video (KFAV), KF Dokumen (KFD), KF Respon Pertama (KFFR) dan KF Pemulihan Data (KFDR).

Carta 1 di bawah memperincikan bilangan permohonan yang telah diterima mengikut kategori permohonan, untuk tiga tahun terkini. Secara keseluruhan, sebanyak 920, 776 dan 523 permohonan diterima masing-masing sepanjang tahun 2020, 2021 dan 2022. Penurunan permohonan pada tahun 2022 antaranya disumbang oleh pertukaran format permohonan.



CARTA 1: Statistik permohonan forensik yang telah diterima oleh Bahagian Forensik untuk tahun 2020, 2021 & 2022.

AKREDITASI ISO 17025:2017

BFT sedang dalam proses untuk mendapatkan akreditasi ISO 17025:2017 di bawah Jabatan Standard Malaysia bagi makmal-makmal Forensik BFT. Proses ini melibatkan beberapa siri bengkel, mesyuarat dan perbincangan oleh pegawai-pegawai BFT sejak awal tahun 2022 dan akreditasi

dijangka berjaya diperoleh sebelum penghujung tahun 2023.


Permohonan akreditasi ini merupakan sebahagian daripada perancangan jangka sederhana dalam Pelan Strategik SPRM 2021-2025.



Kursus Understanding & Implementation ISO 17025:2017

TAKLIMAT 'BEST PRACTICES IN DIGITAL FORENSICS' DI SPRM NEGERI-NEGERI

BFT telah mengadakan siri taklimat digital forensik ke pejabat-pejabat SPRM Negeri di seluruh negara. Taklimat ini bertujuan untuk mendedahkan pegawai penyiasat dan pasukan siasatan berkenaan dengan teknologi terkini dalam bidang forensik digital serta amalan-amalan terbaik ketika mengendalikan barang kes digital forensik. Taklimat ini sekaligus merapatkan jurang pengetahuan pegawai penyiasat dengan pemeriksa forensik.



Sesi taklimat di pejabat-pejabat SPRM Negeri

UJIAN POLIGRAF KEPADA KADET LANTIKAN BARU

Bermula tahun 2022, semua kadet lantikan baru diwajibkan menjalani ujian poligraf. Seramai 53 orang Kadet Penolong Penguasa Siri 25 Bil.1/2021 dan 60 orang Kadet Penolong Penguasa Siri 26 Bil.1/2022 telah menjalani ujian poligraf bagi tahun ini. Keputusan ujian telah diserahkan kepada Pusat Latihan Asas MACA dan telah dimaklumkan kepada Pihak Pengurusan Tertinggi. Selain pemeriksa poligraf dari BFT, pemeriksa poligraf dari Bahagian Siasatan, Akademik Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Bahagian Pendidikan Masyarakat, Pejabat Ketua Pesuruhjaya, Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) juga ada membantu.



Ujian Poligraf kepada kadet lantikan baharu

KURSUS AUDIO & VIDEO DI AMERIKA SYARIKAT DAN TURKI

Lima pegawai dari BFT telah menghadiri kursus forensik video bertempat di Virginia dan Ohio, Amerika Syarikat pada 2 hingga 11 Ogos 2022. Pada 1 hingga November 2022 pula, tiga pegawai telah menghadiri kursus forensik audio bertempat di Istanbul, Turki. Kedua-dua kursus berimpak tinggi ini bertujuan untuk meningkatkan kapabiliti dan kepakaran forensik audio dan video.



Kursus Forensik Audio & Video di Amerika Syarikat dan Turki

KES-KES SIASATAN MENARIK

OPS JIMMY : 7 PEGAWAI IMIGRESEN DITAHAN SPRM

Hasil maklumat risikan yang dijalankan sejak tahun 2019 sehingga Jun 2022, mendapati pegawai-pegawai Imigresen Sarawak disyaki menerima rasuah dalam anggaran **RM712,376.00** melalui transaksi kemasukan wang ke dalam akaun peribadi pegawai-pegawai Imigresen dan akaun syarikat agensi pekerjaan dengan tujuan balasan meluluskan dan mempercepatkan serta melindungi kegiatan pekerja-pekerja asing yang telah tamat tempoh bekerja di Sarawak. Antara kesalahan yang terlibat seperti permohonan visa, pasport, permit,

Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), Sistem Temujanji Online (STO) dan DP10 (Professional Work Permit).

SPRM menahan sembilan individu, termasuk tujuh pegawai penguatkuasa berhubung rasuah lebih **RM500,000.00** dari tahun 2019 hingga tahun 2021. Jumlah tahanan melibatkan enam pegawai penguatkuasa termasuk pegawai kanan yang ditahan di Sarawak sementara seorang lagi ditahan di Selangor yang melibatkan tiga lokasi yang berbeza.



Sumber: Harian Metro



Sumber: Harian Metro

OPS PHANTOM : PEGAWAI KANAN PETRONAS CARIGALI DITAHAN KES RASUAH GLC RM2.3 BILLION

Kes dibangunkan berdasarkan maklumat awal bahawa empat suspek yang memiliki harta yang meragukan serta melebihi dari emolumen dan aktiviti jenayah yang kompleks dan ‘organize’ oleh sasaran yang terlibat menjadikan ia sebagai asas pelaksanaan penggunaan kaedah Siasatan Berasaskan Risikan (IBI) bagi mengumpul keterangan secara proaktif.

Maklumat berkaitan Mohd Amal bin M.Razalan sebagai Eksekutif (pembinaan) di SKO, Petronas Carigali Sdn. Bhd., Miri menerima rasuah daripada Muhammad Nazreen bin Abd Hamid, sebagai balasan mengaturkan projek-projek di bawah seliaannya dan memberikan kepada syarikat MGV Energy Sdn. Bhd. milik Muhammad Nazreen.

Antara peranan dan tanggungjawab Mohd Amal adalah mengeluarkan Work Order, meluluskan *work scope* dan *cost proposal* daripada syarikat-syarikat kontraktor berkenaan. Selepas *Cost Proposal* diluluskan oleh Mohd Amal, PCSB akan keluaran ‘*purchase order*’ kepada syarikat. Hasil risikan awal, lima kontraktor utama PCSB yang dikesan terlibat dalam kes ini adalah Petra Resources Sdn. Bhd., Faltech Engineering Sdn. Bhd., Persafe Engineering Sdn. Bhd., SAP House Sdn. Bhd. dan Majestika Sdn. Bhd.

Hasil risikan mendapati sejak tahun 2017 hingga 2021, Mohd Amal disyaki telah meminta dan menerima rasuah daripada kontraktor-kontraktor berkaitan projek di Petronas Carigali Sdn. Bhd., dengan nilai keseluruhan projek berjumlah RM2.33 bilion.




Gambar-gambar ketika operasi dijalankan

OPS HIRE : SELEWENG DANA PENJANA KERJAYA RM100 JUTA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menerima maklumat awam dan aduan daripada pihak PERKESO bahawa terdapat peningkatan yang sangat tinggi dalam tuntutan Penjana Kerjaya (Program Pengambilan Pekerja dan Latihan) walaupun kebanyakan sektor ekonomi tidak beroperasi akibat Covid-19. Penjana Kerjaya (Program Pengambilan Pekerja dan Latihan) merupakan bantuan yang diberikan oleh kerajaan bagi membantu rakyat menghadapi gelombang Covid-19 yang melanda dunia sejak tahun 2020. Kerajaan memperuntukkan dana sebanyak RM3.5 bilion bagi merealisasikan bantuan ini kepada rakyat yang mana lebih kurang RM2.5 bilion telah dibayar manakala baki masih dalam proses bayaran.

Maklumat diterima menyatakan bahawa terdapat 69 buah syarikat mengemukakan butir matan palsu berhubung maklumat pekerja syarikat berkenaan kepada PERKESO semasa permohonan Penjana Kerja iaitu “Program Insentif Pengambilan Pekerja & Program Latihan.”

Modus operandi syarikat-syarikat tersebut adalah dengan mengemukakan data-data pekerja yang palsu bagi membuat tuntutan Penjana Kerjaya di mana penama-penama tersebut sebenarnya tidak bekerja dengan syarikat-syarikat berkenaan. Data-data tersebut diperolehi oleh syarikat menerusi WhatsApp, Facebook dan juga diperolehi daripada laman sesawang ‘My Future Job’. Terdapat juga penama-penama tersebut ditawarkan bayaran sebanyak RM150.00 hingga RM200.00 sebulan selama enam bulan sebagai upah untuk tugas-tugas ‘like & share’ iklan Facebook sedangkan butiran peribadi mereka digunakan oleh majikan bagi membuat tuntutan Penjana Kerjaya.



Gambar-gambar ketika operasi dijalankan

OPS MAYANG : PENGARAH URUSAN MENGAKU BERSALAH, PALSUKAN DOKUMEN

Seorang pengarah urusan bergelar ‘Datuk’ didenda RM80,000.00 dan lucuthak wang berjumlah RM1.9 juta oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 26 Oktober 2022 di atas pertuduhan menggunakan dokumen palsu untuk membuat tuntutan Ujian Penerimaan Kilang (FAT) dalam projek pembinaan pusat membeli belah, Mayang Mall di Kuala Terengganu dua tahun yang lalu.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menggunakan dokumen palsu bertajuk ‘*Testing and Testing Apparatus*’ yang terkandung dalam Tuntutan Kemajuan Kerja-Kerja Mekanikal Dan Elektrikal No. 21 bagi pembinaan blok pusat membeli belah di Kuala Terengganu yang dikenali sebagai Mayang Mall. Dokumen tersebut digunakan untuk membuat tuntutan bagi ‘*Factory Acceptance Test*’ ke atas beberapa peralatan iaitu *chiller, sprinkler, wet riser & dry riser pump, booster & pneumatic pump, dan chiller & condenser pump* yang digunakan dalam projek Mayang Mall, Kuala Terengganu.

Hukuman denda dikenakan terhadap Datuk Asri bin Abu Shari, 54, selepas tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan yang disabitkan ke atasnya. Tertuduh juga berhadapan dengan hukuman penjara selama tiga bulan sekiranya gagal membayar denda yang diperintahkan. Pada masa sama mahkamah turut



Datuk Asri bin Abu Shari diiring ke kamar Mahkamah Majistret Putrajaya oleh Pegawai SPRM untuk proses permohonan reman

membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk melucuthakkan wang berjumlah RM1.9 juta yang berada dalam akaun syarikat Gafis (M) Sdn. Bhd. milik tertuduh kepada kerajaan Malaysia.

OPS MARK : PENGARAH KANAN MENGAKU BERSALAH TERIMA SUAPAN UNTUK TENDER PETRONAS



Suspek (kiri) telah dihadapkan ke Mahkamah bagi pertuduhan pada 05 Oktober 2022

Suspek merupakan Senior Manager di bahagian Centre Of Excellence, Petronas Carigali Sdn. Bhd. dan telah menerima suapan daripada Syarikat Pure Integrity Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang dianugerahkan tender oleh Petronas. Suspek telah menawarkan kepada syarikat Pure Integrity Sdn. Bhd. satu 'backend team' yang akan membantu dalam penyediaan dokumen dengan kadar bayaran tertentu yang dipersetujui, yang mana 'backend team' tersebut adalah suspek itu sendiri. Suspek telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen 14, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur dengan satu pertuduhan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksan dan satu

pertuduhan pilihan seksyen 25(2), nilai Kesalahan dibawah Seksyen 420 Kanun Keseksan sebanyak RM3,980.00 manakala nilai Kesalahan dibawah Seksyen 25(2) Akta SPRM 2009 sebanyak RM686,941.00.

Tertuduh mengaku salah atas pertuduhan pilihan Seksyen 25(2) Akta SPRM 2009. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM100,000.00 dan arahan lucuthak harta yang berkaitan berjumlah RM129,729.56 serta wang dalam akaun tertuduh dan anak tertuduh sebanyak RM59,214.11 dan RM169,799.00.

OPS SABAR : DUA RAKAN GUNA SURAT CAP JARI ORANG MATI DIDAKWA

Pada 12 Mei 2022, Mhd. Kaim bin Tukimon, 70, yang merupakan peniaga dan Ibrahim bin Mahidin, 61, penulis surat dan urusan tanah dituduh atas empat pertuduhan di Mahkamah Sesyen Shah Alam. Mereka berdua bersubahat secara tidak jujur menggunakan empat dokumen sebagai tulen iaitu dokumen 'Power of Attorney', Surat Akuan penama Che' Nah binti Haji Arshad (yang telah meninggal dunia), Dokumen Perjanjian Jual beli dan Dokumen Maklumat Pindah Milik dan Gadaian, yang diketahui bahawa dokumen tersebut adalah dokumen palsu semasa diserahkan kepada Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor, dan dengan itu mereka telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 471 Kanun

Keseksan yang boleh dihukum di bawah seksyen 465 Kanun yang sama.

Pada 28 September 2022, Mhd. Kaim mengaku salah dengan empat pertuduhan dan telah dijatuhkan hukuman penjara satu hari dan denda RM 10,000.00 bagi setiap pertuduhan, jika gagal bayar denda hukuman penjara selama enam bulan dikenakan. Hukuman penjara berjalan secara serentak.

Manakala, Ibrahim telah dijatuhkan hukuman penjara selama setahun bagi setiap pertuduhan setelah pengakuan salah dibuat olehnya pada 9 November 2022.



Sumber: Kosmo

OPS WOKOK : PEROLEH KERJA-KERJA RM2,275,115.92, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF GLC DI NEGERI SABAH DIDAKWA



Bekas CEO telah dihadapkan ke Mahkamah bagi pertuduhan pada 04 Februari 2022.

Sumber: NSTP

Pada 4 Februari 2022, bekas Ketua Pegawai Eksekutif sebuah syarikat GLC Negeri Sabah telah didakwa atas dua pertuduhan rasuah di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009, iaitu menggunakan kedudukannya iaitu seorang Pegawai Badan Awam sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dengan melantik syarikat rakan kongsinya untuk melakukan kerja-kerja mekanikal elektrik bernilai RM2,275,115.92

sekitar bulan Mac 2018 dan Oktober 2017 bagi kerja penyelenggaraan jalan raya sedia ada bernilai RM313,963.40.

Tertuduh mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan tersebut. Jika didapati bersalah beliau boleh dikenakan hukuman lima kali ganda nilai suapan dan penjara 20 tahun bagi setiap pertuduhan.

OPS BADA : DIDENDA RM807,475.00, PENSYARAH DIHADAPKAN KE MAHKAMAH

Sumber: NSTP

Pada 30 Oktober 2018, seorang pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Butterworth, Pulau Pinang dengan sembilan pertuduhan di bawah Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009. Beliau mengaku tidak bersalah dan mohon untuk dibicarakan.

Kes berlaku pada tahun 2011 dan 2012. Pensyarah tersebut didapati telah menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan bagi adik kandung dengan meluluskan syarikat milik adik beliau untuk

membekalkan pelbagai barangan pejabat dan cenderahati yang berjumlah RM160,163.00 kepada jabatannya. Tiada perbandingan harga dibuat dan sebutharga yang dikepilkan bersama adalah daripada syarikat 'dummy'. Adik kandung pensyarah berkenaan turut didakwa atas pertuduhan bersubahat mengikut Seksyen 28(1)(c) akta sama.

Pada 19 Ogos 2022, beliau didapati bersalah dan telah dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan didenda sebanyak RM807,475.00 oleh mahkamah.

OPS ASIA : BEKAS KETUA PEGAWAI OPERASI DIDAKWA TERIMA SUAPAN RM200,000.00

Ops Asia dilancarkan pada Jun 2022 di mana empat tangkapan telah dibuat bagi membantu siasatan berkaitan kerja-kerja pembekalan peralatan perubatan, pembelian tanah, projek pembangunan dan pembekalan perkakasan teknologi maklumat kepada hospital-hospital di bawah syarikat Columbia Asia Healthcare Sdn. Bhd. Pada 2 September 2022 bertempat di Mahkamah Sesyen 1 Shah Alam, Selangor, Mahendran a/l Renganathan, Group Chief Operations Officer Columbia Asia Healthcare Sdn. Bhd. telah didakwa atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 kerana meminta suapan RM250,000.00 dan menerima suapan sebanyak RM200,000.00 daripada pemilik Syarikat Pacifica Media Agency Sdn. Bhd. sebagai balasan melantik syarikat tersebut sebagai broker kepada Columbia Asia Sdn. Bhd. menguruskan pembelian tanah di Cheras untuk pembesaran Columbia Asia Hospital Cheras.

Selain itu, Wong Soon Kee, bekas Manager Project Development, Columbia Asia Sdn. Bhd. (CASB) turut didakwa di mahkamah yang sama atas empat pertuduhan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 kerana dikatakan telah meminta suapan lima peratus bagi setiap nilai kontrak yang bakal diperolehi daripada CASB dan menerima



Mahendran dihadapkan ke mahkamah sesyen atas tuduhan meminta dan menerima suapan

suapan sebanyak RM90,090.00 daripada pemilik syarikat LKL Advance Metaltech Sdn. Bhd. sebagai balasan membantu syarikat tersebut memperolehi kerja pembekalan peralatan perubatan di Columbia Asia Sdn. Bhd.

OPS YDP - OPS KENALI/OPS RENO/OPS KING/ OPS MZEE/OPS BOCOR

OPS KENALI

Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali, bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) /Pegawai Tadbir dan Diplomatik dituduh di Mahkamah Sesyen Jenayah 1, Shah Alam, Selangor pada 30 September 2022 atas empat pertuduhan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksan kerana telah menerima barangan berharga, iaitu wang tunai berjumlah RM100,000.00 antara tahun 2017 dan 2019 tanpa balasan daripada Azizul bin Ab Majid, pemilik Syarikat Kenali Yakin Enterprise, yang mana tertuduh mengetahui pernah dan mempunyai hubungan dengan tugas rasmi tertuduh sebagai YDP MDKL pada ketika itu.

OPS RENO

Pada 23 September 2022, tertuduh, Shukri bin Mohamad Hamid dituduh di ke Mahkamah Sesyen Jenayah 1, Shah Alam, Selangor atas empat pertuduhan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksan kerana telah menerima barangan berharga daripada pemilik Syarikat Kenali Yakin Enterprise, Azizul bin Ab Majid yang mana tertuduh mengetahui ada hubungan dengan tugas rasmi sebagai Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga Majlis Perbandaran Daerah Hulu Selangor dan Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak yang bertanggungjawab ke atas menguruskan proses perolehan di Majlis Perbandaran Kuala Langat dan

Pejabat Daerah dan Tanah Gombak antara 28 Februari 2020 hingga 22 Mei 2021 ketika menjadi Pegawai Daerah Gombak dan YDP Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS). Tertuduh didakwa menerima tiket kapal terbang bernilai RM13,200.00 untuk isterinya, wang deposit RM30,000.00 bagi membeli kereta Honda Civic, kereta Toyota Corolla bernilai RM7,711.00 dan pembayaran barangan ubah suai rumah bernilai RM11,229.50.00.

OPS KING

Muhammad Hafiz bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang dituduh di Mahkamah Sesyen Jenayah 1, Shah Alam atas dakwaan enam pertuduhan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksan kerana telah menerima barangan berharga daripada pemilik Syarikat Kenali Yakin Enterprise, Azizul bin Ab Majid yang mana tertuduh mengetahui ada hubungan dengan tugas rasmi tertuduh sebagai Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang.

OPS MZEE



Pada 23 September 2022, bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohamad Zain bin A Hamid, didakwa atas enam pertuduhan rasuah yang didakwa berlaku antara 24 Julai 2019 hingga 15 Januari 2021 ketika tertuduh memegang jawatan berkenaan. Tertuduh didakwa menerima

suapan dalam bentuk tiket kapal terbang, dua unit iPhone XS masing-masing untuk isteri serta teman wanitanya dan dua basikal keseluruhannya bernilai RM18,070.00. Barangan itu juga diterima daripada Azizul sebagai balasan untuk membantu syarikat bawah seliaannya mendapat sebut harga dan inden di MPKL.

Untuk pertuduhan kali kedua, pada 11 Oktober 2022, sekali lagi tertuduh didakwa di Mahkamah Sesyen Jenayah 9, Kuala Lumpur atas 11 pertuduhan kerana telah menerima sebanyak lapan kali wang tunai dan pindahan atas talian berjumlah keseluruhan sebanyak RM9,000.00 untuk teman wanitanya dan tiga kali pembayaran kad kredit miliknya berjumlah keseluruhan sebanyak RM13,100.00 daripada Azizul bin Ab Majid sebagai balasan membantu meluluskan permohonan inden dan sebutharga yang dipohon oleh syarikat Azizul.


OPS BOCOR

Pada 23 September 2022, Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni, Juru Ukur Bahan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MDKL) didakwa atas empat pertuduhan menerima wang berjumlah RM51,100.00 daripada Azizul antara 24 Disember 2019 hingga 6 November 2020 dan didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan. Tertuduh telah menerima barangan berharga daripada pemilik Syarikat Kenali Yakin Enterprise, yang mana tertuduh mengetahui ada hubungan dengan tugas rasmi sebagai Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan di Majlis Perbandaran Kuala Langat yang bertanggungjawab menguruskan proses perolehan di MDKL.



Gambar-gambar pertuduhan di mahkamah

RAJAH 4: Ringkasan modus operandi OPS SBD



OPS SDB : MELULUSKAN PINJAMAN RM294 JUTA, CEO BANK DIREMAN

Satu siasatan terbuka telah dijalankan oleh SPRM berkaitan dengan penyelewengan pinjaman fasiliti oleh sebuah syarikat iaitu syarikat A dengan syarikat Bank milik Kerajaan Negeri Sabah dengan jumlah pinjaman sebanyak RM294,595,295.00 pada tahun 2010.

Syarikat A telah melantik satu syarikat perunding sebagai perunding syarikat bagi tujuan mendapatkan pinjaman daripada bank-bank bagi tujuan Management Buyout Syarikat Berhad. Siasatan juga mendapati suspek iaitu Ketua Pegawai Eksekutif syarikat perunding pelaburan milik anak syarikat kerajaan negeri telah mengarahkan syarikat perunding untuk menaikkan jumlah pinjaman fasiliti sebagai kos

tambahan sebanyak RM25 juta untuk ‘feasibility studies’ bagi cadangan projek masa akan datang bagi Syarikat Berhad.

Siasatan mendapati sebanyak RM24,000,025.00 telah dipindahkan dalam akaun bank di Singapura milik Syarikat Limited melalui syarikat B pada 13 September 2010. Syarikat Limited ini milik suspek yang didaftarkan di Hong Kong.

Serbuan dan penggeledahan dibuat di beberapa premis syarikat dan rumah-rumah suspek yang terlibat di sekitar Kuala Lumpur dan Sabah serta sebanyak lima tangkapan telah dilakukan ketika operasi ini

dijalankan dan seramai 25 orang saksi kes telah dirakam percakapan.


Siasatan mendapati wang yang dipindahkan ke dalam akaun Syarikat Limited di Singapura masih disimpan sehingga kini dengan anggaran sebanyak RM18 juta di dalam akaun bank milik peribadi dan juga akaun pelaburan suspek di Singapura.

Memandangkan akaun bank yang terlibat di luar negara, siasatan di bawah AMLATFPUAA 2001 telah dijalankan dengan menggunakan bantuan Jabatan Peguam Negara melalui Mutual Legal Assistance (MLA). Pada 20 Oktober 2022 pihak SPRM juga telah mendapatkan perintah daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dibawah Seksyen 53 AMLATFPUAA 2001 bagi tujuan penyitaan harta dalam akaun bank di Singapura.



CEO wanita yang disambung reman untuk melengkapkan siasatan SPRM

RAJAH 5: Ringkasan modus operandi OPS COOKIES



OPS COOKIES : CEO DAN PENGARAH PEMASARAN DIDAKWA SALAH GUNA KUASA DAN PECAH AMANAH

Syarikat AB merupakan syarikat tempatan yang tersenarai dalam Bursa Malaysia yang menjalankan perniagaan pelbagai jenis kek, gula-gula dan makanan ringan telah menghadapi masalah kewangan sejak 2019 Perbelanjaan melebihi daripada keuntungan syarikat hasil ketirisan dan perbelanjaan tidak terkawal yang dilakukan oleh CEO dan Pengarah syarikat AB.

Suspek merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bersama dengan Pengarah Pemasaran syarikat AB telah menyalah guna kuasa serta pecah amanah sehingga mengakibatkan syarikat AB mengalami kerugian besar dan menanggung hutang luar biasa daripada pendapatan syarikat.

Syarikat AB telah memohon kemudahan 'Trade Facilities' daripada beberapa bank tempatan melalui permohonan 'Banker's Acceptance'. Walau bagaimanapun, siasatan mendapati suspek secara bersama Pengarah Pemasaran telah mengarahkan pekerja mereka untuk memalsukan dokumen berkaitan kewangan syarikat seperti dokumen *tax invoice* dan

delivery order yang palsu dari tahun 2018 sehingga tahun 2019 dengan anggaran jumlah RM27 juta dengan tujuan memperdayakan pihak bank bagi meluluskan permohonan *Banker's Acceptance*.

Hasil daripada pemalsuan dokumen yang dikemukakan bagi tujuan mendapatkan kemudahan 'Trade Facilities' daripada bank menyebabkan pihak syarikat menanggung hutang luar biasa dan telah mendapat perintah mahkamah untuk 'winding up' seterusnya proses likuidasi berlaku.

Keberhutangan yang tinggi menyebabkan proses likuidasi yang dilakukan tidak dapat menyelesaikan hutang-hutang tertunggak dengan pihak syarikat pembekal dan pihak bank.

Pengeledahan telah dilakukan terhadap 25 premis syarikat yang terlibat bagi merakam pernyataan saksi serta mendapatkan dokumen-dokumen yang berkaitan di sekitar Lembah Klang, Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Pulau Pinang.

OPS POWER : AKTIVITI HARAM PERLOMBONGAN BITCOIN TUMPAS

Satu projek operasi bersama yang dinamakan ‘OPS POWER’ telah dijalankan antara SPRM dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Suruhanjaya Tenaga sejak tahun 2019 hingga 2022. Sasaran adalah orang awam yang telah menyewa lebih kurang 998 premis di pelbagai lokasi di seluruh negara bagi tujuan menjalankan aktiviti melombong bitcoin.

Premis-premis ini digunakan bagi tujuan melombong bitcoin di seluruh negara yang dikesan mencuri bekalan elektrik dengan cara menggunakan alat khas bagi mengurangkan jumlah penggunaan elektrik bulanan. Data TNB mendedahkan kecurian elektrik hasil daripada perlombongan bitcoin ini menyebabkan TNB kerugian sehingga RM2.3 bilion bagi tempoh 2018 hingga 2021.

Operasi ini dilaksanakan bertujuan mengesan pemberian wang rasuah yang diberikan oleh pengusaha-pengusaha pelombong matawang kripto yang mencuri elektrik kepada pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Pada 28 Februari 2022 pihak SPRM telah menahan 18 individu bagi membantu siasatan kes suapan oleh sindiket bitcoin kepada pekerja Tenaga Nasional Bhd. (TNB). Tangkapan turut membabitkan seorang suspek yang menguasai 500 premis bitcoin yang beroperasi di sembilan buah negeri.

Semasa serbuan, wang tunai berjumlah RM281,180.00 telah disita daripada kesemua



suspek yang ditahan. Selain itu, sebanyak 122 akaun melibatkan 95 individu dan 27 syarikat berjumlah RM4.5 juta turut dibekukan. Sitaan turut membabitkan 1,157 mesin bitcoin bernilai RM2.34 juta dan wang kripto berjumlah RM936,796.30 (USD224,859.59).

Suspek dipercayai menawarkan wang rasuah antara RM3,000.00 hingga RM300,000.00 kepada pekerja TNB agar tidak diambil sebarang tindakan dan membocorkan maklumat operasi. Pembayaran rasuah dilakukan dengan dua kaedah iaitu secara tunai dan wang kripto selain turut dibayar secara bulanan. Sindiket bitcoin ini menggunakan mesin-mesin melombong bitcoin yang terkini dan dibeli dari negara China sebelum dibawa masuk ke negara ini melalui Pelabuhan Klang dan diisytihar sebagai peralatan teknologi maklumat.

Suspek dituduh dibawah Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009 atas pertuduhan memberi rasuah kepada pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB) berkaitan aktiviti perlombongan bitcoin. Manakala bagi siasatan AMLA pula, ‘aktiviti haram’ iaitu tindakan mencuri elektrik yang dilakukan oleh

suspek telah menyebabkan berlakunya satu kesalahan berat yang terkandung dalam Jadual Kedua AMLATFPUAA 2001 iaitu kesalahan di bawah Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009. Ini bermakna suspek boleh dituduh di bawah Seksyen 4(1)(b) AMLATFPUAA 2001.



Sumber: Harian Metro



Sumber: BuletinTV3

OPS CAMRY : CEO DAN PRESIDEN SYARIKAT GLC DIDAKWA MEMPERDAYAKAN AHLI LEMBAGA PENGARAH

Pada 22 Mac 2022, SPRM telah mendakwa bekas Ketua Pegawai Eksekutif & presiden sebuah badan berkanun, Johor Corporation (JCORP) kerana memperdaya lembaga untuk melabur USD 53 juta (RM270 juta) dari 2008 hingga 2019. Siasatan ini juga dibantu oleh Firma Audit Ernst & Young dari tahun 2020. JCORP ialah syarikat induk Johor Logistics Sdn. Bhd. (JLSB) dan KULIM. JCORP, JLSB dan KULIM adalah ahli Kumpulan Syarikat JCORP dan beliau juga merupakan bekas pengarah bagi Kumpulan Syarikat JCORP ini.

Turut disiasat adalah seorang warga Lubnan dan warga Amerika. Kedua-duanya adalah pengarah dan pegawai kumpulan syarikat World Logistics Council pada masa yang sama telah disiasat oleh pihak berkuasa FBI di Amerika Syarikat.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif & Presiden JCORP ini dikatakan telah melanggar kewajipan fidusiari, amanah, penjagaan, kemahiran dan ketekunan terhadap JLSB, JCORP dan KULIM dengan gagal melaksanakan tugasnya mengikut peraturan, arahan dan peraturannya serta bertindak demi kepentingan terbaik berhubung dengan Kumpulan JCORP pelaburan Syarikat dalam pembangunan sistem logistik global oleh WLC Ltd. 'Pelaburan WLC'

Dari tahun 2008 hingga 2019 sebanyak USD53,897,844.24 telah dilesapkan daripada wang yang dipindahkan ke World Logistic Council oleh ketiga-tiga tertuduh ke pelbagai negara dan tertuduh telah dituduh di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan dengan satu pertuduhan melibatkan USD1,250,000.00 atas kesalahan menipu dengan memperdayakan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation.



Sumber: Bernama



Sumber: Berita RTM

OPS COUPLE : USD 10 JUTA DIKEMBALIKAN KEPADA KERAJAAN MALAYSIA

Kes Dato' Rohana binti Tan Sri Datuk Rozhan bekas CEO Astro Malaysia Holdings Berhad dikatakan menerima USD10 juta daripada Tim Leissner, seorang warganegara German dan merupakan bekas Pengarah Asia serta rakan kongsi Goldman Sachs.

Tim Leissner yang mengaku bersalah pada tahun 2018 atas pertuduhan pengubahan wang haram dan melanggar Akta Amalan Rasuah Asing bersabit dana 1MDB di Mahkamah Brooklyn, New York, Amerika Syarikat bersetuju bekerjasama dengan kerajaan Amerika Syarikat menjadi saksi utama pendakwaan dalam kes penyelewengan dana 1MDB dengan memberi keterangan dalam percikaraan terhadap Roger Ng bagi kes United States V. Ng Chong Hwa.

Semasa menjadi saksi pendakwaan ke atas Roger Ng, Tim Leissner mengaku menerima wang hasil tiga bon terbitan GS untuk 1MDB melalui akaun syarikat Capital Place Holdings atas nama bekas isterinya,

Judy Chan Leissner. Hasil terimaan wang dalam akaun Capital Place Holdings tersebut, Tim Leissner telah memindahkan wang ke beberapa individu termasuk kepada Dato' Rohana berjumlah USD10 juta.

Dato' Rohana telah menggunakan wang tersebut untuk membayar deposit pembelian sebuah rumah beralamat di 42 Montpelier Street, London SW7 yang bernilai GBP7,345,233.18.

Hasil siasatan mendapati, Dato' Rohana tidak terlibat secara langsung dalam urusan penyelewengan dana 1MDB dan sejumlah USD10 juta yang diterima tersebut adalah atas dasar hubungan antara beliau dan Tim Leissner. Oleh itu, siasatan difokuskan kepada tindakan pemulihan aset terhadap amaun terlibat yang diterima oleh Dato' Rohana menerusi peruntukan di bawah Seksyen 60 (1) AMLATFPUAA 2001. Hasilnya SPRM telah berjaya membawa pulang USD10 juta untuk dipulangkan kembali kepada Kerajaan Malaysia.



Rumah yang dibeli oleh Dato' Rohana dengan duit USD 10 juta

STATISTIK KES PENDAKWAAN

Pada tahun 2022, sebanyak 575 kes dituduh di Mahkamah Khas Rasuah di seluruh negara. Pecahan pertuduhan mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 8**.

JADUAL 8: Pertuduhan mengikut kategori

KATEGORI	BILANGAN ORANG DITUDUH (%)	
Penjawat awam	296	(51.5%)
Swasta	127	(22.1%)
Syarikat berkaitan kerajaan	12	(2.1%)
Politik	-	-
Pertubuhan awam	26	(4.5%)
Orang awam	114	(19.8%)
JUMLAH	575	

KES-KES PERBICARAAN

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 715 kes perbicaraan dikendalikan termasuk 415 kes baharu. Daripada jumlah tersebut, 328 kes selesai dibicarakan, dengan tahap sabitan 90.2%. Perincian keputusan kes perbicaraan di Mahkamah Sesyen adalah seperti di **Jadual 9**.

JADUAL 9: Keputusan kes perbicaraan di Mahkamah Sesyen

BIL.	KEPUTUSAN	JUMLAH (%)	
1.	Disabit kesalahan	294	(90.2%)
2.	Lepas dan bebas	21	(6.4%)
3.	Dilepas tanpa dibebaskan	1	(0.3%)
4.	Ditarik balik	10	(3.1%)
JUMLAH		326	

Sejumlah RM223,903,282.00 denda telah dikenakan ke atas individu-individu yang disabitkan atas kesalahan rasuah.


KES-KES RAYUAN

Pada tahun 2022, sebanyak 139 kes rayuan dikendalikan di peringkat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan termasuk 28 kes baharu yang didaftarkan. Sebanyak 38 kes yang berjaya diselesaikan di peringkat Mahkamah Tinggi dan dua kes di Mahkamah Rayuan manakala baki 99 kes rayuan masih belum diputuskan. Perincian keputusan kes di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan adalah seperti di Rajah 6 dan 7.

RAJAH 6: Perincian keputusan kes di Mahkamah Tinggi




RAJAH 7: Perincian keputusan kes di Mahkamah Rayuan



KES-KES PELUCUTHAKAN HARTA

Sebanyak 118 kes pelucuthakan harta dikendalikan di mahkamah, termasuk 87 permohonan baharu yang didaftarkan. Sejumlah 102 kes permohonan telah selesai. Ringkasan keputusan kes pelucuthakan adalah seperti di **Rajah 8**.

RAJAH 8: Keputusan kes pelucuthakan harta



KEJAYAAN PENDAKWAAN KES BERPROFIL TINGGI

Berikut adalah beberapa kes berprofil tinggi yang keputusannya memihak kepada pihak pendakwa:

ROSMAH MANSOR

(Isteri Dato' Sri Mohd Najib bin Abdul Razak)

Tiga pertuduhan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009

Tertuduh didapati bersalah dan disabitkan ke atas semua pertuduhan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009
Hukuman: Penjara 10 tahun untuk setiap pertuduhan dan hukuman berjalan serentak serta denda berjumlah RM970 juta (10 tahun penjara jika gagal membayar denda)

PETER ANTHONY

(Naib Presiden Parti Warisan Sabah)

Satu pertuduhan di bawah Seksyen 468 Kanun Keseksaan

Tertuduh didapati bersalah dan disabitkan ke atas pertuduhan di bawah Seksyen 468 Kanun Keseksaan.
Hukuman: Penjara tiga tahun dan denda RM50 ribu (15 bulan penjara jika gagal membayar denda)

NASHARUDIN MAT ISA

(Bekas Timbalan Presiden Pas)

Satu pertuduhan di bawah Seksyen 4(1) AMLATFPUAA 2001
Satu pertuduhan pilihan di bawah Seksyen 403 Kanun Keseksaan

Tertuduh mengaku bersalah di bawah Seksyen 403 Kanun Keseksaan dan dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 294 Kanun Prosedur Jenayah iaitu dikenakan bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran RM100 ribu.

AZMIL MUNTAPHA ABAS

(Bekas Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Bharu)

Satu pertuduhan di bawah Seksyen 16(a)(B) & 17(a) Akta SPRM 2009
Satu pertuduhan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan

Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah di bawah Pertuduhan Pilihan Seksyen 165 Kanun Keseksaan.
Hukuman: Penjara enam bulan dan denda RM25 ribu (enam bulan penjara jika gagal membayar denda)

ABU BAKAR MOHD YUSOF

(Bekas Pengarah Jabatan Perairan dan Saliran WPKL)

Tiga pertuduhan di bawah Seksyen 16(a)(B) & 17(a) Akta SPRM 2009

Mahkamah Tinggi mengekalkan sabitan pertuduhan-pertuduhan terhadap tertuduh. Hukuman dikekalkan.
Hukuman: Penjara dua bulan dan denda RM10,486.40 (dua bulan penjara jika gagal bayar denda);
Penjara empat bulan dan denda RM22,840.00 (empat bulan penjara jika gagal bayar denda);
Penjara 20 bulan dan denda RM100,000.00 (20 bulan penjara jika gagal bayar denda); dan
Hukuman berjalan berturut-turut

DATO' AHMAD SHALIMIN AHMAD SHAFFIE

(Bekas Pengarah Bukan Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak)

Seksyen 41(1) Akta SPRM 2009

Mahkamah membenarkan permohonan lucuthak wang tunai yang keseluruhannya berjumlah RM5 juta

AZMI OSMAN & LIMA YANG LAIN

(Bekas Supritendan PDRM)

Seksyen 55 AMLATFPUAA 2001

Mahkamah memberi penghakiman persetujuan seperti berikut:

RM1,472,626.54

(dalam Akaun Simpanan Utama dan Akaun Simpanan Tetap);

RM746,814.86

(dalam Akaun Unit Amanah, Akaun Amanah Saham Bumiputra, Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Nasional Berhad); dan

Lot tanah 675 Mukim Hulu Sungai Sedili Besar, Kota Tinggi, Johor bernilai RM90,000.00.

DATO' ADLY KAMARUDIN

(Pengarah Syarikat Tuah Usaha Sdn. Bhd.)

10 pertuduhan pilihan di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan

Tertuduh mengaku bersalah bagi 10 pertuduhan pilihan di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan
Hukuman: Denda RM3 juta dan lucuthak berjumlah RM5,014,633.24 di bawah Seksyen 45(2) AMLATFPUAA 2001



PENCEGAHAN


PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN

SPRM melalui Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) dan Unit Pemeriksaan dan Perundingan (UPMP) SPRM negeri berperanan menjalankan pemeriksaan terhadap amalan, sistem dan tatacara kerja dalam sesebuah organisasi. BPMP melaksanakan tanggungjawab ini berpandukan peruntukan Seksyen 7(c), 7(d) dan 7(e) Akta SPRM 2009 seperti **Rajah 9**.

Tindakan ini bertujuan mengenal pasti punca sebenar berlakunya rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan tadbir urus. Seterusnya, cadangan penambahbaikan yang signifikan, berimpak serta relevan diberikan kepada pengurusan organisasi menerusi sesi khidmat nasihat.

RAJAH 9:

Punca Kuasa Pelaksanaan Pemeriksaan dan Khidmat Nasihat SPRM di bawah Akta SPRM 2009




PEMERIKSAAN AMALAN, SISTEM DAN TATACARA

Proses kerja pemeriksaan dan perundingan SPRM adalah sebagaimana **Rajah 10**.



Manakala **Rajah 10** dan **11** menunjukkan jumlah pembukaan Kertas Pemeriksaan dan Perundingan (KPP), Sampul Kecil Pemeriksaan (SKP), Kertas Pemantauan Berjadual (KPB) dan cadangan penambahbaikan pada tahun 2022.


RAJAH 11:
Jumlah KPP, SKP, KPB dan cadangan penambahbaikan bagi tahun 2022



Dalam tempoh berkenaan, SPRM telah membuka 81 KPP dan 77 SKP mengikut bidang tumpuan pemeriksaan adalah sebagaimana **Carta 2 dan 3**. Sebanyak 313 cadangan penambahbaikan telah dipersetujui untuk dilaksanakan oleh 97 jabatan awam dan swasta. Bagi tujuan pemantauan terhadap pelaksanaan cadangan penambahbaikan, sebanyak 99 KPB dibuka sepanjang tahun 2022.


CARTA 2:

Pembukaan KPP mengikut bidang tumpuan pemeriksaan bagi tahun 2022



CARTA 3:

Pembukaan SKP mengikut bidang tumpuan pemeriksaan bagi tahun 2022



Antara isu-isu utama melibatkan kepentingan awam serta menjadi fokus pemeriksaan SPRM pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

1. ISU PENGURUSAN DANA UNTUK PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA OLEH UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA (MITRA)

Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) yang diterajui oleh Jabatan Perdana

Menteri (JPM) merupakan sebuah unit khas yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal pembangunan sosioekonomi masyarakat India di Malaysia.

Isu yang diteliti adalah merangkumi amalan, sistem dan tatacara berkaitan pengagihan dana oleh MITRA kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat. Antara penemuan yang dikenal pasti dan cadangan penambahbaikan adalah seperti di **Rajah 12.**

RAJAH 12:

Antara penemuan dan cadangan penambahbaikan berkaitan isu pengurusan dana untuk Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India

8 PENEMUAN

- 1 Masih menerima permohonan secara manual walaupun tarikh permohonan secara atas talian telah ditutup.
- 2 Tiada takwim mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Program Kementerian Perpaduan Negara (KPN)/Jawatankuasa Pemantauan KPN dan amalannya hanya boleh dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU).
- 3 Tiada sistem pangkalan data yang menyimpan rekod NGO/syarikat yang menerima dana.
- 4 Perjawatan sedia ada tidak mencukupi dan hanya 17 (63%) perjawatan mengikut waran diisi serta masih terdapat lantikan berdasarkan syor ahli politik.

ISU

Kelemahan terhadap amalan sistem dan tatacara berkaitan pengagihan dana

8 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- 1 Permohonan program hanya dibuka secara atas talian sahaja dan tiada permohonan diproses selepas tarikh permohonan ditutup. Permohonan program dibuka lebih awal iaitu suku keempat tahun sebelumnya bagi memastikan program mendapat kelulusan seawal bulan Januari.
- 2
 - Penurunan kuasa kepada Timbalan Ketua Setiausaha sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Program KPN dan Pengerusi Jawatankuasa Pemantauan KPN semasa ketiadaan KSU.
 - Mengeluarkan takwim tahunan bagi kedua-dua mesyuarat.
- 3
 - Mewujudkan sistem pangkalan data bagi tujuan tapisan ke atas NGO/syarikat yang berdaftar dengan MITRA serta mempunyai rekod kelayakan dan berkemampuan untuk melaksanakan program.
 - Memaparkan nama NGO/syarikat penerima dana, jumlah dana dan program yang dilaksanakan di dalam portal.
 - Menyenaraihitamkan NGO/syarikat dan ahli jawatankuasa/pemilik yang melanggar perjanjian yang telah dimeterai.
- 4
 - Pengisian jawatan oleh penjawat awam lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan tiada lantikan berdasarkan syor ahli politik.
 - Menambah perjawatan khususnya daripada kumpulan sokongan bagi tujuan semakan ke atas dokumen yang dikemukakan dalam Laporan Berkala dan Laporan Akhir.

8 PENEMUAN

5

Berdasarkan perjanjian, NGO/syarikat hanya perlu memulangkan baki dana yang tidak dibelanjakan sekiranya didapati NGO/syarikat tidak mematuhi syarat perjanjian.

6

Tiada ketetapan kriteria program bagi menentukan kaedah penyaluran dana sama ada secara *one-off* atau berperingkat 50%-40%-10%.

7

Pemantauan di lokasi dilaksanakan secara rawak dan hanya menjalankan pemantauan berdasarkan laporan yang dihantar.

8

Semakan dokumen kewangan yang meragukan tidak dilaksanakan secara terperinci.

IMPAK

- Mengurangkan risiko ketirisan dengan menghadkan jumlah dana yang boleh dipohon.
- Mengekang kes tuntutan palsu/pemalsuan dokumen daripada berlaku di masa hadapan.
- Mengurangkan kerugian kerajaan dengan mendapatkan kembali sejumlah RM216,500.00 daripada agensi yang gagal melaksanakan objektif program.

8 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

5

Menambahbaik perjanjian dengan menetapkan pemulangan penuh dana secara sukarela atau tuntutan sivil.

6

Mewujudkan kriteria secara bertulis berkaitan jumlah yang boleh dimohon oleh NGO/syarikat bagi setiap program dan penyaluran dana secara *one-off* dan berperingkat.

7

Membuat pemantauan menggunakan *audit method based sampling* untuk memilih program yang perlu lawatan di lokasi.

8

- Membuat semakan penuh terhadap butiran di dalam dokumen kewangan yang dikemukakan
- Membuat pengesahan program dijalankan daripada penceramah/fasilitator/peserta program dan pengesahan pembekalan daripada pembekal
- Memastikan penyata bank yang dikemukakan menunjukkan tiada transaksi selain perbelanjaan ke atas program
- Mengambil tindakan seperti surcaj ke atas pegawai yang gagal melaksanakan pemantauan terhadap program yang dijalankan
- Memasukkan peringatan di bawah Seksyen 18 dan hukuman di bawah Seksyen 24 Akta SPRM 2009 di dalam perjanjian.



Sesi Khidmat Nasihat kepada Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perpaduan Negara dan Ketua Pengarah MITRA pada 22 Februari 2022

2. ISU PEROLEHAN TENDER DI AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Pemeriksaan dijalankan terhadap aktiviti kartel dalam perolehan tender di Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMANTAH), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS), Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Modus operandi menggunakan beberapa syarikat bagi tujuan mendapatkan tender dengan mengemukakan dokumen palsu seperti Surat Setuju Terima dan Borang A Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai bukti rekod pengalaman kerja. Antara penemuan yang dikenal pasti dan cadangan penambahbaikan adalah seperti di **Rajah 13**.

RAJAH 13:

Antara penemuan dan cadangan penambahbaikan berkaitan isu aktiviti kartel perolehan tender

OPS KARTEL PEROLEHAN

PEMERIKSAAN AMALAN, SISTEM DAN TATACARA PEROLEHAN TENDER

ISU:

1. BERLAKU AKTIVITI KARTEL UNTUK MENDAPATKAN PROJEK KERAJAAN
2. SISTEM PEROLEHAN SEDIA ADA YANG LEMAH DAN TIDAK BERSEPADU
3. KELEMAHAN HUMAN FACTOR DALAM PERLAKSANAAN DUE DILIGENCE

PENEMUAN

CADANGAN

1	Maklumat petender dalam Sistem Government Procurement Information System (GPIS) tidak dikemaskini oleh agensi.	» Tindakan penguatkuasaan dan tatatertib diambil terhadap pegawai yang menguruskan perolehan bagi agensi yang tidak mengemaskini maklumat petender/syarikat dalam GPIS.
2	Seseorang individu menggunakan banyak syarikat untuk menyertai perolehan kerajaan sedangkan syarikat tersebut hanya diuruskan oleh beliau sendiri tetapi didaftar atas nama individu lain. (<i>Beneficial ownership</i>)	» Mengenakan Bon/Deposit Tender sebanyak 2.5% daripada tawarannya atau maksimum RM10,000 untuk menyertai tender bernilai RM500,000 ke atas dengan melaksanakan pindaan terhadap PK 2.1.
3	Anggaran Jabatan/Harga Indikatif tidak didedahkan dalam dokumen tender (Arahan Kepada Petender).	» Anggaran Jabatan/Harga Indikatif didedahkan dalam dokumen tender (Arahan Kepada Petender) bagi mengurangkan kebocoran maklumat serta mengelakkan <i>re-tender</i>
4	Borang A - Surat Pengakuan Kesahihan Maklumat dan Dokumen Yang Dikemukakan oleh petender/syarikat hanya mengikat dari sudut kontrak dan bukan dari sudut perundangan.	» Menyyaratkan setiap syarikat menandatangani Surat Aakuan Sumpah Syarikat (Commissioner For Oath - CFO) semasa mengemukakan maklumat dan dokumen yang disenaraikan dalam Borang A.
5	Prosedur Kewangan MAIWP 2020 tidak selari dengan Kaedah Perolehan Kerajaan.	» Menambahbaik Prosedur Kewangan MAIWP dengan mengambil kira tadbir urus baik berdasarkan Kaedah Perolehan Kerajaan.
6	Tiada Garis Panduan Penilaian Perolehan oleh MAIWP.	» Mewujudkan Garis Panduan Penilaian Perolehan MAIWP berdasarkan tadbir urus baik sebagaimana PK2.1.
7	Saluran aduan berkaitan perolehan tidak berkesan.	• Mewujudkan sub modul e-aduan berkaitan perolehan. » • MOF meneliti semula saluran aduan yang lebih fokus kepada kesalahan perolehan.
8	Tiada sistem berpusat bagi pengurusan perolehan.	» • Membangunkan Single Integrated System (e-Work) dengan mengambil kira Emerging Technology yang mempunyai ciri-ciri berikut: » <i>Blockchain</i> » <i>Cloud Computing</i> » <i>Artificial Intelligence</i> » <i>End to end process</i> • Enhance Automated System penambahbaikan dan integrasi sistem sedia ada seperti e-Perolehan dan GPIS (MOF), SKALA (JKR), CIMS (CIDB), MyData (SSM), My EPF (KWSP), C-CRIS (BNM) dan lain-lain.
9	Tiada kaedah mengesan aktiviti kartel/pakatan harga oleh syarikat untuk diambil tindakan sivil atau jenayah.	» Menyegerakan proses pembangunan Sistem Kartelogi oleh MAMPU/MOF agar aktiviti kartel/pakatan harga dapat dikesan.
10	Pangkalan data berpusat bagi senarai syarikat-syarikat yang dikenakan tindakan tatatertib dan tidak mesra pengguna.	» • Mewujudkan pangkalan data syarikat yang dikenakan tindakan tatatertib, sivil atau jenayah secara berpusat dan mesra pengguna. • Mewajibkan setiap agensi membuat semakan sebelum kontrak dianugerahkan kepada petender/syarikat pangkalan.

IMPAK

- Mengurangkan risiko ketirisan dengan membangunkan sistem perolehan secara atas talian.
- Menutup ruang untuk syarikat/individu memonopoli tender.
- Menutup ruang rasuah dengan menjadikan maklumat bersifat terbuka bagi mengelakkan pegawai yang bertanggungjawab menyalahgunakan kuasa.



Sesi pembentangan khidmat nasihat kepada Kementerian Kewangan dan pelbagai agensi pada 22 Jun 2022


3. ISU PENGURUSAN PEMBAYARAN ELAUN BULANAN KEPADA PEGAWAI MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) BAGI PROGRAM PENEMPATAN SILANG (*CROSS FERTILIZATION PROGRAM*) DI MARA CORPORATION SDN. BHD.

Pemeriksaan dijalankan berhubung pengurusan elaun bulanan dan pembayaran elaun

pemangkuan kepada pegawai-pegawai MARA yang ditempatkan secara Program Penempatan Silang (*Cross Fertilization Program*) di MARA Corp. tanpa mengikut prosedur yang sepatutnya. Antara penemuan yang dikenal pasti dan cadangan penambahbaikan adalah seperti di **Rajah 14.**

RAJAH 14:

Antara penemuan dan cadangan penambahbaikan berkaitan isu pengurusan pembayaran elaun bulanan kepada pegawai MARA



IMPAK

1. Proses kerja Penempatan Silang di MARA Corp. lebih teratur dengan adanya polisi khusus.
2. Menutup ruang tuntutan palsu dengan menambahbaik *Payroll and Claims Policy*.



Sesi Khidmat Nasihat kepada MARA Corp. dan MARA pada 11 Oktober 2022

4. ISU PENGURUSAN WANG KUTIPAN HASIL DAN PENGURUSAN WANG KOMPAUN DI MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN (MBS)

Pemeriksaan di Majlis Bandaraya Seremban (MBS) melibatkan isu salahguna kuasa dalam pemberian

pengurangan kompaun dan kehilangan wang kutipan hasil. Antara penemuan yang dikenal pasti dan cadangan penambahbaikan adalah seperti di **Rajah 15 dan 16.**

RAJAH 15:

Antara penemuan dan cadangan penambahbaikan berkaitan pengurusan kompaun



RAJAH 16:

Antara penemuan dan cadangan penambahbaikan berkaitan pengurusan wang kutipan hasil dan pengurusan kes tatatertib

PENEMUAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Tiada myPortfolio e-SAFE.	1 Mengemaskini myPortfolio Bahagian Hasil (Unit Kaunter).
Dasar Pemasangan dan Penggunaan <i>Access Door System</i> tiada kuasa pematuhan.	2 Memasukkan klausa pematuhan bagi tindakan punitif terhadap ketidakpatuhan atau pelanggaran.
Tiada SOP kes tatatertib.	3 Mewujudkan SOP pengurusan tatatertib.
Tiada perincian dalam Garis Panduan Pengurusan Lembaga Tatatertib (LTT) dan Lembaga Rayuan Tatatertib.	4 Menyediakan proses kerja terperinci & senarai semak LTT dan LRTT.
Ketidakpatuhan peraturan 28(4) MPS 1996 dan peraturan 43(2) MPN 2011 dalam pelantikan Jawatankuasa Penyiasatan.	5 Pematuhan & Pemantauan Peraturan 28(4) MPS 1998 dan Peraturan 43(2) MPN 2011.
Kelemahan pengurusan mesyuarat dalam penyediaan Minit Mesyuarat LTT.	6 Menambahbaik tatacara pengurusan mesyuarat pada peringkat pramesyuarat, semasa dan selepas mesyuarat.
Percanggahan kepentingan Penyediaan Minit Mesyuarat Lembaga Tatatertib dengan Pengerusi Jawatankuasa Penyiasat.	7 Mewujudkan polisi atau arahan berkaitan pengurusan percanggahan kepentingan.
Tiada polisi pencegahan rasuah iaitu Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).	8 Membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

IMPAK

Mencegah ketirisan kutipan wang hasil dan kelemahan pengurusan tatatertib sejak tahun 2020.



Sesi khidmat nasihat kepada Datuk Bandar MBS pada 21 Julai 2022

5. ISU BERHUBUNG TATACARA TADBIR URUS PENGURUSAN INTEGRITI DI FELDA GLOBAL VENTURES (FGV)

Pemeriksaan di Felda Global Ventures (FGV) melibatkan isu tatacara tadbir urus pengurusan

integriti di FGV. Antara penemuan yang dikenal pasti dan cadangan penambahbaikan adalah seperti di **Rajah 17**.

RAJAH 17:

Antara penemuan dan cadangan penambahbaikan berkaitan tatacara tadbir urus pengurusan integriti



**SESI KHIDMAT NASIHAT
FGV HOLDINGS BERHAD**
Khidmat Nasihat ke atas Amalan, Sistem dan Tatacara Tadbir Urus
Pengurusan Integriti FGV Holdings Berhad



ISU

PENSTRUKTURAN IGU

Maklumat berkaitan laporan akhir CG Board Asia Pasific Sdn. Bhd. (CG) berhubung audit yang dikatakan bercanggah dengan Arahan Perdana Menteri Siri 1 No. 1 Tahun 2018 kerana laporan yang dikemukakan kepada CG melibatkan penstrukturan Integrity Governance Unit (IGU).

POLISI PEMBERI MAKLUMAT

Kelemahan polisi pemberi maklumat FGV yang boleh mendedahkan maklumat pemberi maklumat kepada pihak yang tidak sepatutnya.

PENEMUAN

1 Mesyuarat BOD FGVHB yang ke-202 (No.03/2022) berkaitan penstrukturan semula fungsi Integrity Governance Unit (IGU) dan pelaporan yang tidak bebas dan bertentangan dengan perenggan 6 Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No. 1 Tahun 2018.

2 Mesyuarat BOD FGVHB yang ke-201 (No.02/2022) untuk melantik pihak ketiga mengendalikan maklumat Pemberi Maklumat merupakan kesalahan di bawah Seksyen 8 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan tidak mematuhi perenggan 8.9 (b) ISO 37001 Anti-Bribery Management System (ABMS).

3 Tiada latihan berkala kepada Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan staf FGV berkaitan kesalahan organisasi komersial (liabiliti korporat) di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan pemahaman kepada fungsi IGU sebagaimana Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No. 1 Tahun 2018.

CADANGAN

1 Mengkaji semula keputusan penstrukturan fungsi governans agar selaras dengan perenggan 6 Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No. 1 Tahun 2018 berteraskan kepada empat fungsi iaitu pengurusan aduan, pengesanan dan pengesanan, governans dan pengukuhan integriti.

2 Mengkaji semula keputusan melantik pihak ketiga mengendalikan maklumat Pemberi Maklumat bagi memastikan kerahsiaan maklumat Pemberi Maklumat dilindungi oleh FGV selaras dengan Akta 711 dan mematuhi komponen di perenggan 8.9 (b) ISO 37001 Anti-Bribery Management System (ABMS).

3 Mewujudkan pelan latihan dan mengadakan latihan berkala kepada Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan staf FGV berkaitan kesalahan organisasi komersial (liabiliti korporat) di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 serta pemahaman kepada fungsi IGU sebagaimana Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No. 1 Tahun 2018.



Sesi Khidmat Nasihat kepada FGV pada 30 November 2022

6. ISU BERHUBUNG TUNTUTAN KOS PENYENGGARAAN PROJEK RANGKAIAN TRUNK RADIO BERSEPADU KERAJAAN ATAU GOVERNMENT INTEGRATED RADIO NETWORK (GIRN) OLEH MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)

Pemeriksaan di Majlis Keselamatan Negara (MKN) melibatkan isu tuntutan kos penyenggaraan

Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan atau Government Integrated Radio Network (GIRN). Antara penemuan yang dikenal pasti dan cadangan penambahbaikan adalah seperti di **Rajah 18**.

RAJAH 18:

Antara penemuan dan cadangan penambahbaikan berkaitan tuntutan kos penyenggaraan Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan atau Government Integrated Radio Network (GIRN)




Sesi Khidmat Nasihat kepada Majlis Keselamatan Negara yang diadakan pada 8 Disember 2022

7. ISU BERHUBUNG PENGURUSAN FAIL TARAF KEWARGANEGARAAN MALAYSIA OLEH BAHAGIAN KEWARGANEGARAAN, JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA (JPNM)

Pemeriksaan di Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (JPNM) melibatkan isu pengurusan fail taraf kewarganegaraan Malaysia oleh Bahagian Kewarganegaraan di JPNM. Antara penemuan yang dikenal pasti dan cadangan penambahbaikan adalah seperti di **Rajah 19**.

RAJAH 19:

Antara penemuan dan cadangan penambahbaikan berkaitan pengurusan fail taraf kewarganegaraan Malaysia oleh Bahagian Kewarganegaraan di JPNM





Sesi Khidmat Nasihat kepada Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (JPNM) di Putrajaya diadakan pada 3 November 2022

PENGURUSAN RISIKO RASUAH


Pengurusan Risiko Rasuah atau Corruption Risk Management (CRM) merupakan inisiatif yang dilaksanakan bagi membantu organisasi mengenal pasti risiko rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan, seterusnya menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematik.

Sepanjang tahun 2022, SPRM melaksanakan 16 bengkel CRM melibatkan kementerian, agensi kerajaan, kerajaan negeri dan agensi di bawahnya, Pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat swasta. **Rajah 20** di bawah menunjukkan bilangan organisasi yang melaksanakan CRM pada tahun 2022.

RAJAH 20:

Pelaksanaan Bengkel CRM mengikut organisasi bagi tahun 2022


PELAKSANAAN BENGKEL CRM MENGIKUT ORGANISASI BAGI TAHUN 2022



MENYOKONG PEMBANGUNAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI

Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) oleh agensi awam, badan berkanun, syarikat milik kerajaan, Syarikat Terhad Dengan Jaminan dan sektor swasta adalah seperti mana Inisiatif 2.1.5 dan Inisiatif 6.2.1 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. SPRM melalui BPMP berperanan membantu organisasi dalam membangunkan OACP.

Sepanjang tahun 2022, SPRM melaksanakan 26 taklimat dan 27 bengkel OACP melibatkan kementerian, agensi kerajaan, kerajaan negeri dan agensi di bawahnya, Pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat swasta. SPRM telah membantu sebanyak 13 agensi yang menerima khidmat nasihat dan latihan SPRM sehingga berjaya menghasilkan buku OACP pada tahun 2022. **Rajah 21** di bawah menunjukkan bilangan agensi yang menghasilkan dokumen OACP:



SISTEM INTEGRITI KORPORAT MALAYSIA (CISM) DAN PROGRAM IKRAR INTEGRITI KORPORAT (CIP)

Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) ditubuhkan pada tahun 2010 dengan kerjasama enam organisasi sebagai ahli Meja Bulat Integriti Korporat. Keahlian adalah terdiri daripada SPRM, Institut Integriti Malaysia, Transparency International Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia Berhad. Pelaksanaan

Program Ikrar Integriti Korporat atau Corporate Integrity Pledge (CIP) adalah melalui portal CISM yang dijadikan sebagai platform pengisytiharan secara sendiri (*self-declaration*) oleh syarikat/organisasi dalam pelaksanaan tujuh Inisiatif CISM dan diberikan tempoh selama dua tahun untuk membangunkannya.

RAJAH 22: Inisiatif CISM



Rajah 22 menunjukkan tujuh inisiatif CISM yang perlu dilaksanakan oleh syarikat/organisasi dalam tempoh dua tahun.

Pada tahun 2022, sebanyak 127 syarikat/organisasi telah mendaftar melalui portal CISM. Sebanyak lima syarikat/organisasi telah selesai melaksanakan kesemua inisiatif CISM iaitu:

1. Sime Darby Plantation Berhad;
2. Padiberas Nasional Berhad (BERNAS);
3. Puspakom Sdn. Bhd.;
4. Theta Edge Berhad; dan
5. Law Firm of Teo.

Pelbagai aktiviti berkaitan CISM/CIP telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 seperti **Rajah 23**

RAJAH 23:
Aktiviti CISM/CIP bagi tahun 2022



PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI

PENUBUHAN UNIT INTEGRITI (UI) DAN UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS (IGU)

Pada tahun 2022, daripada sejumlah 1,056 buah agensi awam, didapati sebanyak 333 buah agensi awam telah menubuhkan Unit Integriti (UI) manakala 501 buah agensi awam pula telah melantik Pegawai Perhubungan Integriti (Integrity Liaison Officer - ILO). Baki 222 buah agensi awam didapati belum atau tidak menubuhkan UI. Manakala Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) pula, daripada 1,278 buah SBK yang dikenal pasti, didapati sejumlah

232 buah SBK telah menubuhkan Unit Integriti dan Governans (IGU), 422 buah SBK telah melantik ILO dan baki 624 buah SBK lagi belum atau tidak menubuhkan IGU. Saiz agensi yang kecil dan isu kemampuan kewangan serta kekangan perjawatan merupakan antara faktor agensi awam dan SBK masih belum atau tidak menubuhkan UI/IGU. Perincian statistik penubuhan UI dan IGU adalah seperti di **Rajah 24**.

RAJAH 24: Statistik penubuhan Unit Integriti (UI) dan Unit Integriti dan Governans (IGU) sehingga 31 Disember 2022

AGENSI AWAM			SYARIKAT BERKEPENTINGAN KERAJAAN		
JUMLAH: 1056 (dibekalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam)	UI	ILO	JUMLAH: 1278 (berdasarkan dashboard BPIA)	IGU	ILO
PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN	121	48	PERSEKUTUAN	173	387
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI	67	296	NEGERI	59	35
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	95	36			
BADAN BERKANUN NEGERI	29	49			
PIHAK BERKUASA TEMPATAN	21	72			
222	Agensi awam yang belum atau tidak menubuhkan UI kerana saiz yang kecil dan bekerjasama dengan UI induk dalam melaksanakan aktiviti integriti		624	SBK yang belum atau tidak menubuhkan IGU kerana saiz yang kecil dan bekerjasama dengan IGU induk dalam melaksanakan aktiviti integriti	

PENEMPATAN PEGAWAI SPRM DI AGENSI LUAR

Pengurusan Tertinggi SPRM boleh mengarahkan mana-mana pegawai yang berkhidmat di jabatan untuk ditempatkan di agensi luar iaitu di UI dan IGU secara kader atau pinjaman atas kepentingan jabatan berdasarkan kesesuaian dan kompetensi

pegawai. Setiap penempatan adalah berdasarkan waran perjawatan dan permohonan agensi/SBK serta keperluan semasa. Sepanjang tahun 2022, seramai 77 orang pegawai SPRM telah ditempatkan di agensi luar secara kader dan pinjaman seperti di **Rajah 25**.

RAJAH 25: Penempatan pegawai SPRM di Unit Integriti (UI) dan Unit Integriti dan Governans (IGU) mengikut pecahan agensi dan risiko sehingga 31 Disember 2022




PENARAFAN RISIKO


Selaku agensi kawal selia UI dan IGU, BPIA juga dipertanggungjawabkan melaksanakan penarafan risiko agensi/organisasi bagi menetapkan model UI

dan IGU yang bersesuaian. Ringkasan keseluruhan penarafan semula risiko agensi awam dan SBK bagi tahun 2022 adalah seperti di **Rajah 26** dan **Rajah 27**.

RAJAH 26: Status penarafan semula risiko Agensi Awam bagi tahun 2022



RAJAH 27: Status penarafan semula risiko Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) bagi tahun 2022



PEMBANGUNAN DASAR UNIT INTEGRITI AGENSI AWAM

Tahun 2022, BPIA telah mengeluarkan ‘6 TOR’ Tatacara Fungsi Teras Unit Integriti Agensi Awam sebagai panduan yang seragam dalam pelaksanaan

kesemua fungsi teras UI di semua agensi awam. Berikut adalah buku 6 TOR seperti di **Rajah 28**.

RAJAH 28: ‘6 TOR’ Tatacara Pelaksanaan Fungsi Teras Unit Integriti Agensi Awam



URUS TADBIR SEKTOR AWAM (BUTSA)

PEMANTAPAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH DALAM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN MALAYSIA

Selain melaksanakan tindakan operasi dan inisiatif pencegahan, SPRM juga bertindak sebagai penggerak dalam usaha memperkukuhkan sistem pengurusan pentadbiran kerajaan bebas daripada perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Peranan ini dilaksanakan melalui Arahan YAB PM No. 1 Tahun 2018–Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Kebangsaan. Melalui arahan ini, SPRM bertanggungjawab sebagai:

a) Urus setia kepada Jawatankuasa Anti-Rasuah

(JAR) Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN); dan

b) Urus setia bersama kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bersama-sama dengan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Jabatan Perdana Menteri.

JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI ANTI-RASUAH (JKKMAR)

Sepanjang tahun 2022, JKKMAR telah bersidang sebanyak dua kali iaitu pada 19 Mei 2022 dan 19 September 2022. Antara keputusan utama yang telah dibuat adalah seperti di **Rajah 29**.

RAJAH 29: Isu dan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah Tahun 2022

ISU 1

Arahan YAB Perdana Menteri Siri No.1 Tahun 2018–Penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kementerian dan agensi kerajaan termasuk di bawah kerajaan negeri.

KEPUTUSAN 1

- Mesyuarat memutuskan supaya SPRM mengeluarkan surat peringatan kepada semua GLC, syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kementerian dan agensi kerajaan termasuk di bawah kerajaan negeri untuk menubuhkan IGU masing-masing.

ISU 2

Memperkukuh mekanisme Perisytiharan Harta Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Inisiatif 1.2.6 NACP).

KEPUTUSAN 2

- Penambahbaikan ke atas kod etika bagi anggota pentadbiran dan ahli parlimen sedia ada.
- Memperkenalkan satu kod etika khusus untuk ahli parlimen dalam Akta Majlis Parlimen (keistimewaan dan kuasa) 1952 (Akta 347).
- Mewujudkan mekanisme yang sesuai untuk ahli badan kehakiman mengisytiharkan harta.
- Mengkaji kaedah supaya bagi Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) atau Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) turut membuat perisytiharan harta.

JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR) PERINGKAT KEBANGSAAN

Sepanjang tahun 2022, Mesyuarat JAR Peringkat Kebangsaan hanya dapat diadakan sebanyak satu kali pada 27 Jun 2022. Antara keputusan penting dan isu yang telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah seperti di **Rajah 30**.

RAJAH 30: Isu dan keputusan Mesyuarat JAR Peringkat Kebangsaan Tahun 2022


ISU	KEPUTUSAN
<p>01 Pensijilan Anti-Bribery Management System (ABMS).</p>	<ul style="list-style-type: none"> Pensijilan ABMS diwajibkan semula ke atas semua agensi bagi mendapatkan impak yang baik dan tanggungjawab menerajunya tidak boleh diletakkan di bawah Jabatan Standard Malaysia (JSM), sebaliknya oleh SPRM atau GIACC.
<p>02 Pegawai awam dikenakan tindakan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 59 disebabkan arahan yang diterima daripada anggota pentadbiran dalam tempoh yang singkat/terhad secara lisan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dikehendaki untuk menyenaraikan kementerian yang terlibat dan statistik AP59 berserta ulasan untuk kemukakan ke Pejabat Tan Sri KSN.
<p>03 Petender mengemukakan penyata akaun bank yang mengandungi butiran palsu di dalam proses tender kerajaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Penambahbaikan PK 2.1 dengan memasukkan keperluan pengemukaan Akaun Berkanun (Statutory Declaration-SD) mesyuarat; dan Muat naik senarai Syarikat yang telah disenarai hitam dan malakukan kesalahan dalam laman sesawang MOF.
<p>04 Tiada had umur anak dinyatakan dalam tafsiran "Anak" di dalam Tatakelakuan dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam - UP7.26 - pemilihan dan perisytiharan harta oleh pegawai awam telah menimbulkan kekeliruan pegawai membuat perisytiharan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan JPA untuk menyemak semula semua pekeliling sedia ada dan menambahbaik Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Tatakelakuan dan Pengurusan Tatatertib - UP7.2.6.
<p>05 Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi (KSSR) Jabatan/Agensi Persekutuan/Negeri menjana pendapatan melalui sewaan aset/fasiliti kerajaan pusat/negeri.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Penambahbaikan Arahan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil. 1/2013 - Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan.

NAZIRAN JAR

Bagi memastikan pelaksanaan JAR di peringkat kementerian, kerajaan negeri dan jabatan dilaksanakan dengan mematuhi Arahan YAB PM No.1 Tahun 2018, SPRM selaku urus setia JAR Peringkat Kebangsaan telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan naziran dan khidmat nasihat JAR di kementerian, kerajaan negeri dan jabatan. Objektif pelaksanaan naziran dan khidmat nasihat ini adalah untuk memantau, membuat semakan dan mengenal pasti sebarang permasalahan

yang timbul berkaitan pelaksanaan JAR di peringkat kementerian, kerajaan negeri dan jabatan. Kaedah atau mekanisme yang digunakan adalah melalui pemeriksaan dan penilaian dokumen serta sesi temu bual dengan urus setia JAR di kementerian, kerajaan negeri dan jabatan. Sebanyak 11 sesi naziran JAR telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 sebagaimana di **Rajah 31**.

RAJAH 31: Sesi Naziran dan Hasil Khidmat Nasihat Pelaksanaan Jawatankuasa Anti-Rasuah



JAWATANKUASA ANTI-RASUAH INTEGRATED SYSTEM (JARIS)

JARIS merupakan satu aplikasi sistem bersepadu yang dibangunkan untuk pengurusan Mesyuarat JAR Peringkat Kebangsaan secara atas talian yang bertujuan untuk memudahkan penghantaran maklum balas, laporan isu-isu JAR dan perkongsian dokumen yang berkaitan dengan JAR.

JARIS mula digunakan sepenuhnya mulai 16 Februari 2022 oleh semua Kementerian dan kerajaan negeri. Sistem ini dapat mengumpul dan menyimpan maklumat berkaitan maklum balas minit mesyuarat, dokumen-dokumen seperti minit mesyuarat, amalan baik oleh Kementerian dan kerajaan negeri serta lain-

lain dokumen atau pelan kerajaan pada masa akan datang secara sistematik.

JARIS juga telah berkembang sebagai platform pemantauan terhadap penyediaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) oleh Kementerian/jabatan/agensi dan kerajaan negeri.

Susulan daripada penggunaan JARIS, satu Manual Penggunaan JARIS telah disediakan oleh urus setia JAR Peringkat Kebangsaan bagi membantu pengguna JARIS dalam pengemukaan maklum balas dan laporan isu JAR.

RAJAH 32: Jawatankuasa Anti-Rasuah Integrated System (JARIS)




MANUAL PELAKSANAAN ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO. 1 TAHUN 2018 – PEMANTAPAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH DALAM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN MALAYSIA

Pada tahun 2022, SPRM telah mengeluarkan Manual Pelaksanaan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018–Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia seperti di **Rajah 33** sebagai rujukan kepada urus setia JAR peringkat kementerian/jabatan/agensi/ kerajaan negeri. Objektif manual ini adalah seperti **Rajah 34**.

RAJAH 33: Manual Pelaksanaan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018



RAJAH 34: Objektif Manual Pelaksanaan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018



PENDIDIKAN

PENDIDIKAN ANTIRASUAH

Pendidikan merupakan salah satu dari strategi serampang tiga mata yang diaplikasikan oleh SPRM berdasarkan kepada Seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas) dipertanggungjawab dalam melaksanakan hasrat kerajaan melalui aktiviti antirasuah bagi menjayakan fungsi Seksyen 7(f) Akta SPRM 2009 iaitu mendidik orang ramai untuk menentang rasuah dan Seksyen 7(g) Akta SPRM 2009 iaitu mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

KAEDAH PENDIDIKAN MASYARAKAT

SPRM melalui PenMas menggunakan dua kaedah dalam memberi pendidikan antirasuah kepada masyarakat secara bersemuka dan melalui media seperti **Jadual 10**.

JADUAL 10:
Kaedah Pendidikan Antirasuah

KOMUNIKASI BERSEMUKA	MELALUI MEDIA
Forum/Seminar	Media Elektronik Televisyen/Radio/ Billboard/Skrin LED
Konvensyen/Bengkel	
Diskusi meja bulat	
Ikrar Bebas Rasuah	Media Cetak
Pameran	Akhbar/Risalah/ Poster
Ceramah/Taklimat	Media Sosial
Lawatan	Facebook/Twitter/ YouTube/Flickr/ Instagram

PENDIDIKAN ANTIRASUAH SECARA BERSEMUKA

Berkomunikasi secara bersemuka merupakan kaedah yang paling berkesan dalam menyampaikan atau menyalurkan maklumat dan pengetahuan. Ini kerana komunikasi bersemuka akan memberikan pemahaman dengan lebih efektif dari aspek mesej, sekali gus komunikasi dua hala ini membuka peluang untuk mengemukakan pandangan, komen, soalan serta maklum balas dengan lebih jelas.


Aktiviti pendidikan antirasuah yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

CERAMAH

Merupakan strategi pendidikan dalam meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai kesalahan rasuah berdasarkan Akta SPRM 2009, impak rasuah dan langkah-langkah mencegah jenayah rasuah. Kumpulan sasaran adalah seperti agensi awam, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), ahli politik, pelajar universiti/institusi pendidikan tinggi serta pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 1,422 ceramah disampaikan di seluruh negara, melibatkan 108,640 audiens. Pecahan audiens mengikut kategori adalah seperti di **Rajah 35**.


RAJAH 35: Statistik Ceramah Mengikut Kategori



PAMERAN

SPRM turut mengadakan aktiviti pameran bagi menyalurkan maklumat berkenaan jenayah rasuah kepada masyarakat. Selain itu, SPRM turut memenuhi jemputan daripada agensi luar.

RAJAH 36: Statistik pameran SPRM seluruh negara 2022



IKRAR BEBAS RASUAH

Program Ikrar Bebas Rasuah (IBR) merupakan akujanji serta komitmen kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela dan atas kapasiti individu

berkonsepkan ‘*tone from the top*’. Antara yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- akan mematuhi undang-undang, peraturan, dasar negara berkaitan antirasuah;
- akan membenci dan menolak rasuah;
- tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah;
- akan memastikan kakitangan organisasi agar tidak terlibat dalam rasuah; dan
- akan melaporkan kepada SPRM sebarang bentuk pelanggaran rasuah.

Organisasi yang menandatangani IBR digalakkan supaya melaksanakan program susulan dalam pencegahan rasuah. Perkara ini amat penting bagi memastikan IBR tidak hanya menjadi ‘kosmetik’, tetapi warga organisasi benar-benar melaksanakan apa yang dijanji dalam IBR. Sehingga 31 Disember 2022, 1,876 organisasi telah menandatangani IBR. Perinciannya adalah seperti di **Jadual 11**.

JADUAL 11: Statistik penandatanganan IBR mengikut kategori

BIL.	KATEGORI	JUMLAH ORGANISASI
1.	Kementerian	28
2.	Jabatan	792
3.	Negeri	348
4.	Badan Berkanun	251
5.	IPT/Institusi pendidikan	74
6.	GLC	143
7.	Swasta	154
8.	NGO dan persatuan	76
9.	Yayasan	10
JUMLAH		1,876

PROGRAM SEMINAR/FORUM/BENKEL/DISKUSI MEJA BULAT

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 758 program pendidikan berbentuk seminar, forum, bengkel dan diskusi meja bulat berjaya dilaksanakan, secara bersemuka atau secara dalam talian. Objektif utama program adalah meningkatkan kesedaran mengenai bahaya rasuah dalam kalangan masyarakat serta mendapatkan sokongan dalam membanteras jenayah rasuah.

Semua program dilaksanakan melalui kerjasama strategik dengan agensi awam, syarikat swasta dan NGO. Sasaran utama program berdasarkan hala tuju SPRM Tahun 2022 adalah penguatkuasa, perolehan dan *grand corruption*. Perincian sektor yang terlibat adalah seperti di **Jadual 12:**

JADUAL 12:

Statistik sektor yang terlibat program seminar/forum/bengkel/diskusi meja bulat

BIL.	SEKTOR	JUMLAH SEKTOR
1.	Penguatkuasaan	117
2.	Perolehan	192
3.	<i>Grand Corruption</i>	32
4.	Lain-lain (pendidikan, sosiobudaya, masyarakat, swasta/GLC)	417

Antara program utama yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- **Modul Kursus Integriti dan Antirasuah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (KIAR TVET)** Sejalan dengan inisiatif 2.4.7 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 iaitu mendekati golongan belia yang berada di luar sistem pendidikan formal melalui kelab, persatuan dan

organisasi belia untuk menerapkan nilai integriti, tadbir urus serta antirasuah.

SPRM telah mewujudkan modul Kursus Integriti dan Antirasuah Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (KIAR TVET). Kursus ini memberi penekanan elemen antirasuah dalam sistem akademik atau pendidikan bagi menyebarkan mesej antirasuah dalam kalangan belia Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Pada 11 September 2022, Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan Pertukaran Nota Kerjasama Pelaksanaan Modul Kursus Integriti dan Antirasuah Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (KIAR TVET) bertempat di Aeon Nilai, Negeri Sembilan. Jalinan kerjasama itu telah disempurnakan oleh Datuk Razim bin Mohd Noor, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM bersama Tuan Shahrul Affendi bin Baharuddin, Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia KBS. Majlis turut disaksikan oleh Dato' Sri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Norazlan bin Mohd Razali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM dan Dato' Jana Santhiran bin Muniayan, Ketua Setiausaha KBS.

KBS mempunyai 22 institusi latihan TVET yang akan menjadi pelopor bagi melaksanakan Modul KIAR TVET di institut tersebut. Pelaksanaan Modul KIAR TVET merupakan satu keperluan kepada pelajar agar menjadi tenaga kerja yang bukan sahaja berkemahiran tinggi, tetapi mempunyai jati diri dalam mencegah sebarang bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.



Pertukaran Nota Kerjasama Pelaksanaan Modul Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)



Simbolik pelancaran serta penyerahan Modul Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)



Kemeriahan majlis dengan kehadiran lebih kurang 950 orang pengunjung



YB Senator Datuk Ras Adiba binti Radzi, Presiden Persatuan OKU Sentral berserta warga Orang Kurang Upaya (OKU) Pekak

- **Program Bersama Orang Kurang Upaya (OKU)**

Program bersama Persekutuan Orang Pekak Malaysia atau Malaysian Federation of the Deaf (MFD) telah diadakan pada 27 Julai 2022 bertempat Ibu Pejabat SPRM. Objektif utama adalah untuk menyantuni komuniti orang pekak dalam usaha memberi kefahaman dan pengetahuan berkaitan kesalahan-kesalahan rasuah dan salah guna kuasa serta mendapatkan sokongan golongan berkenaan dalam memerangi jenayah rasuah di negara ini.

Platform digital dikenali sebagai Laman OKU Pendengaran di Portal SPRM telah diwujudkan bagi golongan orang kurang upaya (OKU) pendengaran menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti rasuah. Platform ini memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan kepada orang awam mengenai isu rasuah harus dipertingkatkan di samping memupuk sokongan dan penglibatan semua lapisan masyarakat, termasuk komuniti OKU pendengaran serta komuniti OKU lain untuk tampil dan melaporkan isu rasuah.



Pengerusi JPKK dan Penghulu bergambar kenangan bersama YB Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram & YBhg. Datuk Razim bin Mohd Noor



Sesi ceramah disampaikan oleh Ustaz Lukman bin Mohd Hasni



Sesi dialog bersama YBhg. Datuk Razim bin Mohd Noor

- Program Antirasuah & Tadbir Urus Dana Kerajaan di kalangan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Negeri Pahang**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang telah menganjurkan Program Antirasuah & Tadbir Urus Dana Kerajaan dalam kalangan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung (JPKK) yang telah diadakan pada 11 Ogos 2022. Lebih kurang 220 peserta telah hadir dalam program ini yang terdiri daripada Pengerusi

Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta penghulu dari empat daerah di Negeri Pahang iaitu Kuantan, Maran, Rompin dan Pekan.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada Pengerusi JPKK Negeri Pahang mengenai kesan rasuah di samping mendekati golongan itu bagi meraih sokongan mereka agar bekerjasama dengan SPRM dalam usaha mengatasi isu ketirisan dana kerajaan, jenayah rasuah dan salah guna kuasa di negara ini.

- **Program Dialog Bersama Dewan Perniagaan Antarabangsa (International Business Chambers) Negara-Negara Barat**

Program dialog bersama Dewan Perniagaan Antarabangsa (International Business Chambers) Negara-negara Barat telah diadakan dalam usaha untuk meningkatkan tadbir urus baik ke arah mencegah ketirisan di sektor perniagaan melibatkan golongan syarikat serta ekspatriat antarabangsa di Malaysia. Sesi dialog tersebut, telah berlangsung pada 20 September 2022 di IBIS Hotel, Kuala Lumpur dan dihadiri 23 perwakilan daripada Dewan-dewan Perniagaan antarabangsa seperti American Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM), EU-Malaysia Chamber of Commerce (EUROCHAM), British Malaysian Chamber of Commerce Berhad (BMCC), Malaysian German Chamber of Commerce (MGCC), Malaysian Australia Business Council (MABC), Malaysian Dutch Business Council (MDBC), Malaysian French Chamber of Commerce & Industry (MFCCI), Malaysian Canada Business Council (MCBC), Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI) dan Delegation of the European Union to Malaysia, serta syarikat swasta antarabangsa seperti McDermott Asia Pacific Sdn. Bhd. dan juga pelajar-pelajar PhD Universiti Putra Malaysia (UPM).

Tema sesi dialog '*Anti-Corruption And Governance Towards Ethical Business In Malaysia*, menumpukan kepada sistem penguatkuasaan dalam sektor perniagaan di Malaysia proses tindakan ke atas isu atau perlakuan rasuah dan pemakluman usaha-usaha antirasuah di peringkat Kebangsaan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.



Ahli panel bersama sebahagian peserta Program Dialog Bersama Dewan Perniagaan Antarabangsa (International Business Chambers) Negara-negara Barat



Ahli panel Program Dialog Bersama Dewan Perniagaan Antarabangsa (International Business Chambers) Negara-negara Barat



Sebahagian peserta yang menghadiri Program Dialog Bersama Dewan Perniagaan Antarabangsa (International Business Chambers) Negara-negara Barat

- **Program Antirasuah Pengurusan Bantuan Dana Kerajaan kepada Badan Sukan 2022**

Program julung kali diadakan bersama badan-badan sukan yang merupakan salah satu inisiatif bagi menyempurnakan keperluan tadbir urus pengurusan dana kerajaan kepada peringkat akar umbi. Ia bertujuan memupuk jangkauan

pengurusan sukan terbaik terhadap organisasi antirasuah dalam membasmi ketirisan dana kerajaan. Selain itu, ia bertujuan mendekati golongan tersebut bagi meraih sokongan agar bekerjasama dengan SPRM dalam usaha mengatasi isu ketirisan dana kerajaan, jenayah rasuah dan salah guna kuasa di negara ini.



Program dirasmikan oleh Datuk Razim bin Mohd Noor, Pengarah Bahagian PenMas



Para peserta program bergambar bersama Datuk Razim bin Mohd Noor, Pengarah Bahagian PenMas

- **Program Simposium Parlimen Malaysia : Forum Antirasuah Senator Bersama SPRM**

Program ini diadakan pada 6 Oktober 2022 dan dihadiri oleh 26 Ahli Dewan Negara bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan undang-undang pencegahan rasuah yang berkuatkuasa di negara ini.



Sesi Forum Khas Antirasuah bertajuk 'Sifar Rasuah Aspirasi Negara'



YB Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim bersalaman dengan peserta program

- **Program Luncheon Talk of MACC with International Business Chambers, Asian Region (Japan & Taiwan) 2022**

Program ini telah diadakan pada 9 Ogos 2022. Program yang melibatkan 35 tetamu jemputan terdiri daripada ahli-ahli Taipei Investors Association

in Malaysia (TIAM) dan The Japanese Chamber of Trade & Industry, Malaysia (JACTIM). Wakil syarikat korporat yang turut hadir ke program ini termasuk Sankyu (Malaysia) Sdn. Bhd., AEON Co. (M) Bhd. Starlux Airlines, Alps Electric (Malaysia) Sdn. Bhd. dan organisasi perubatan & kesihatan.



Program Luncheon Talk of MACC with International Business Chambers, Asian Region (Japan & Taiwan) 2022 telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan daripada ahli-ahli Taipei Investors Association in Malaysia (TIAM) dan The Japanese Chamber of Trade & Industry, Malaysia (JACTIM)

- **Bengkel ‘Measurement Of Corruption Through Evidence-Based Methods’**

Seramai 90 peserta termasuk pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menghadiri bengkel ‘Measurement of Corruption Through Evidence-Based Methods’ yang telah diadakan pada 3 hingga 7 Oktober 2022.

Bengkel anjuran Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas) bertujuan untuk menjalankan tinjauan dan analisis berkaitan bagi mengukur rasuah melalui penunjuk berdasarkan pengalaman. Oleh itu, maklumat menyeluruh tentang tingkah laku rasuah boleh membantu Kerajaan dalam menggubal dasar berasaskan bukti untuk mencegah dan membanteras jenayah rasuah di negara ini di samping menambah baik sistem dan prosedur pentadbiran sedia ada.

Dato’ Nor Azmi bin Karim, Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) SPRM, telah menyempurnakan perasmian bengkel yang turut dihadiri oleh Datuk Razim bin Mohd. Noor, Pengarah Bahagian PenMas SPRM, Dr. Maurice Dunaiski, Pakar Bersekutu UNDOC, serta Mr. Jisu Kim, Pegawai Analisis Data Statistik Korea (KOSTAT).



Ucapan perasmian oleh Dato’ Nor Azmi bin Karim, Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi



Sebahagian peserta yang menghadiri Bengkel ‘Measurement Of Corruption Through Evidence-Based Methods’

- **Pameran Seni DERIA 2022**

SPRM melalui Bahagian PenMas dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Melaka dan Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM) telah menganjurkan Pameran Seni DERIA 2022 pada 20 Oktober 2022 yang disempurnakan perasmian oleh Datuk Seri Norazlan bin Mohd Razali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM. Pameran Seni DERIA 2022 yang bertujuan untuk menyampaikan mesej antirasuah secara kreatif melalui karya seni kepada masyarakat berjaya mengumpulkan 63 buah karya seni dengan tema ‘Masyarakat dan Antirasuah’. Setiap hasil seni yang dipamerkan memberi fokus untuk mendidik masyarakat dalam meningkatkan kesedaran mengenai kesan dan keburukan amalan rasuah.

PROGRAM MELIBATKAN PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

Hasil ‘Kajian Persepsi Kecenderungan Tingkah Laku Rasuah Dalam Kalangan Mahasiswa’ oleh pihak penyelidik di institusi pengajian tinggi (IPT) mendedahkan bahawa masih ada kecenderungan golongan pelajar di pusat pengajian tinggi untuk terlibat dalam amalan rasuah. Walaupun kajian dilakukan itu mendapati terdapat penurunan kadar peratusan golongan mahasiswa yang cenderung kepada elemen rasuah berbanding beberapa tahun sebelumnya. Namun pendedahan hasil kajian tersebut amat merisaukan terutama melibatkan bakal pemimpin masa hadapan negara. Berikutan dengan penemuan kajian tersebut, beberapa aktiviti pendidikan antirasuah dilaksanakan khusus kepada pelajar IPT seperti berikut:



Datuk Razim bin Mohd Noor, Pengarah Bahagian PenMas SPRM sedang menghayati karya seni yang dipamerkan

Konvensyen Angkatan Mahasiswa Antirasuah (AMAR)

Konvensyen AMAR telah diadakan di Kem El Azzhar, Morib pada 5 hingga 7 Ogos 2022 dihadiri oleh 118 orang yang terdiri daripada Presiden dan Timbalan Presiden AMAR di seluruh Malaysia.

Objektif konvensyen adalah bagi mendapatkan kerjasama serta sokongan golongan pelajar dalam usaha memerangi rasuah, disamping menyebarkan maklumat dan informasi pencegahan rasuah.

Konvensyen dipenuhi dengan aktiviti seperti sesi perkongsian ilmu, kisah pengalaman pegawai SPRM, sesi dialog, pembentangan kertas kerja oleh ahli AMAR yang terpilih dan aktiviti riadah.

Tema '**Mahasiswa Pencetus Perubahan Perangi Rasuah**' Konvensyen Angkatan Mahasiswa AntiRasuah (AMAR) ke-8 diangkat agar menjadi paradigma bagi mengembangkan peranan AMAR di institusi pengajian tinggi awam, swasta, institut pendidikan guru dan Institusi Pendidikan MARA.

Sidang konvensyen ini telah menzahirkan tiga resolusi iaitu kerajaan Malaysia perlu mengisytiharkan rasuah adalah musuh nombor satu negara, menubuhkan

Majlis Pusat AMAR di mana keanggotaan terdiri daripada semua Presiden AMAR di seluruh Malaysia serta menjadikan Kelab AMAR sebagai pilihan mahasiswa di semua pusat pengajian tinggi.

Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Datuk Seri Norazlan bin Mohd Razali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM. Turut hadir Datuk Razim bin Mohd Noor, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat dan Dato' Alias bin Salim, Pengarah SPRM Selangor.



Sesi taklimat disampaikan oleh pegawai SPRM



Salah satu aktiviti semasa Konvensyen AMAR

- **Debat Antirasuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Piala Ketua Pesuruhjaya SPRM**

Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengungguli Pertandingan Debat Antirasuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Piala Ketua Pesuruhjaya SPRM 2022 setelah dinobatkan sebagai Johan di bawah usul perdebatan akhir ‘Dewan ini akan memperketat dasar pengisytiharan harta dalam kalangan penjawat awam secara pengikraran berkanun’.

Sebanyak 36 buah pasukan telah menyertai pertandingan ini. Objektif pertandingan adalah

untuk membentuk mahasiswa agar sentiasa peka dengan keadaan semasa dan berani menyuarakan pendapat berkenaan isu rasuah di samping dapat meraih sokongan mahasiswa dalam usaha memerangi jenayah rasuah di negara ini. Pertandingan akhir telah dilaksanakan di Universiti Sains Islam Malaysia pada 12 Oktober 2022.

Perasmian penutupan telah disempurnakan oleh Datuk Seri Norazlan bin Mohd Razali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM.



Sesi bergambar VIP bersama pemenang



Antara aksi peserta debat

- **Pertandingan ‘Speak Up’ 2022**

Pertandingan akhir *Speak Up Competition* yang diadakan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur adalah disasarkan kepada semua mahasiswa sama ada di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan Guru (IPG), Institusi Pendidikan Mara (IPMa), Politeknik dan Kolej Komuniti. Objektif pertandingan ini adalah bagi

mencungkil bakat serta idea mahasiswa agar berani menyuarakan pandangan mengenai jenayah rasuah.

Pertandingan ini dimenangi oleh Cik Madiha Syahidah binti Mohd Rohani yang merupakan pelajar Kolej Universiti Poly-Tech MARA dengan tajuk *‘Do We Students Abhor Corruption’*. Seramai 10 orang peserta telah terpilih ke peringkat akhir bagi pertandingan ini.



Pemenang 'Speak Up' Competition 2020



Sumber: ASTRO Awani



Datuk Seri Norazlan bin Mohd Razali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM bergambar bersama para pemenang

PROGRAM KEPADA MURID SEKOLAH

Pepatah Melayu ada menyebut ‘melentur buluh, biarlah daripada rebungunya’. Dengan pendedahan murid di usia muda kepada bahaya rasuah, diharap dapat menyemai perasan jijik kepada jenayah itu. Antara program yang dilaksanakan melibatkan murid sekolah rendah dan menengah adalah seperti berikut.

- **Majlis Anugerah Seni Visual (Apresiasi Seni) Kebangsaan 2022**

SPRM bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Galeri Shah Alam bekerjasama dalam merealisasikan Majlis Anugerah Seni Visual (Apresiasi Seni) Kebangsaan 2022 melalui Pertandingan Poster Wira Anti Rasuah (WAR) 2022 di bawah kategori Sekolah Rendah, Sekolah Menengah Rendah, Sekolah Menengah Atas dan Sekolah Seni Malaysia.

Hasil karya pemenang peringkat negeri setiap kategori telah dipamerkan di Hub Media Kreatif dan Teknologi (CMT), UiTM Shah Alam. Bagi pertandingan poster kategori Menengah Rendah telah dimenangi oleh Felice Ooi Wen Jing dari Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ave Maria Convent, Ipoh Perak sementara bagi kategori Menengah Atas telah dimenangi oleh Fatimah Al-Zahra Mohamad Mahadi dari Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

- **Jelajah Program Wira Anti Rasuah (WAR) 2022**

Program Jelajah Wira Anti Rasuah (WAR) hasil kolaborasi di antara pihak SPRM-MARA-KPM 2022 melibatkan enam buah sekolah di Terengganu

iaitu MRSM Kota Putra Besut, MRSM Besut, MRSM Kuala Terengganu, Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud, Sekolah Menengah Sains Kuala Terengganu dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu melibatkan keseluruhan 850 pelajar. Bertemakan ‘Sek Kita Genyeh Rasuah’, siri Jelajah Program WAR telah diadakan pada 12 Jun 2022.



Salah satu aktiviti yang dijalankan dibawah Program Jelajah WAR SPRM-MARA-KPM 2022



Majlis perasmian Program Jelajah WAR SPRM-MARA-KPM 2022 di Maktab Rendah Sains MARA Kota Putra Besut

- **Program Bimbingan Penulisan Kreatif Cerita Pendek SPRM-DBP 2022**

Berteraskan sokongan ke atas Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019–2023; inisiatif 2.4.6 iaitu memperkukuhkan pendidikan di peringkat sekolah rendah yang berteraskan kepada pembentukan sahsiah, jati diri dan kepimpinan yang utuh dalam usaha mendidik murid sekolah untuk menentang rasuah.

Program Bimbingan Penulisan Kreatif Cerita Pendek SPRM-DBP 2022 dan Pertandingan Penulisan Kreatif Cerita Pendek SPRM-DBP 2022 telah dilaksanakan di Abedeen International and Private Schools, Cyberjaya di mana sekolah tersebut merupakan sekolah swasta bertaraf antarabangsa yang pertama menyertai Program Wira Anti Rasuah (WAR) SPRM 2022.



Aktiviti semasa program

PENDIDIKAN MELALUI HEBAHAN MEDIA

Selain aktiviti pendidikan secara bersemuka, SPRM menggunakan platform media untuk menyebarkan luas mesej antirasuah. Platform ini merangkumi media elektronik, media cetak dan media sosial. Penggunaan media membolehkan penyampaian mesej SPRM lebih menyeluruh kepada masyarakat. Antara program pendidikan melalui pendekatan media adalah seperti berikut:

- **Mesej antirasuah di papan informasi (*billboard*)**

SPRM terus bekerjasama bersama Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) dalam usaha menyebarkan maklumat dengan memaparkan mesej antirasuah di 14 lokasi papan informasi (*billboard*) yang terletak di lebuh raya dan jalan-jalan utama di seluruh Semenanjung Malaysia pada tahun 2022.



Mesej paparan di Menara Persekutuan Melaka, Jalan utama MITC, Ayer Keroh Melaka, Melaka Tengah, Melaka



Mesej paparan di Wisma FGV, Jalan Raja Laut B, WP Kuala Lumpur

- **Radio MACC.fm**

My Anti-Corruption Channel (MACC.fm) telah dirasmikan pada 9 Disember 2015 sempena sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa 2015. SPRM merupakan satu-satunya agensi penguatkuasa di Malaysia yang mempunyai radio secara dalam talian beroperasi di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya. Capaian radio adalah secara *streaming* di www.macc.fm.

Aplikasi MACC.fm boleh dimuat turun secara percuma menerusi Google Play dan Apple Store.

Radio MACC.fm menyiarkan maklumat mengenai rasuah, integriti, perkongsian pengalaman oleh pegawai SPRM terutamanya pegawai di bahagian operasi dan pesanan khidmat masyarakat berkaitan rasuah. Selain itu, radio MACC.fm turut menemu bual tokoh dan individu penting dalam pelbagai bidang.

Sepanjang tahun 2022, MACC.fm telah menemu bual 58 tetamu pelbagai latar belakang melalui slot eksklusif SPRM 360, Sembang Tamu, Diari SPRM dan Pesan Ustaz dengan capaian sebanyak 27,517 tontonan di facebook SPRM.



Antara tetamu jemputan Radio MACC.fm

- **Edaran pelbagai bahan kempen antirasuah**

SPRM menerbitkan dan mengedarkan bahan kempen antirasuah kepada masyarakat umum secara percuma. Antara bahan kempen tersebut adalah buku Nota Pencegahan Rasuah yang mengandungi maklumat lengkap mengenai rasuah dan langkah pencegahan, kalendar SPRM 2022, poster dan risalah.

Di media sosial, SPRM memuat naik secara berkala e-poster yang memaparkan mesej berkaitan kewajipan melapor rasuah, bentuk saluran aduan, perlindungan kepada pemberi maklumat, kategori hadiah yang menjadi rasuah, kesalahan rasuah oleh organisasi komersial dan panduan melaksanakan tatacara mencukupi untuk mengelakkan liabiliti korporat. Selain itu, SPRM menyediakan bahan kempen khusus untuk pelajar universiti, murid sekolah dan kanak-kanak.

- **Promosi aktiviti pendidikan antirasuah melalui media sosial**

SPRM mempunyai beberapa saluran media sosial khusus untuk mempromosi aktiviti pendidikan. Antaranya adalah akaun Facebook, Instagram dan Twitter. Selain mempromosi program yang dilaksanakan, SPRM turut menggunakan media sosial ini untuk menyalurkan pesanan khidmat masyarakat dan menyampaikan maklumat penting mengenai rasuah.



Sesi penerangan ketika pameran



Edaran bahan kempen antirasuah

PROGRAM SEMPENA ULANG TAHUN SPRM KE-55

- **Majlis Sambutan Ulang Tahun SPRM Ke-55**

SPRM meraikan sambutan ulang tahun Ke-55 di Auditorium SPRM pada 13 Oktober 2022. Tan Sri Dato’ Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah merasmikan majlis yang penuh bermakna ini. Selain itu, Pelancaran Pelan Pembangunan Sumber Manusia SPRM Tahun 2022-2025 turut diadakan bermatlamat SPRM sebagai sebuah agensi penguatkuasaan yang unggul dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Turut berlangsung sesi penyampaian Pingat Khidmat Jaya (PKJ) kepada 11 warga SPRM yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang dan

sumbangan besar dalam tugas rasminya sehingga mengharumkan nama organisasi.

- **Program Bicara Naratif di RTM**

Program Bicara Naratif, SPRM : 55 Tahun Memerangi Rasuah bersama Tan Sri Dato’ Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah diadakan secara langsung di RTM1 pada 3 Oktober 2022 jam 9.00 malam.

Program bual bicara sempena Sambutan Ulang Tahun SPRM Ke-55 ini mengupas perkembangan, kejayaan dan cabaran yang dihadapi sejak penubuhan BPR/SPRM.



Pengurusan Tertinggi bersama penerima-penerima pingat



Bicara Naratif RTM

- **Majlis Bacaan Yasin Sempena Ulang Tahun SPRM KE-55**

Majlis Bacaan Surah Yasin, Tahlil dan Doa Selamat telah dilaksanakan di Masjid Putra, Putrajaya pada 30 September 2022 sebagai salah satu usaha memperoleh keberkatan dan sentiasa memperingati sejarah penubuhan BPR/SPRM. Majlis dihadiri 200 jemaah turut dihadiri Datuk Seri Norazlan bin Mohd Razali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM. Majlis yang sama turut diadakan di lain-lain negeri.



Warga SPRM yang menyertai solat maghrib, solat hajat dan tahlil di Masjid Putra

- **Dialog Antirasuah Sprm Bersama NGO**

Taklimat antirasuah telah disampaikan oleh KPKPj Ab Muneim bin Ibrahim, Timbalan Pengarah Outreach, Bahagian Pendidikan Masyarakat dengan tajuk Kesalahan-Kesalahan Rasuah dan Hukuman berdasarkan Akta SPRM 2009. Program diteruskan dengan sesi dialog yang menampilkan panel-panel iaitu Datuk Razim bin Mohd Noor, Pengarah Bahagian

Pendidikan Masyarakat SPRM, Ahmad Farhan bin Rosli, Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Rajeswari Jeyaraman, Presiden Transformasi Warisan Selangor (PETRAWARIS) dan Eow Shiang Yen, Setiausaha Agung Persatuan Belia Buddhist Malaysia (YBAM). Manakala Wan Mahussin bin Wan Zain, Pegawai Khas Presiden GPMS telah mengendalikan sesi dialog selaku moderator.



Datuk Razim bin Mohd Noor Pengarah Bahagian PenMas SPRM bergambar bersama peserta program Dialog Antirasuah SPRM bersama NGO PKPIM, PETRAWARIS dan YBAM



Sesi dialog Antirasuah SPRM bersama NGO PKPIM, PETRAWARIS dan YBAM

SAMBUTAN HARI ANTIRASUAH ANTARABANGSA 2022

SPRM dengan kerjasama Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACeIO) Malaysia telah mengadakan sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2022 pada 9 Disember 2022 dalam usaha memperkasa lagi agenda pencegahan antirasuah di negara ini yang disertai kira-kira 1,500 peserta. Bertemakan 'UNCAC At 20: Uniting The World Against Corruption', sambutan pada tahun ini telah diadakan secara serentak selain secara webinar di empat zon iaitu zon utara di Dewan Mutiara Hotel Raia, Pulau Pinang; zon tengah di Auditorium Semarak Hall Majlis Perbandaran Sepang; zon timur di Dewan Utama Yayasan Pahang, Kuantan dan zon selatan di Dewan Kenangan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Dalam sambutan ini juga, turut disiarkan rakaman ucapan Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM yang menyatakan bahawa usaha memerangi rasuah ini adalah tanggungjawab semua pihak menerusi pembabitkan individu, komuniti, masyarakat awam, agensi penguatkuasa undang-undang, media, sektor awam dan swasta.

Bagi sambutan tahun ini juga, SPRM memberi fokus kepada kumpulan sasaran terdiri daripada syarikat-syarikat multinasional di negara ini yang membabitkan ahli lembaga pengarah, pengurusan tertinggi, pengurusan kanan serta pemegang taruh syarikat-syarikat berkenaan.



Program HARA dilaksanakan di Zon Timur



Tetamu-tetamu yang hadir semasa Program HARA di Zon Timur



Peserta mengikuti program HARA dalam talian

KOMUNIKASI STRATEGIK

KOMUNIKASI DAN PENGURUSAN MEDIA

Komunikasi dan pengurusan media SPRM dikendalikan oleh Bahagian Komunikasi Strategik (BKS) dengan tumpuan diberikan kepada tiga aspek utama iaitu pembentukan imej, promosi dan publisiti serta pengurusan krisis.

Sepanjang tahun 2022, antara perkara yang menjadi tumpuan masyarakat adalah beberapa siasatan kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam seperti kes penyelewengan dana Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (Mitra), kes rasuah di Kementerian Dalam Negeri (KDN) berhubung perolehan tender perkhidmatan membekal, memproses, mencetak dan mengedarkan notis saman Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kes melibatkan kegiatan penjualan setem hasil kerajaan dan pelekat Pas Lawatan Kerja Sementara


(PLKS) secara haram dan sindiket terbesar dalam pengeluaran pelekat palsu PLKS.

SPRM melalui BKS bekerjasama dengan pengamal media, pemegang taruh dan individu berpengaruh dalam masyarakat (*key communicator*) untuk menyebarkan mesej SPRM serta memaklumkan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dalam aspek operasi, pendidikan dan pencegahan.

PORTAL DAN MEDIA SOSIAL

Selaras dengan perkembangan teknologi, media sosial menjadi platform penting dan efektif kepada SPRM bagi menyampaikan maklumat mengenai rasuah serta menjelaskan isu-isu semasa berkaitan rasuah. Saluran rasmi SPRM di media sosial adalah seperti di **Rajah 37**.

RAJAH 37: Portal dan Media Sosial berkaitan maklumat mengenai rasuah dan isu-isu semasa



EDARAN DALAMAN YANG LEBIH MENARIK

- **MACCanisme**


Merupakan mini buletin yang diterbitkan secara bulanan bermula 10 Oktober 2021. MACCanisme mengetengahkan kisah hidup dan pengalaman menarik pegawai-pegawai SPRM dalam melaksanakan tugas mereka.



Antara terbitan MACCanisme

- **MACC News**

Mulai Ogos 2021, MACC News disiarkan di platform SPRM Malaysia (YouTube) dan e-Hebahan SPRM Malaysia. Video pendek berdurasi 4-6 minit ini memaparkan rangkuman berita terkini mengenai kejayaan SPRM dan disiarkan pada setiap bulan.



- **A1 Speaks**

Merupakan video yang mengandungi pesanan integriti dan ucapan khas Ketua Pesuruhjaya SPRM. A1 Speaks diterbitkan mulai Mei 2021 dan dikongsi kepada warga SPRM melalui e-Hebahan dan SPRM Malaysia (YouTube).






Pengarah Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme dalam videografi pesanan integriti di MACC Byte

- **MACC Byte**

Video MACC Byte memaparkan pesanan integriti dan informasi oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya, pengarah-pengarah bahagian dan negeri. Video ini disiarkan melalui platform e-Hebahan SPRM Malaysia.

- **SPRM Fokus**

Penerbitan dokumentari berkaitan dengan tugas operasi SPRM bagi memberi penekanan modus operandi sesuatu kes rasuah. Dokumentari ini memfokuskan kepada isu-isu rasuah melibatkan kes-kes berprofil tinggi yang pernah disiasat oleh SPRM sebelum ini dan memberi impak besar kepada masyarakat. Video ini disiarkan di platform SPRM Malaysia (YouTube).



PROGRAM PEMANTAPAN KOMUNIKASI BERSAMA MEDIA

SPRM menganjurkan beberapa program bersama pihak media bagi mendapatkan sokongan mereka dalam usaha mencegah rasuah. Menerusi program-program tersebut, pengamal media berpeluang berinteraksi dengan pengurusan tertinggi SPRM dalam memberi kefahaman lebih baik dan melaporkan berita yang tepat berkaitan isu-isu rasuah di Malaysia.

- **Program Pemantapan Wartawan Bersama SPRM**

Program ini diadakan pada 2 Jun 2022, di Hotel Dorsett, Putrajaya di mana Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM meluangkan masa bersama wakil-wakil media cetak, elektronik dan portal. Inisiatif ini merupakan usaha meningkatkan pengetahuan wakil media mengenai peranan beberapa bahagian di SPRM melalui tajuk menarik yang dibentangkan oleh penceramah jemputan.



Ketua Pesuruhjaya SPRM bersama wakil-wakil media

- **Majlis Penyampaian Anugerah Media SPRM Tahun 2021**

Majlis ini diadakan pada 14 Jun 2022 di Dewan Serbaguna Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya bagi mengiktiraf karya-karya kewartawanan media cetak dan media elektronik berkaitan isu rasuah.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu Anugerah Media Cetak dan Anugerah Media

Elektronik. Pemenang dipilih berdasarkan kepada laporan berita terbaik berkaitan rasuah yang disiarkan di platform media dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.

Selain itu, dua lagi anugerah disediakan iaitu, Anugerah Khas Media SPRM 2021 serta Anugerah Juri bagi media cetak dan elektronik.



Ketua Pesuruhjaya SPRM bersama pemenang Anugerah Media SPRM tahun 2021

- **Executive Talk bersama Pengarang Media Elektronik dan Portal**

Pada 21 Julai 2022, *Executive Talk* Ketua Pesuruhjaya bersama pengarang media elektronik dan portal diadakan bagi menghargai peranan media yang membantu liputan berkaitan usaha pencegahan rasuah dan aktiviti pendidikan kepada masyarakat.

Program yang berlangsung di Dewan Putra Perdana, Pulse Grande Putrajaya itu melibatkan pelbagai agensi media. Selain Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM turut hadir dalam program itu adalah Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik SPRM, PKPj Kamaruddin bin M. Ripin.



Ketua Pesuruhjaya SPRM bersama pengarang Media Elektronik dan Portal

- **Program Cakna Rasuah: SPRM Bersama Media Zon Utara**

Pada 29 September 2022, Tan Sri Dato' Sri Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM menghadiri sesi dialog bersama kira-kira 40 pengamal media zon utara bertempat di Vouk Hotel Suites, Pulau Pinang.

Objektif program ini adalah sebagai medium perkongsian strategik, pandangan dan harapan antara media zon utara bersama SPRM berkaitan usaha memerangi rasuah di negara ini di samping membina budaya masyarakat bebas rasuah.



Ketua Pesuruhjaya SPRM bersama peserta Media Zon Utara

LIPUTAN MEDIA

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 113,640 artikel dan laporan berkaitan SPRM telah disiarkan menerusi

media cetak, televisyen, portal berita, radio dan majalah. Perinciannya adalah seperti di bawah:

JADUAL 13: Laporan Media berkaitan SPRM

MEDIA	JUMLAH ARTIKEL/LAPORAN	PERATUS
Media Cetak	25,583	22.5%
Televisyen	3,284	2.89%
Radio	882	0.78%
Portal Berita	83,874	73.81%
Majalah	17	0.02%

Laporan media berkaitan SPRM merangkumi tangkapan dan pertuduhan kes-kes rasuah, program pendidikan

anjaran SPRM di peringkat ibu pejabat dan negeri serta inisiatif pencegahan rasuah yang dilaksanakan.



PROFESIONALISME


KECEMERLANGAN DAN PROFESIONALISME

PENGURUSAN ADUAN DAN TATATERTIB WARGA SPRM

Pengurusan tatatertib merupakan satu kaedah pengurusan yang penting bagi mewujudkan pentadbiran yang cekap dalam melaksanakan segala fungsi serta tanggungjawab ke arah pencapaian matlamat dan objektif.

Sepanjang tahun 2022, Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme (BCP) telah menerima sebanyak 78 aduan yang melibatkan warga SPRM. Klasifikasi kesalahan, tindakan atas kesalahan dan keputusan kes tatatertib adalah seperti di **Rajah 38, 39, 40 dan 41**.

RAJAH 38: Statistik penerimaan aduan yang diterima sepanjang tahun 2022




KLASIFIKASI ADUAN

RAJAH 39: Klasifikasi kesalahan tatakelakuan oleh Warga SPRM bagi tahun 2022




RAJAH 40: Tindakan keatas Warga SPRM yang melakukan kesalahan



Sepanjang tahun 2022, sebanyak 19 Kertas Lembaga Tatatertib (KLT) telah dibuka yang melibatkan warga SPRM. Daripada jumlah ini, sebanyak tujuh KLT yang berkeputusan berikut:

RAJAH 41: Keputusan kes tatatertib Warga SPRM bagi tahun 2022



PENGURUSAN JAWATANKUASA ADUAN

Jawatankuasa Aduan (JKA) terbentuk melalui peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 15 (1) Akta SPRM 2009. Jawatankuasa ini berperanan sebagai salah satu mekanisme *check and balance* terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya.

Pada 12 Januari 2022 telah diadakan Majlis Pelantikan Ahli Jawatankuasa Aduan (JKA) SPRM.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak empat Mesyuarat JKA telah diadakan seperti berikut:


BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Mesyuarat JKA Siri 57 Bil. 1/2022	12 Januari 2022 Bilik Mesyuarat Lembaga Aras 21, Blok C, Ibu Pejabat SPRM
2.	Mesyuarat JKA Siri 58 Bil. 2/2022	14 Jun 2022 Bilik Mesyuarat Utama SPRM Negeri Pahang
3.	Mesyuarat JKA Siri 59 Bil. 3/2022	23 Ogos 2022 Bilik Mesyuarat Diamond Hotel Bayview, Langkawi, Kedah
4.	Mesyuarat JKA Siri 60 Bil. 4/2022	7 Disember 2022 Bilik Mesyuarat Lembaga Aras 21, Blok C, Ibu Pejabat SPRM

PENGURUSAN PEMATUHAN

Pelaksanaan Ujian Air Kencing

BCP telah menjalankan saringan ujian air kencing kepada warga SPRM di bahagian dan negeri bagi mengesan penyalahgunaan dadah dan ketum. Senarai pemeriksaan adalah seperti berikut:

JADUAL 14: Saringan Ujian Air Kencing



Jumlah warga SPRM yang telah menjalani saringan ujian air kencing adalah seramai 611 orang. Daripada jumlah tersebut, empat orang positif dadah manakala 12 orang positif ketum.

Pelaksanaan Pematuhan Warga SPRM yang Terlibat Dengan Keterhutangan Serius

Warga SPRM yang dikesan mengalami masalah keterhutangan serius setelah ditolak dengan pinjaman bercagar adalah seramai 30 orang di ibu pejabat dan negeri. Warga SPRM yang berada di bawah pemantauan BCP adalah seramai 11 orang.

PENGURUSAN PENGUKUHAN INTEGRITI DAN AGAMA

Program Tazkirah dan Ceramah Agama

Program Tazkirah dan Ceramah Agama merangkumi Tazkirah Zohor, Majlis Bacaan Yasin, Doa Selamat dan Ceramah Perdana. Sebanyak 48 sesi telah diadakan di Surau Safinatun Najah. Selain itu, tiga Ceramah Perdana telah diadakan seperti berikut:

- 13 April 2022, Program Pemantapan dan Pengukuhan Integriti Siri 1 bertajuk Zakat dan Wakaf.
- 26 Mei 2022, Program Pemantapan dan Pengukuhan Integriti Siri 2 bertajuk Motivasi Kerja: Transformasi Diri.
- 6 Julai 2022, Program Pemantapan dan Pengukuhan Integriti Siri 3 bertajuk Ibadah Korban: Konsep dan Pengamalan Sebenar

Program Pengukuhan dan Pemantapan Integriti

Sebanyak tiga program telah diadakan yang melibatkan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) sebagai kesinambungan daripada Nota Kerjasama

yang ditandatangani oleh SPRM dan AADK pada 7 Mac 2022. Program tersebut adalah seperti berikut:

- Program Pengukuhan dan Pemantapan Integriti Sektor Operasi Siri 1, Siri 2 dan Siri 3 telah dilaksanakan pada 23 hingga 25 Ogos 2022 di Hotel The Grand Beach Resort, Port Dickson.
- Program Strategik Tempat Kerja Bebas Dadah telah dijalankan di SPRM Pulau Pinang pada 8 hingga 9 Mac 2022.
- Program Pengukuhan dan Pemantapan Integriti: Tempat Kerja Bebas Dadah telah diadakan di Pusat Latihan Pasukan Gerakan Am (PGA) Ulu Kinta, Perak pada 25 hingga 28 Julai 2022.

Kursus Pembudayaan Horizon Baharu Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK)



Kursus Pembudayaan Horizon Baharu KIK pada tahun 2022 ini diadakan pada 11 hingga 13 Oktober 2022 di Hotel The Grand Beach Resort, Port Dickson. Program ini merupakan satu persiapan bagi 13 kumpulan yang menyertai pertandingan KIK SPRM pada tahun 2023.

PENGURUSAN PSIKOLOGI



Konvensyen Integriti dan Psikologi SPRM (KIPS 1.0) Tahun 2022 buat julung kalinya telah diadakan di Auditorium Aras 3, Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada 18 hingga 19 Oktober 2022 dan dirasmikan oleh Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang bertemakan 'Menyantuni Nilai Insan Berintegriti dan Kesejahteraan Psikologi'.

Peserta konvensyen ini terdiri daripada semua bahagian di Ibu Pejabat SPRM, SPRM Kuala Lumpur, SPRM Selangor dan semua ahli AKRAB SPRM. Konvensyen ini turut disiarkan melalui aplikasi Zoom SPRM.

Selain itu, program Outreach@Temu Mesra Seksyen Pengurusan Psikologi, Jabatan Perdana Menteri bersama Unit Psikologi, Cawangan Pengukuhan Integriti, Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme SPRM telah diadakan pada 10 November 2022. Program Out Reach ini berkonsepkan 'Turun Padang' atau *engagement* bersama Ketua Jabatan/Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dalam usaha memperkasakan perkhidmatan psikologi. Bersempena program ini, turut diadakan Reruai@Booth Temu Mesra Psikologi yang menyediakan perkhidmatan psikologi, ujian psikologi, pemeriksaan tekanan darah, BMI dan Brain Games kepada warga SPRM sementara booth KOSPEN WOW pula menyediakan saringan kesihatan dan pemeriksaan kadar gula dalam darah.


PEMANTAUAN DAN PENYELARASAN

PENGURUSAN KPI SPRM


Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Perkhidmatan Awam diperkenalkan sejak tahun 2005 melalui Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bilangan 2 Tahun 2005: Garis Panduan Bagi Mewujudkan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance*

Indicators. Berpandukan garis panduan berkenaan, setiap ketua agensi dikehendaki mewujudkan KPI dan melaksanakan pengukuran prestasi di agensi masing-masing sebagai usaha menerapkan budaya kerja berasaskan prestasi dalam Perkhidmatan Awam.

RAJAH 42: Objektif penilaian KPI



RAJAH 43: Ringkasan warga SPRM yang terlibat dalam pengurusan dan penilaian KPI



PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) SPRM 2022

Pada tahun 2022, penetapan KPI SPRM adalah berdasarkan keberhasilan *Ultimate Outcome* yang dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi SPRM iaitu:

- a. peratusan Penyiapan Kes Berprofil Tinggi dan Berkepentingan Awam; dan
- b. peratusan Sokongan dan Keyakinan Masyarakat Terhadap Usaha Memerangi Rasuah.

Penyiapan Kes Berprofil Tinggi dan Berkepentingan Awam [*High Profile Public Interest* (HPPI)] memberi tumpuan kepada penyelesaian HPPI yang berkeputusan dengan penetapan sasaran sebanyak 85%. Tumpuan diberikan kepada kaedah menjalankan siasatan secara telus, teliti dan profesionalisme bagi memastikan Kertas Siasatan berkualiti dan menepati kriteria untuk diperakukan pertuduhan oleh pihak pendakwaan.

Sokongan dan keyakinan masyarakat terhadap usaha memerangi rasuah adalah melalui peningkatan usaha-usaha pencegahan dan keberkesanan setiap program yang dilaksanakan terhadap kumpulan sasar dengan penetapan sasaran bagi sokongan dan keyakinan adalah sebanyak 90% masing-masing pada tahun 2022.

Pemantauan Sistem MACCKPI SPRM dilaksanakan bagi memastikan pengguna menggunakan fungsi sistem sewajarnya dan mengemaskini sebarang perubahan berkaitan KPI. Pemantauan ini juga bertujuan menyelaraskan dan memantau penggunaan Sistem MACCKPI dan proses kunci masuk pencapaian KPI di peringkat Ibu Pejabat dan SPRM Negeri dalam melaksanakan KPI secara atas talian.


JADUAL 15: Pemantauan Sistem MACCKPI mengikut sektor dan SPRM Negeri

PEMANTAUAN SISTEM MACCKPI SPRM 2022

BIL.	TARIKH	TEMPAT	Desk Officer KPI
1	3 – 4 Ogos 2022	Ibu Pejabat	Sektor Operasi
2	10 – 12 Ogos 2022	Terengganu	Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah, WP Kuala Lumpur
3	17 Ogos 2022	Ibu Pejabat	Sektor Pencegahan
4	18 Ogos 2022	Ibu Pejabat	Sektor Pengurusan dan Profesionalisme
5	24 – 26 Ogos 2022	Pulau Pinang	Terengganu, Kelantan, Pahang, Sarawak, Selangor
6	7 – 9 September 2022	Johor	Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Labuan, WP Putrajaya

PENGAUDITAN

RAJAH 44: Elemen yang dinilai dalam pengauditan



PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN PTJ SPRM

Pengauditan Pengurusan Kewangan Pusat Tanggungjawab (PTJ) SPRM dilaksanakan oleh pasukan petugas khas yang dianggotai oleh Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan dan turut dibantu oleh beberapa pegawai di Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan. Pengauditan ini bertujuan bagi membolehkan penambahbaikan segera dilakukan sebelum pengauditan sebenar oleh Bahagian Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya, mengurangkan teguran hasil penemuan audit. Impak

pengauditan pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

- a. mempertingkatkan tahap pematuhan dan prestasi pengurusan kewangan PTJ;
- b. mengurangkan teguran audit Jabatan Audit Negara (JAN) dan Bahagian Audit Dalam JPM;
- c. meminimakan ketidakpatuhan terhadap arahan, peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa; dan
- d. mempertingkatkan integriti dan akauntabiliti pegawai.

RAJAH 45: Pengauditan Pengurusan Kewangan tahun 2022



Bersama Pengarah SPRM Sibu



Sesi *Exit Conference* Bersama Pengarah dan Pegawai SPRM Sibu



Semakan Auditan di SPRM Kedah



Sesi *Exit Conference* Bersama Timbalan SPRM Kedah



Ahli Pasukan Audit di SPRM Sabah



Sesi *Exit Conference* Bersama Pengarah SPRM Sabah

KESELAMATAN

PROGRAM PEMANTAPAN PASUKAN TINDAK BALAS KECEMASAN (ERT) DAN LATIHAN KEBAKARAN IBU PEJABAT SPRM

Bahagian Keselamatan telah melaksanakan Program Pemantapan Pasukan Tindak Balas Kecemasan (ERT) dan Latihan Kebakaran Ibu Pejabat SPRM selama dua hari bermula 22 sehingga 23 Februari 2022.

Pada 22 Februari 2022, seramai 102 pegawai ERT telah menghadiri taklimat secara fizikal di Auditorium Ibu Pejabat SPRM oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Putrajaya.

Latihan Pengungsian Bangunan/Kebakaran (*fire drill*) telah diadakan pada 23 Februari 2022 kepada 100 orang pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada Pegawai Insiden Aras Blok A, B dan C.

Latihan secara berterusan ini dapat memberikan kemahiran kepada pasukan ERT untuk bertindak semasa kecemasan.

Selain itu, Program Pemantapan ERT dan Latihan Kebakaran Ibu Pejabat SPRM adalah salah satu syarat bagi pembaharuan Perakuan Bomba (Fire Certificate) di bawah Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) 2001 dan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.



Pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat SPRM terlibat dalam latihan kebakaran (*fire drill*).

PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN SPRM TAHUN 2022

Program Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan SPRM Tahun 2022 telah dianjurkan oleh Bahagian Keselamatan pada 27 hingga 28 Julai 2022 di Ibu Pejabat SPRM. Penganjuran ini bertujuan memenuhi tuntutan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2019 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dalam mengubah budaya kerja ke arah yang lebih selamat dan sihat bagi memantapkan pelaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di SPRM.

Objektif Program adalah seperti berikut:

- mempromosikan budaya kerja selamat kepada semua warga kerja bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan di

tempat kerja. Seterusnya dapat memahami hak/tanggungjawab majikan dan pekerja seperti yang dinyatakan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994;

- menerapkan kesedaran untuk mematuhi polisi keselamatan semasa bekerja dalam organisasi;
- memberi kefahaman dan pendedahan tentang ancaman di persekitaran tempat kerja seperti gangguan seksual dan implikasinya kepada diri; dan

- memberi galakan untuk mengamalkan budaya kerja sihat dan sejahtera semasa melaksanakan pekerjaan.

Seramai 201 orang pegawai dan kakitangan daripada Ibu Pejabat, SPRM WP Putrajaya, SPRM Negeri Selangor dan SPRM WP Kuala Lumpur telah menghadiri taklimat sepanjang dua hari program/aktiviti dilaksanakan.



Tentatif Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan SPRM Tahun 2022



Kaunter pameran yang dibuka sepanjang program

KEJOHANAN MENEMBAK SPRM TAHUN 2022

Sebagai sebuah agensi penguat kuasa, SPRM terdedah kepada ancaman dan bahaya daripada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab khususnya ketika menjalankan tugas. Oleh itu, SPRM memerlukan pegawai-pegawai yang sentiasa berusaha mempertingkatkan kemahiran mereka dalam pelbagai bidang termasuk kemahiran pengendalian senjata api dalam memastikan keselamatan berada pada tahap yang maksimum. Sehubungan itu, program latihan telah dirancang, meliputi aspek pengurusan, teknikal dan fizikal seperti latihan menembak.

Program Kejohanan Menembak SPRM Tahun 2022 merupakan salah satu inisiatif Bahagian Keselamatan dalam melahirkan pegawai-pegawai yang mempunyai kebolehan yang lebih cekap dan profesional semasa pengendalian senjata api yang melibatkan pegawai-pegawai SPRM seluruh Malaysia. Program ini telah dilaksanakan pada 16 Ogos 2022 di Lapang Sasar Maktab Penjara Malaysia, Kompleks Penjara Kajang, Selangor.

Objektif Program adalah seperti berikut:

- meningkatkan kemahiran penggunaan senjata api di kalangan pegawai SPRM;
- meningkatkan langkah kawalan keselamatan penggunaan senjata api di kalangan pegawai SPRM; dan
- membentuk semangat kerja berpasukan dan mengeratkan hubungan di kalangan pegawai SPRM.



Perasmian Kejohanan Menembak SPRM Tahun 2022 oleh Tan Sri Dato' Sri Hj Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM

PEWARTAAN KOMPLEKS SPRM NEGERI SEBAGAI KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN

SPRM merupakan agensi yang perlu diberi perlindungan keselamatan yang menyeluruh daripada sebarang ancaman seperti espionaj, sabotaj, pencerobohan, kelarian tahanan dan anasir-anasir lain yang berbahaya. Semua ancaman ini bukan sahaja membahayakan premis, harta benda, aset kerajaan, dokumen rasmi malah nyawa warga SPRM dan mana-mana individu yang berurusan di Pejabat SPRM.

Bahagian Keselamatan bertanggungjawab untuk menyelaras permohonan pewartaan Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan (KLTL) di bawah Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).

Sepanjang tahun 2022, Bahagian Keselamatan telah menyelaras proses pewartaan bersama SPRM negeri bagi keseluruhan lima buah kompleks yang disasarkan di bawah Pelan Anti Rasuah SPRM 2021-2025. Sebanyak tiga buah kompleks SPRM Negeri iaitu SPRM Kelantan, Terengganu dan Sarawak telah berjaya menyelesaikan dan menyiapkan dokumentasi yang ditetapkan bagi mematuhi prosedur permohonan pelan warta bersama agensi-agensi yang berkaitan seperti pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

(JUPEM) dan Pejabat Tanah Daerah di negeri masing-masing. Permohonan pewartaan ini telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) mengikut negeri masing-masing untuk tindakan pewartaan oleh pihak CGSO Ibu Pejabat kepada pihak Kementerian Dalam Negeri. Manakala bagi SPRM Selangor dan Melaka, Bahagian Keselamatan menasaskan untuk menyelesaikan isu lot tanah dan kerja-kerja ukur bagi proses permohonan pelan warta bersama agensi yang berkaitan.



Sesi Perbincangan Bahagian Keselamatan dan SPRM Negeri


AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

PROGRAM LATIHAN TAHUNAN SPRM 2022


Dalam usaha untuk mencegah jenayah rasuah sekaligus meningkatkan integriti, SPRM aktif menyediakan program latihan kepada semua pemegang taruhnya. Sepanjang tahun 2022, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah merancang sebanyak 74 program latihan dalam prospektus latihan tahunan SPRM 2022.

Walau bagaimanapun, berdasarkan sambutan yang amat menggalakkan, MACA turut menerima permohonan untuk melaksanakan program latihan secara *customized* iaitu program latihan yang dipatenkan khusus untuk jabatan, agensi atau organisasi yang memohon dan program latihan *ad-hoc* iaitu program latihan yang tiada dalam perancangan prospektus. Secara keseluruhannya, MACA telah melaksanakan sebanyak 127 program latihan dengan seramai 2,857 penyertaan.


RAJAH 46: Pencapaian Keseluruhan Program Latihan Tahunan SPRM 2022



RAJAH 47: Kategori Program Latihan Tahunan SPRM 2022



RAJAH 48: Pecahan Kehadiran Peserta Program Latihan Tahunan SPRM 2022



MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN ASAS PEGAWAI SPRM TAHUN 2022

Kursus Asas Pegawai SPRM merupakan platform untuk pegawai lantikan baru SPRM mempersiapkan diri dalam mengharungi satu anjakan paradigma dalam kehidupan mereka kelak. Kursus asas ini juga diyakini dapat membimbing pegawai kadet untuk menyesuaikan diri dengan suasana tugas di SPRM yang memerlukan pegawai-pegawai yang mempunyai tahap ketahanan mental dan fizikal yang tinggi serta berintegriti.

Pada 31 Mac 2022, seramai 54 orang pegawai kadet Penolong Penguasa Gred P29 telah berjaya

menamatkan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri ke-25 Bilangan 1 Tahun 2021. Majlis Perbarisan Tamat Latihan pada kali ini telah dianjurkan di SPRM Negeri Johor.

Kursus Asas Pegawai SPRM ini merupakan *cohort* kedua bagi Program Akreditasi Kursus Asas yang menyaksikan kolaborasi di antara SPRM dan Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom dengan menjalani Latihan Kursus Asas dan pengajian *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5)* secara serentak dalam tempoh sembilan bulan. Usaha ini sekaligus melonjakkan pembangunan modal insan pegawai SPRM ke satu fasa baru.



Pemeriksaan perbarisan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM



Ps Muhamad Thurana bin Varnan menerima Anugerah Terbaik Keseluruhan daripada Ketua Pesuruhjaya SPRM



Peserta Kursus Asas Pegawai SPRM Siri ke-25 Bilangan 1 Tahun 2021 merakam memori bersama Pegawai-pegawai Kanan SPRM

MAJLIS GRADUASI PROGRAM PENGAJIAN BERAKREDITASI SPRM-NTU KALI PERTAMA

MACA telah diiktiraf sebagai Pusat Pemberi Pendidikan Tinggi daripada Malaysian Qualification Agency (MQA) pada November 2020 dalam usaha untuk memperkasakan agenda pembelajaran sepanjang hayat melalui program pengajian berakreditasi. Agenda pembelajaran sepanjang hayat mempunyai peranan yang sangat penting dalam menggilap kemampuan dan kegemilangan berdasarkan kepada konsep The 3 Es iaitu *employment, empowerment* dan *enjoyment*.

Kolaborasi SPRM dengan Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom sejak 2017 telah membuahkan hasil dengan terlaksananya beberapa program pengajian berakreditasi iaitu Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5) / Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5) for in Service Officer/Postgraduate Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership (Level 7).



Ketua Pesuruhjaya SPRM bersama Pro Vice-Chancellor (International) NTU, United Kingdom serta Pegawai-pegawai Kanan SPRM dan NTU di atas pentas utama



Ketua Pesuruhjaya SPRM menyampaikan Anugerah Akademik Terbaik bagi graduan Postgraduate Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership (Level 7) Cohort 1/2019 kepada Ps Nur Athikah bin Aziz



Sebahagian daripada graduan Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5)

Dalam majlis graduasi 'MACC Law Enforcement Accredited Programme: 1st Convocation 2022' pada 8 September 2022, seramai 266 graduan menerima sijil tamat pengajian yang telah disampaikan oleh Pro Vice-Chancellor (International) NTU, United Kingdom, Professor Cllian Ryan. Majlis tersebut berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Selepas menempa kejayaan melaksanakan tiga program akreditasi tersebut, SPRM melalui MACA bakal menzahirkan hasrat untuk menawarkan dan menganugerahkan Program Pengajian Peringkat Sijil (Tahap 3), Diploma (Tahap 4), Diploma Lanjutan (Tahap 5), Sijil dan Diploma Siswazah (Tahap 6) dan Sijil dan Diploma Pascasiswazah (Tahap 7).



Ketua Pesuruhjaya SPRM serta ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB) di pentas utama

784 GRADUAN TERIMA PENTAULIAHAN PEGAWAI INTEGRITI

Program Pegawai Integriti bertauliah (CeIO) dibangunkan pada tahun 2010 dengan tujuan untuk melahirkan Pegawai Integriti yang berperanan untuk merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program integriti di kementerian, jabatan dan agensi dalam sektor awam.

Majlis Konvokesyen Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Kali Ke-9 telah diadakan pada 25 Oktober 2022 di Universiti Putra Malaysia, Serdang menyaksikan seramai 784 graduan daripada 13 Siri program CeIO berjaya ditauliahkan sebagai Pegawai Integriti Bertauliah.



Ketua Pesuruhjaya SPRM menyampaikan ucapan pada Majlis Konvokesyen CeIO ke-9

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Tan Sri Dato Sri Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan diserikan dengan kehadiran ahli-ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB).



Ketua Pesuruhjaya SPRM menyampaikan sijil Pegawai Integriti Bertauliah kepada PKPj Zakaria bin Taib.

PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO) TAHUN 2022


Pada tahun 2022, sebanyak 11 program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) telah dilaksanakan dan melahirkan sejumlah 516 Pegawai Integriti Bertauliah.

Daripada jumlah tersebut, MACA juga telah melaksanakan beberapa program CeIO secara berkelompok (*in-house*) hasil permintaan Sektor Awam dan GLC yang telah menjalinkan hubungan strategik dengan SPRM dan MACA.

RAJAH 49: Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Tahun 2022



RAJAH 50: Program CeLO Berkelompok (*In-House*) 2022



CeLO Berkelompok Sektor GLC



CeLO Siri 5, Bil.2/2022 Petronas secara dalam talian



CeLO Siri 6, Bil.3/2022 Permodalan Nasional Berhad (PNB)



CeLO Siri 7, Bil.4/2022 Menteri Besar Selangor Incorporated (MBi)

CeLO Berkelompok Sektor Awam



CeLO Siri 31, Bil.3/2022, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)



CeLO Siri 32, Bil.4/2022, Jabatan Imigresen Malaysia(JIM)



CeLO Siri 33, Bil.5/2022 RISDA

SISTEM GMACA

Dalam usaha untuk mengautomatiskan pengurusan latihan yang lebih berkesan dalam melatih modal insan sektor awam, swasta dan antarabangsa serta meningkatkan kapasiti dan kapabiliti perkhidmatan pencegahan rasuah, MACA telah membangunkan sistem pengurusan latihan MACA yang dikenali dengan nama 'GMACA'.

Sistem GMACA melibatkan sistem penyampaian maklumat melalui portal, sistem permohonan dan proses kelulusan program latihan secara dalam talian, dan juga sistem penyimpanan dan pelaporan data latihan serta sumber manusia.

Majlis Perasmian Sistem GMACA telah disempurnakan oleh Tan Sri Dato' Sri Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM pada 16 Ogos 2022 di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.



Majlis Pelancaran Sistem GMACA pada 16 Ogos 2022 di Ibu Pejabat SPRM WP Putrajaya



Ketua Pesuruhjaya SPRM merasmikan Sistem GMACA disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM dan Dato' TPj Haji Idris bin Zaharudin, Pengarah MACA



PsK Kamarul Zaman bin Mosman mewakili Pasukan GMACA menyampaikan cenderamata kepada PKPj Mohd Shahril bin Che Saad, Pengarah SPRM Negeri Melaka dalam Siri Jelajah Taklimat Sistem GMACA

Definisi : Pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap), (wang) tumbuk rusuk (sogok; suap). (Kamus Dewan Edisi Keempat) Allah mengutuk orang yang menerima rasuah dan perantara rasuah (antara kedua-duanya). (Maksud Hadith)


دفينيسي : قمبريان اونق مينوموق روسوق (ميوكوء، ميواڤ)، (واغ) توموق روسوق (سوكوء، سواڤ). (قاموس ديوان ايديسي كامث) الله مقوتوق ~، اورغ يغ منريما رسواه دان قراتارا رسواه (انتارا كدوا-دونان).. (مقصود حديث)

賄賂

رسواه

ஊழல்

கையூட்டு பணம்




دويت باوه ميجا

بوغا اوس

قلنجير

ماكن سواف

மாமல் வசூல்



كوروقسي

贪污

دويت كوفي

Definisi : amalan atau perbuatan yang salah atau tidak amanah (seperti pecah amanah, menerima rasuah, dan lain-lain); hukuman yang keras dikenakan sebagai langkah menghapuskan ~. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

دفينيسي : عمان اتاو قربواتن يغ ساله اتاو تيدق امانه (سفر تي فچه امانه، منريما رسواه دان لاين-لاين) : حكومن يغ كراس دكناكن سباكي لڤكه مقهافوسكن ~ (قاموس ديوان ايديسي كامث)

Tajuk : SUAP HARAM
 Karya oleh: NOR ARSEHA KARIMON
 Program : Pameran Seni DERIA 2022 – Kolaborasi Strategik SPRM Bersama UiTM Melaka dan PERZIM





PENGURUSAN DAN KEWANGAN

KHIDMAT PENGURUSAN

PERJAWATAN SPRM TAHUN 2022

Berdasarkan Waran Perjawatan Tahun 2022, sehingga 31 Disember 2022, jumlah pengisian perjawatan di SPRM adalah sebanyak 2,713 (84%) daripada keseluruhan perjawatan iaitu 3,232. Baki perjawatan yang belum diisi adalah sebanyak 519 (16%) perjawatan.

Perincian perjawatan berdasarkan sektor, skim perkhidmatan, kumpulan perkhidmatan adalah seperti di **Jadual 16**, **Jadual 17** dan **Jadual 18**. **Jadual 19** pula menunjukkan perbandingan perjawatan bagi tempoh 2018 hingga 2022.

JADUAL 16: Ringkasan perjawatan SPRM mengikut sektor sehingga 31 Disember 2022

BIL.	SEKTOR	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
1.	Operasi	956	787	169
2.	Pencegahan	355	293	62
3.	Pengurusan	543	450	93
4.	SPRM Negeri	1378	1183	195
JUMLAH		3,232	2,713	519

JADUAL 17: Ringkasan perjawatan SPRM mengikut skim perkhidmatan sehingga 31 Disember 2022

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
1.	Pegawai SPRM	2,272	1,854	418
2.	Jawatan kumpulan (Gred P29 hingga JUSA A)	29	20	9
3.	Jawatan terbuka	26	22	4
4.	Pegawai gunasama	905	817	88
JUMLAH		3,232	2,713	519

JADUAL 18: Ringkasan perjawatan SPRM mengikut kumpulan perkhidmatan sehingga 31 Disember 2022

BIL.	KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
1.	Pengurusan Tertinggi (JUSA C-Turus III)	27	25	2
2.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	963	803	160
3.	Kumpulan Pelaksana I (Gred 19-40)	1,956	1,632	324
4.	Kumpulan Pelaksana II (Gred 1-14)	257	235	22
5.	Jawatan kumpulan (Gred P29-JUSA A)	29	21	8
JUMLAH		3,232	2,713	519

JADUAL 19: Perbandingan waran perjawatan dan pengisian perjawatan SPRM bagi tahun 2018 hingga 2022

TAHUN 2022	 PERJAWATAN 3,232	 PENGISIAN 2,713	PERATUSAN 84%
TAHUN 2021	 PERJAWATAN 3,132	 PENGISIAN 2,670	PERATUSAN 85%
TAHUN 2020	 PERJAWATAN 3,132	 PENGISIAN 2,696	PERATUSAN 86%
TAHUN 2019	 PERJAWATAN 3,037	 PENGISIAN 2,750	PERATUSAN 91%
TAHUN 2018	 PERJAWATAN 2,955	 PENGISIAN 2,704	PERATUSAN 92%

PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN AMALAN NILAI (SPAN 2.0) DI SPRM

Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui surat bertarikh 8 Ogos 2022 telah menyampaikan ucapan tahniah kepada SPRM atas pencapaian telah melaksanakan pengauditan melalui Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) Tahun 2021 dan 2022. SPRM telah berjaya memperolehi Skor Indeks Komposit 80% ke atas iaitu 84.18%. Dapatan ini menunjukkan bahawa warga organisasi mempunyai kesedaran dan penghayatan nilai pada tahap yang baik.

Keputusan ini menunjukkan peningkatan dan buat julung kalinya selepas sembilan tahun pelaksanaan SPAN di SPRM sejak tahun 2013 markah melebihi 80% berbanding keputusan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN 1.0) yang dilaksanakan di SPRM bagi tahun 2020 di tahap skor Indeks Nilai Komposit 76.9 % dan tahun 2013 adalah 71.54%.



Sijil Penghargaan dan Surat Penghargaan Pengauditan Nilai Melalui Pelaksanaan SPAN 2.0 Tahun 2021/ 2022



Foto: Poster hebahan permohonan pertukaran pegawai SPRM sesi II 2022

ANUGERAH KETUA PESURUHJAYA SPRM (AKPJ) TAHUN 2021 UNTUK PROJEK PENAMBAHBAIKAN PROSES PERMOHONAN PERTUKARAN MELALUI SISTEM PERMOHONAN PERTUKARAN PEGAWAI SPRM

Proses permohonan pertukaran telah ditambah baik daripada proses manual kepada sistem permohonan pertukaran Pegawai SPRM dan dilaksanakan sepenuhnya mulai Ogos 2021. Sistem permohonan pertukaran ini juga telah berjaya menerima Anugerah Ketua Pesuruhjaya SPRM (AKPJ) Tahun 2021 pada Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan (MAAK) Tahun 2021 yang telah diadakan pada 11 April 2022. Objektif penambahbaikan proses ini adalah:

- a. memudahkan pegawai SPRM membuat permohonan pertukaran secara atas talian dan menjimatkan masa serta pengurangan kertas;
- b. mendapatkan maklumat yang tepat daripada pemohon bagi butiran-butiran yang diperlukan;
- c. keputusan pertukaran boleh diketahui oleh pemohon secara atas talian dan lebih efisien; dan
- d. memperkasa peranan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) selaku urus setia dalam menyelaras dan memproses permohonan yang diterima.



Plak Anugerah Ketua Pesuruhjaya bagi Sistem Permohonan Pertukaran Pegawai SPRM

PERSARAAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN SPRM

Pada tahun 2022, seramai 27 orang pegawai dan kakitangan SPRM telah menamatkan perkhidmatan sebagai penjawat awam. Daripada jumlah tersebut, seorang pegawai terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Gred Utama C dan ke atas), 10 orang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 16 orang pegawai daripada Kumpulan Pelaksana.

Berdasarkan kategori persaraan, seramai 13 orang pegawai (48.15%) adalah kategori pesara wajib, lapan orang pegawai (29.62%) bersara pilihan dan enam orang pegawai (22.22%) adalah pesara terbitan (meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan). Senarai pegawai yang bersara pada tahun 2022 adalah seperti di **Jadual 20, 21 dan 22**.

JADUAL 20: Senarai pegawai yang bersara wajib

BIL.	NAMA	JAWATAN DAN GRED	BAHAGIAN/ CAWANGAN	TARIKH BERSARA
1	Rostam bin Abu Hassan	P54	Bahagian Pengurusan Integriti Agensi	28.04.2022
2	Abu Talib bin Othman	P52	Bahagian Pendidikan Masyarakat	20.06.2022
3	Khairul Azidi bin Yahidin	P52	Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan	31.08.2022
4	Soriana binti Adnan	P48	Bahagian Pengurusan Rekod Dan Maklumat	15.05.2022
5	Hamzah bin Ibrahim	P48	Bahagian Keselamatan	10.07.2022
6	Mhd Yussof bin Zakaria	P44	Bahagian Perisikan	18.06.2022
7	Mohamed Zaini bin Zakaria	P38	Bahagian Pengurusan Integriti Agensi	07.07.2022
8	Azmi bin Mohd Nor	N26	SPRM Terengganu	18.08.2022
9	Radziah binti Yahaya	W22	Bahagian Kewangan, Akaun & Pembangunan	28.08.2022
10	Rosnah binti Miasin	N19	SPRM Sabah	07.09.2020
11	Mohammad Isam bin Osman	N19	SPRM Melaka	30.11.2022
12	Abdul Jalil bin Jamaludin	N14	SPRM Pulau Pinang	13.03.2022
13	Razali bin Jamaludin	KP11	SPRM Pahang	04.04.2022

JADUAL 21: Senarai pegawai yang bersara pilihan

BIL.	NAMA	JAWATAN DAN GRED	BAHAGIAN/ CAWANGAN	TARIKH BERSARA
1	Mohammad Soib bin Abdullah	JUSA C	Bahagian Keselamatan	01.01.2022
2	Hasaniyah binti Salam	P54	Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan	01.06.2022
3	Shukri bin Mohd Salleh	P52	Bahagian Operasi Khas	01.03.2022
4	Rozlina binti Hashim	P48	Bahagian Operasi Khas	01.03.2022
5	Mohd Zaini bin Hassan	P44	SPRM Kedah	01.07.2022
6	Zamruddin bin Muhidin	P38	SPRM Negeri Sembilan	01.07.2022
7	Zalmi bin Mat Isa	P32	SPRM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	01.01.2022
8	Janet Tay Ling Ling binti Mait	P29	SPRM Sabah	31.08.2022

JADUAL 22: Senarai pegawai yang bersara terbitan (meninggal dunia)

BIL.	NAMA	JAWATAN DAN GRED	BAHAGIAN/ CAWANGAN	TARIKH BERSARA
1	Rony binti Ahmad Zaidi	P38	Bahagian Pendidikan Masyarakat	20.03.2022
2	Yanti binti Sawal	P32	SPRM Caw. Kluang	06.04.2022
3	Ngelambong A/K Giong	N14	SPRM Caw. Miri	23.02.2022
4	Mohd Nazri bin Abdul Aziz	N19	MACA	10.09.2022
5	Jeyaiswaren A/L Ayadorai	P42	SPRM Perak	20.07.2022
6	Saaidin bin Salleh	N14	SPRM Perak	21.04.2022

URUSAN PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI SIASATAN/ PENOLONG PEGAWAI SIASATAN

Seramai 135 orang Pegawai Siasatan/Penolong Pegawai Siasatan telah diluluskan kenaikan pangkat pada tahun 2022 seperti berikut:

BIL.	GRED KENAIKAN PANGKAT	BILANGAN PEGAWAI
1.	Pegawai Siasatan Gred Turus II	1
2.	Pegawai Siasatan Gred P54	6
3.	Pegawai Siasatan Gred P52	5
4.	Pegawai Siasatan Gred P48	25
5.	Pegawai Siasatan Gred P44	85
6.	Penolong Pegawai Siasatan Gred P32 (TBBK)	13
JUMLAH		135

MESYUARAT PELAKSANAAN PENGURUSAN PRESTASI SECARA DUAL SYSTEM, MY PERFORMANCE

Dilaksanakan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesionalisme serta kumpulan pelaksana mulai 1 Januari 2024. MyPerformance akan menggantikan sistem penilaian prestasi yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2022 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2009 iaitu Modul Pengurusan Prestasi – LNPT HRMIS.

Justeru itu, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menetapkan tempoh dua tahun bermula 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023 sebagai tempoh familiarisasi MyPerformance. Sepanjang tempoh tersebut pengurusan prestasi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta kumpulan pelaksana

hendaklah menggunakan Modul Pengurusan Prestasi – LNPT HRMIS dan Modul Pengurusan Prestasi – MyPerformance HRMIS bagi tahun 2022 dan 2023 secara serentak (*dual system*).

Mesyuarat Pelaksanaan Pengurusan Prestasi Secara *Dual System* tahun 2022, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah dilaksanakan pada 22 hingga 24 Jun 2022 di Hotel Grand Ion Delemen, Genting Highland, Pahang. Mesyuarat ini bertujuan sebagai persediaan bagi pelaksanaan pengurusan prestasi secara *dual system*. Semua warga diberi latihan berhubung kaedah penulisan sasaran penghasilan kerja memandangkan Borang Sasaran Kerja Tahunan (SKT) telah digantikan dengan Sasaran Kerja Utama (SKU).



Mesyuarat pelaksanaan pengurusan prestasi secara *dual system* tahun 2022

PELAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (PPSM) 2022-2025

Pelancaran buku Pelan Pembangunan Sumber Manusia SPRM (PPSM) 2022 - 2025 telah disempurnakan oleh Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM pada 13 Oktober 2022 bertempat di Auditorium, Aras 3, Ibu Pejabat SPRM bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun SPRM ke-55.

PPSM 2022 - 2025 ini merupakan kelestarian daripada Transformasi Modal Insan yang bermatlamatkan meletakkan SPRM sebagai sebuah agensi penguatkuasaan yang unggul dan diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. PPSM yang mengandungi lima bab menjelaskan mengenai dasar-dasar perkhidmatan awam membabitkan pengurusan dan pembangunan sumber manusia di suruhanjaya ini dengan matlamat menjadikan agensi ini sebagai pusat rujukan pengurusan bakat kepada agensi pencegahan rasuah dunia dan perkhidmatan awam yang lain. Kandungan lima bab di dalam pelan ini adalah:

- i. dasar pengurusan dan pembangunan sumber manusia;
- ii. organisasi dan struktur;
- iii. modal insan dan peranan;
- iv. kepimpinan dan budaya; dan
- v. prestasi dan ganjaran.

Pelaksanaan setiap strategi dan pelan tindakan yang telah digariskan dapat direalisasikan bagi mendokong PPSM sekaligus menjadikan SPRM sebagai sebuah

agensi penguatkuasa pencegahan rasuah yang kredibel lagi dihormati di peringkat global.

PROGRAM ADEPT 54

Program Pembangunan Pelapis Kepimpinan SPRM yang dikenali sebagai Accelerated Development Program For Senior Officer Grade P54 (ADEPT 54) telah bermula sejak Oktober 2021 hingga Disember 2022 melibatkan seramai 65 orang pegawai kanan gred P54.

Program ini sebagai projek rintis program kemajuan kerjaya ke jawatan JUSA C mempunyai tiga objektif pembelajaran yang utama iaitu:

- i. menyediakan pegawai kanan di Gred P54 sebagai pelapis kepimpinan gred JUSA C dalam tempoh dua hingga lima tahun akan datang;
- ii. meningkatkan kemahiran pegawai kanan terhadap isu dan permasalahan dalam pengurusan organisasi bagi melahirkan pemimpin yang berpengetahuan serta berkebolehan mengurus kepelbagaian; dan
- iii. meningkatkan kompetensi pegawai kanan bagi menjadi pemimpin organisasi yang mampan bagi mewujudkan budaya transformatif dan beradaptasi dengan persekitaran.

Program ini secara keseluruhan mengandungi enam modul yang terdiri daripada strategi dan dasar, kepimpinan, interpersonal, modal insan, kewangan dan logistik serta media dan perhubungan awam.

MAJLIS ANUGERAH APRESIASI KECEMERLANGAN (MAAK)

MAAK Tahun 2021 yang bertemakan 'Merealisasikan Aspirasi, Mengutamakan Prestasi' telah berlangsung dengan jayanya pada 11 April 2022 di Dewan Serbaguna, Aras 7 Blok A, Ibu Pejabat SPRM. MAAK merupakan majlis yang diadakan bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga kerja SPRM yang telah mempamerkan prestasi kerja yang tinggi dan melaksanakan tugasnya dengan penuh dedikasi. Seramai 211 pegawai dan kakitangan telah dianugerahkan sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) berdasarkan pencapaian prestasi tahun 2021. Majlis tersebut juga turut menyampaikan sebanyak lapan projek bagi Anugerah Khas Ketua Pesuruhjaya dan 41 projek bagi Anugerah Ketua Pesuruhjaya (AKPJ).



Salah seorang penerima APC 2021



Penerima APC bersama Pengurusan Tertinggi SPRM



Ketua Pesuruhjaya SPRM menyampaikan hadiah kepada pegawai yang bersara

MAJLIS PERSARAAN SPRM TAHUN 2022

Majlis ini diadakan pada 13 Oktober 2022 di The Movenpick Hotel & Convention Centre, KLIA. Majlis 'Sekalung Budi, Sejambak Kasih' ini diadakan bagi meraikan pegawai-pegawai SPRM yang telah dan akan bersara dalam tahun 2022. Pelaksanaan majlis ini selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, WP5.2 - Peraturan Mengenai Perbelanjaan untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam yang Bersara. Seramai 27 orang pegawai dan kakitangan di Ibu Pejabat SPRM menamatkan perkhidmatan masing-masing dengan pecahan 13 pegawai bersara wajib, lapan pegawai bersara pilihan dan enam pegawai bersara terbitan (meninggal dunia semasa perkhidmatan).

MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN

Sepanjang tahun 2022, sebanyak tiga Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) telah diadakan iaitu pada

25 Februari 2022, 21 Jun 2022 dan 11 Oktober 2022. Beberapa isu yang dibangkitkan oleh warga SPRM melalui MBJ telah dibincangkan dan diambil tindakan sewajarnya.

Antara isu tersebut ialah:

- i. tempat letak kereta untuk kemudahan ibu mengandung dan yang mempunyai masalah kesihatan;
- ii. permohonan menjadikan Surau SPRM sebagai surau Jumaat;
- iii. kelulusan menyambung pelajaran;
- iv. penempatan pegawai; dan
- v. kebajikan warga SPRM

Seramai 30 orang ahli baharu Pihak Pekerja bagi sesi 2022/2023 telah dilantik bermula 1 Jun 2022 yang meliputi sembilan pegawai kumpulan pengurusan dan profesional dan 21 pegawai kumpulan pelaksana.

PERBELANJAAN MENGURUS

Peruntukan bagi perbelanjaan mengurus yang diluluskan kepada SPRM bagi tahun 2022 ialah RM303,871,600.00, iaitu peningkatan sebanyak 0.02% berbanding RM299,111,600.00 pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, RM290,871,600.00 diluluskan di bawah peruntukan Dasar Sedia Ada, RM1,000,000.00 diluluskan di bawah Program Khusus, RM5,600,000.00 diluluskan di bawah Program *One-Off* dan RM6,400,000.00 diluluskan di bawah Komitmen Kewangan. Peningkatan peruntukan ini selaras dengan kelulusan penambahan 100 perjawatan SPRM yang baharu, peningkatan kos operasi dan pelaksanaan program pencegahan rasuah yang berterusan.

Disebabkan langkah-langkah penjimatan susulan penularan wabak COVID-19, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengeluarkan dua waran sekatan berjumlah RM13,380,000.00 menjadikan jumlah peruntukan bagi perbelanjaan mengurus yang boleh dibelanjakan hanya RM290,491,600.00.

Daripada jumlah tersebut, 99.42% iaitu RM 288,816,263.60 telah dibelanjakan sehingga 31 Disember 2022. Prestasi Perbelanjaan Mengurus mengikut jenis perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 23**.

JADUAL 23: Prestasi perbelanjaan mengurus mengikut jenis perbelanjaan bagi tahun 2022

JENIS PERBELANJAAN	PERUNTUKAN KEMASKINI	PERBELANJAAN (SEHINGGA 31 DIS 2022)	PERATUSAN (%)
Emolumen	RM204,694,700.00	RM203,910,745.43	99.62%
Perkhidmatan dan bekalan	RM79,151,880.00	RM78,275,269.22	98.90%
Aset	RM6,173,820.00	RM6,160,903.95	99.75%
Pemberian dan kenaan tetap	RM471,200.00	RM469,345.00	99.61%
JUMLAH (RM)	RM290,491,600.00	RM288,816,263.60	99.42%

Jadual 24 menunjukkan perbandingan peruntukan dan prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

JADUAL 24: Perbandingan prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2020, 2021 dan 2022

PERBELANJAAN MENGURUS	2020	2021	2022 (SEHINGGA 31 DIS 2022)
Peruntukan	RM267,978,120.00	RM272,711,600.00	RM290,491,600.00
Perbelanjaan	RM265,848,904.73	RM272,153,031.84	RM288,816,263.60
PRESTASI PERBELANJAAN	99.21%	99.80%	99.42%

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan yang diluluskan kepada SPRM adalah sebanyak RM9,150,000.00. Peruntukan tersebut bagi menampung tiga projek berikut:

- a. projek pembinaan Kompleks Pejabat SPRM Sabah berjumlah RM5,988,323.00 (peruntukan tahun semasa);
- b. peluasan pelaksanaan projek *Exhibits Management System (EMS)* berjumlah RM273,000.00; dan

- c. projek *Corruption Intelligent System (CIS)* berjumlah RM2,888,677.00;

Prestasi perbelanjaan bagi setiap projek pembangunan adalah seperti di **Jadual 25. Jadual 26** pula menunjukkan perbandingan prestasi Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

JADUAL 25: Prestasi Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2022

PROJEK	PERBELANJAAN	PERATUSAN
Projek pembinaan Kompleks Pejabat SPRM Sabah (peruntukan tahun semasa)	RM5,988,323.00	100.00%
Peluasan pelaksanaan projek <i>Exhibits Management System (EMS)</i>	RM272,568.40	99.84%
Projek <i>Corruption Intelligent System (CIS)</i>	RM2,888,676.03	99.99%
	RM9,149,567.43	99.99%

JADUAL 26: Perbandingan prestasi Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2020, 2021 dan 2022

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	2020	2021	2022
Jumlah peruntukan	RM10,108,530.90	RM14,683,653.00	RM9,150,000.00
Jumlah perbelanjaan	RM10,108,529.68	RM14,683,579.80	RM9,149,567.43
PRESTASI PERBELANJAAN	99.99%	99.99%	99.99%

PENGURUSAN PEROLEHAN

Perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja SPRM dilaksanakan mengikut kaedah seperti tender, sebut harga dan rundingan terus. Nilai keseluruhan perolehan bagi tahun 2022

melibatkan kos sebanyak RM22,901,304.81. Perbandingan nilai perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 seperti di **Jadual 27**.

JADUAL 27: Perbandingan perolehan (mengikut kaedah perolehan) bagi tahun 2020, 2021 dan 2022

KAEDAH PEROLEHAN	2020	2021	2022
Tender	RM8,324,379.57	RM5,470,927.00	RM5,781,588.00
Sebut harga	RM4,023,515.90	RM5,011,468.10	RM4,481,285.97
Rundingan terus	RM7,295,162.00	RM7,513,601.23	RM12,638,430.84
JUMLAH	RM19,643,057.47	RM17,995,996.33	RM22,901,304.81

PENGURUSAN ASET ALIH DAN ASET TAK ALIH

Nilai keseluruhan aset alih SPRM adalah RM132,483,645.57 yang merangkumi harta modal dan aset alih bernilai rendah. Perinciannya adalah seperti

di **Jadual 28**. Perbandingan jumlah dan nilai aset alih SPRM bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 adalah seperti di **Jadual 29**.

JADUAL 28: Aset Alih SPRM pada tahun 2022

ASET ALIH	BILANGAN	NILAI (RM)
Harta modal	13,905	114,259,252.29
Aset alih bernilai rendah	41,592	18,224,393.28
JUMLAH	55,497	132,483,645.57

JADUAL 29: Perbandingan jumlah dan nilai aset alih SPRM bagi tahun 2020, 2021 dan 2022

ASET ALIH	2020		2021		2022	
	BIL.	NILAI (RM)	BIL.	NILAI (RM)	BIL.	NILAI (RM)
Harta modal	13,349	104,849,428.27	13,665	112,450,659.65	13,905	114,259,252.29
Aset alih bernilai rendah	39,866	17,350,959.84	40,703	17,805,143.16	41,592	18,224,393.28
JUMLAH	53,215	122,200,388.11	54,368	130,255,802.81	55,497	132,483,645.57

Bagi aset tak alih pula, nilai keseluruhan adalah SPRM adalah RM2,713,955,861.18 yang merangkumi nilai aset tanah dan bangunan milikan SPRM. Perinciannya adalah seperti di **Jadual 30**.

JADUAL 30: Jumlah aset tak alih SPRM

ASET TAK ALIH	BIL.	NILAI
Tanah	41	RM1,889,953,764.97
Premis milikan SPRM	13	RM824,002,096.21
Premis sewa/tumpang	26	
JUMLAH	80	RM2,713,955,861.18

Jumlah perbelanjaan operasi dan penyenggaraan aset tak alih 2022: RM14,415,831.08.



PENGURUSAN STRATEGIK & DIMENSI ANTARABANGSA

PENGURUSAN STRATEGIK

Selaras dengan Agenda Antirasuah National serta matlamat SPRM untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas dan bersih daripada jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta kekal relevan di mata dunia, pelbagai aktiviti pengurusan strategik telah dilaksanakan bagi memastikan matlamat tersebut dapat dicapai serta selaras dengan visi, misi dan objektif SPRM.

A. PERANCANGAN STRATEGIK

Beberapa perancangan strategik telah dilaksanakan oleh SPRM selaras dengan agenda antirasuah nasional yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023. Berikut adalah tindakan SPRM sepanjang tahun 2022:

- a. Pembangunan Kajian Cadangan Memperkasakan SPRM Khususnya Dalam Perkara Pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM Melalui Pindaan Perlembagaan Persekutuan;
- b. Pembangunan Kajian Cadangan Memperkasakan SPRM Khususnya Dalam Perkara Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) Melalui Pindaan Perlembagaan Persekutuan;
- c. Kertas kajian memasukkan peruntukan kesalahan baharu dalam Akta SPRM 2009 (Akta 694) mengenai salah laku pegawai badan awam (MIPO);
- d. Kertas kajian bagi cadangan berkaitan peruntukan baharu berkenaan kesalahan oleh organisasi komersial atau seseorang individu dalam penjualan projek/tender Kerajaan kepada pihak lain;
- e. Kertas kajian Permohonan Pewartaan Tafsiran Badan Awam Di Bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694);
- f. Kertas kajian bagi cadangan mewujudkan undang-undang baharu berkenaan pemakaian Perjanjian Penangguhan Pendakwaan (Deferred Prosecution Agreement);
- g. Kajian penambahbaikan pengurusan Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (LSPRM) dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 5 Tahun 1997;
- h. Memorandum Jemaah Menteri berkenaan Pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif (Exco) International Association Of Anti-Corruption Authorities (IAACA);
- i. Memorandum Jemaah Menteri berkenaan Penyertaan SPRM dalam Globe Operational Network Of Anti-Corruption Law Enforcement Authorities;
- j. Pandangan Bertulis berkenaan Cadangan Penambahbaikan Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1982: Organisasi Kementerian-Kementerian di bawah Inisiatif Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 1.3.2 kepada GIACC;
- k. Pandangan bertulis berkenaan Garis Panduan Bertulis Tentang Peranan Kerajaan Sementara (Caretaker Government) kepada GIACC;
- l. Semakan dan pandangan bertulis ke atas draf Arahan YAB Perdana Menteri Mengenai Tadbir Urus Badan Berkanun Persekutuan (BBP), Syarikat Berkepentingan Kerajaan

- (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 kepada GIACC;
- m. Ulasan bertulis bagi Memorandum Jemaah Menteri berkenaan Perkara Dasar bagi Penggubalan RUU Baharu Berkaitan Sumbangan Politik kepada GIACC;
 - n. Maklum balas mengenai Agenda Commonwealth Anti-Corruption Benchmark bagi Meetings Of Commonwealth Law Ministers And Senior Officials kepada pihak Jabatan Peguam Negara; dan
 - o. Maklum balas dan pelaporan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR), Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) dan pelaporan berkala status tindakan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 yang diterajui BDPP.

B. PELAN STRATEGIK SPRM 2021-2025

Bertemakan ‘Pemacu kepada Negara Bebas Rasuah’ melalui pemerksaan penguatkuasaan yang berkesan, pencegahan rasuah yang holistik dan pembudayaan integriti, Pelan Strategik SPRM 2021-2025 adalah kesinambungan daripada pelan-pelan strategik terdahulu yang memfokuskan kepada pemerksaan agenda memerangi jenayah rasuah. Ini melibatkan integrasi sumber-sumber dalaman dan luaran melalui pengukuhan fungsi SPRM meliputi

penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan antirasuah. Bidang keutamaan disasarkan adalah yang berisiko tinggi ke arah mewujudkan sebuah negara bebas rasuah serta merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.

Penetapan strategi menerusi empat bidang teras utama iaitu penguatkuasaan, pencegahan, pendidikan dan pengukuhan dilihat mampu untuk membendung gejala rasuah yang semakin kompleks secara menyeluruh dengan memberi penekanan kepada pendekatan bersifat punitif, pengukuhan tadbir urus dan membentuk nilai serta budaya berintegriti di kalangan warga dan masyarakat.


Pemantauan prestasi Pelan Strategik ini dibuat secara berkala sekurang-kurangnya tiga kali setahun melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pencapaian Pelan Strategik SPRM 2021-2025 (MPPPS) bagi memastikan pelaksanaan pelan ini mencapai hasil sasaran yang ditetapkan iaitu pengurusan siasatan yang efektif, pencegahan yang efektif dan meningkatkan keyakinan masyarakat.

Pencapaian progresif Pelan Strategik SPRM 2021-2025 sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti di **Jadual 31**.

JADUAL 31: Pelan Strategik SPRM 2021-2025

BIDANG TERAS	JANGKA MASA PELAKSANAAN					PURATA PENCAPAIAN (%)
	INISIATIF	PELAN TINDAKAN	PENDEK	SEDERHANA	PANJANG	
BIDANG TERAS 1 (PENGUATKUASAAN)	9	43	7	8	28	57%
BIDANG TERAS 2 (PENCEGAHAN)	5	27	5	13	9	74%
BIDANG TERAS 3 (PENDIDIKAN)	4	12	-	3	9	62%
BIDANG TERAS 4 (PENGUKUHAN)	18	52	6	12	34	62%
JUMLAH	36	134	18	36	80	63%
PURATA PENCAPAIAN (%)			100%	88%	54%	

Model Pelan Strategik SPRM 2021-2025



C. PENGURUSAN PARLIMEN DAN KABINET

Sepanjang tahun 2022, bagi Penggal Kelima Parlimen Keempat Belas, Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah bersidang sebanyak tiga kali. Suruhanjaya ini bertanggungjawab memberikan maklum balas/input/jawapan terhadap apa-apa persoalan yang dikemukakan berkaitan fungsi dan

tanggungjawab yang ditimbulkan di Dewan Rakyat/ Dewan Negara/Dewan Undangan Negeri (DUN). Berikut adalah statistik pertanyaan-pertanyaan Ahli Parlimen yang dikemukakan di Dewan Rakyat, Dewan Negara dan DUN seperti di **Jadual 32, 33 dan 34**:

JADUAL 32: Dewan Rakyat

SEKTOR	SOALAN			PERBAHASAN TITAH DIRAJA	MQT	USUL	JUMLAH
	LISAN	BUKAN LISAN	INPUT				
Operasi	28	4	4	14	1	0	51
Pencegahan	6	1	18	3	0	-	28
Pengurusan	10	-	8	8	0	7	33
JUMLAH	44	5	30	25	1	7	112

JADUAL 33: Dewan Negara

SEKTOR	SOALAN			PERBAHASAN TITAH DIRAJA	JUMLAH
	LISAN	BUKAN LISAN	INPUT		
Operasi	28	4	4	14	51
Pencegahan	6	1	18	3	28
Pengurusan	10	-	8	8	33
JUMLAH	44	5	30	25	112

JADUAL 34: Dewan Undangan Negeri (DUN)

SEKTOR	DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)					JUMLAH
	MELAKA	SABAH	PERAK	PULAU PINANG	NEGERI SEMBILAN	
Operasi	1	-	-	2	1	4
Pencegahan	-	1	1	-	-	2
Pengurusan	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	1	1	1	2	1	6

D. KERJASAMA PERSEFAHAMAN ANTARA SPRM DENGAN AGENSI LUAR DALAM NEGARA

Pelaksanaan kerjasama persefahaman antara SPRM dengan agensi-agensi luar dalam negara telah mula dilaksanakan sejak penubuhan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan dikuatkuasakan pada tahun 2012 melalui Arahan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM Bil. 2/2012 – Garis Panduan Penyediaan dan Pelaksanaan Kerjasama Antara SPRM Dengan Agensi Luar.

Sehingga tahun 2022, sebanyak 19 kerjasama persefahaman dalam bentuk Memorandum Persefahaman (MoU), Nota Kerjasama (NK) dan Memorandum Perjanjian (MoA) masih berkuatkuasa. Agensi-agensi yang terlibat dalam menandatangani kerjasama persefahaman tersebut adalah seperti berikut:

- a. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Bahagian Staff Perisikan Pertahanan;
- b. Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Cawangan Provos Marsyal;
- c. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- d. Help University Collage;
- e. Jabatan Alam Sekitar (JAS);
- f. Kementerian Kerja Raya (KKR);
- g. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN);
- h. Majlis Perbandaran Kulim (MPKK);
- i. Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
- j. Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB);
- k. PUSPAKOM Sdn. Bhd;
- l. Syarikat Prasarana Negara Berhad;
- m. Tune Production;
- n. Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZa);
- o. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK);
- p. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Sabah (JPSM);
- q. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN);
- r. Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD); dan
- s. Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Berikut antara kerjasama persefahaman antara SPRM dengan agensi dalam negara yang ditandatangani pada tahun 2022.



Majlis meterai Memorandum Persefahaman antara SPRM dengan TNB pada 4 Oktober 2022



Majlis meterai Nota Kerjasama antara SPRM dengan ATM pada 7 Januari 2022



Majlis meterai Memorandum Persefahaman antara SPRM dengan MFD pada 22 September 2022

DIMENSI ANTARABANGSA

SPRM komited dan aktif menjalin kerjasama strategik dalam inisiatif membanteras rasuah dengan agensi-agensi penguatkuasa dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa melalui pelbagai medium seperti mesyuarat, ceramah, kursus, pembentangan, kertas kerja, perkongsian maklumat dan bantuan teknikal. Berikut merupakan penglibatan SPRM di peringkat antarabangsa bagi tahun 2022.

ASIA PACIFIC ECONOMIC COOPERATION (APEC): MESYUARAT APEC ANTI-CORRUPTION AND TRANSPARENCY EXPERTS WORKING GROUP (ACTWG) dan APEC ANTI-CORRUPTION AUTHORITIES AND LAW ENFORCEMENT AGENCIES NETWORK MEETING (ACT-NET)

APEC merupakan forum sekumpulan 21 buah ekonomi di rantau Asia Pasifik, yang ditubuhkan sejak tahun 1989. Malaysia adalah antara negara yang terawal yang menyertai APEC pada November 1989.

Anti-Corruption and Transparency Experts Working Group (ACTWG) merupakan salah satu kumpulan kerja yang ditubuhkan di bawah payung APEC yang memainkan peranan spesifik dalam membentuk polisi dan projek melibatkan pencegahan rasuah di rantau Asia Pasifik. Selaku agensi antirasuah tunggal di negara ini, SPRM memainkan peranan sebagai *focal point* untuk mewakili Malaysia dalam ACTWG. Selain ACTWG, terdapat juga subsidiari

kumpulan kerja yang dipanggil APEC Network of Anti-Corruption Authorities and Law Enforcements Agencies (ACT-NET) yang berperanan untuk mewujudkan rangkaian kerjasama informal bagi menghubungkan pegawai-pegawai penguatkuasa antirasuah dalam kalangan ahli ekonomi APEC. Kedua-dua kumpulan kerja berkenaan bermesyuarat setiap tahun dalam skop *Senior Officials Meetings* (SOM) dan kelazimannya mesyuarat ACTWG diadakan dua kali iaitu dalam skop SOM I dan SOM III, mengikut tingkap masa yang ditetapkan.

Mesyuarat ACTWG ke-34 telah diadakan pada 17 Februari 2022 manakala Mesyuarat ACT-NET ke-9 pula diadakan pada 18 Februari 2022. Kedua-dua mesyuarat secara maya ini telah dipengerusikan oleh Presiden National Anti Corruption Commission (NACC) of Thailand, Police General Watcharapol Prasarnrajkit, selaku tuan rumah penganjuran APEC 2022.

Thailand sebagai tuan rumah APEC 2022 turut menganjurkan bengkel secara maya bertajuk “Workshop on Technology for Transparency: Digital Disruption to Corruption” yang dihadiri oleh seramai 24 orang pegawai dari SPRM. PKPj Samsul bin Salip dari Bahagian Pendidikan Masyarakat telah dilantik sebagai salah seorang panel diskusi dalam sesi bertajuk ‘Empowering the Media’s Inclusion in the Fight Against Corruption’.



Mesyuarat ACT-NET ke-9 pada 17 Februari 2022 secara maya di Thailand



Mesyuarat ACTWG Ke-35 pada 17-18 Ogos di Chiang Mai, Thailand

MESYUARAT KERJASAMA DUA HALA KE-6 DAN KUMPULAN KERJASAMA MACC-NACC, THAILAND

Mesyuarat kerjasama dua hala SPRM bersama National Anti-Corruption Commission (NACC), Thailand ini diadakan secara dwi tahunan. Mesyuarat edisi ke-6 ini telah dianjurkan oleh NACC, Thailand pada 3 Ogos 2022 secara maya. SPRM telah membuat pembentangan dan berkongsi pengalaman berkaitan dua kes melibatkan Bahagian Siasatan dan Bahagian Perisikan.

Dato' Sri Ahmad Khusairi bin Yahaya, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, selaku Ketua Delegasi SPRM dalam ucapan pembukaan berkata pengurusan siasatan dan perisikan yang dijalankan

SPRM sepanjang tempoh dua tahun pandemik Covid-19 menjurus kepada tiga fokus utama iaitu penyelewengan dan pengubahan pakej bantuan serta pakej rangsangan, kegiatan rasuah dan penipuan berkaitan pembelian peralatan perlindungan perubatan dan rasuah membabitkan pegawai penguatkuasa yang melaksanakan perintah kawalan pergerakan.

SPRM telah berkongsi dua kajian kes berkaitan penyelewengan dalam bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat menerusi taklimat bertajuk 'Corruption in Stimulus Economic Package' dan 'Corruption throughout Pandemic'.



Mesyuarat kerjasama dua hala ke-6 dan kumpulan kerjasama SPRM-NACC

MESYUARAT TAHUNAN ECONOMIC CRIME AGENCIES NETWORK (ECAN) 2022 KE-8

ECAN adalah rangkaian agensi penguatkuasaan undang-undang dari pelbagai negara yang terlibat dalam tugas penyiasatan dan memerangi jenayah ekonomi, termasuk penipuan dan rasuah. Idea penubuhan rangkaian ini dicetuskan pada tahun 2012 dengan hasrat bersama 11 agensi penguatkuasaan yang berbeza untuk berkongsi maklumat dan bekerjasama memerangi jenayah ekonomi merentas sempadan dengan berkesan dan pantas.

SPRM telah menganjurkan Mesyuarat Tahunan (ECAN) 2022 Ke-8 secara maya dengan tema '*Economic Crime: Jeopardising National Security*'. Mesyuarat ini disertai oleh 10 buah agensi anggota dan tiga agensi yang dijemput sebagai pemerhati. Mesyuarat ini berlangsung selama dua hari pada 16 dan 17 Mac 2022 dan dipengerusikan oleh Datuk Seri Norazlan bin Mohd Razali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM.

Mesyuarat telah dirasmikan oleh Dato' Sri Ahmad Khusairi bin Yahaya, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, mewakili Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM. Dalam ucapan pembukaan, beliau turut berkongsi mengenai pendekatan holistik yang digunakan

SPRM dalam memerangi jenayah rasuah, antaranya penguatkuasaan melalui pengesanan, penyiasatan dan pendakwaan kes. Selain itu pencegahan rasuah dan pendidikan masyarakat turut digunakan selain menggunakan pendekatan Siasatan Berasaskan Risiko (IBI) dalam pengumpulan maklumat dan bukti.



Mesyuarat Tahunan Economic Crime Agencies Network (ECAN) 2022 ke-8

MESYUARAT ASEAN PARTIES AGAINST CORRUPTION (ASEAN- PAC)

Mesyuarat Prinsipal ASEAN-PAC ke-18 telah diadakan pada 22 hingga 23 November 2022 di Phnom Penh, Cambodia. Mesyuarat edisi ke-18 ini bertemakan ‘Together Against Corruption: Strengthening the Anti-Corruption Institutional Capacity and Cooperation in the Respective ASEAN Country and within the ASEAN-PAC’ dan dipengerusikan oleh Anti-Corruption Unit (ACU), Cambodia.

Pada mesyuarat ini juga turut diadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) ASEAN-PAC oleh ketua-ketua agensi dan wakil-wakil ketua agensi daripada 10 agensi penguatkuasa antirasuah rantau ASEAN. Dato’ Indera Junipah binti Wandu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) menandatangani MoU tersebut mewakili Ketua Pesuruhjaya SPRM sebagai Ketua Delegasi SPRM.

Negara-negara anggota juga telah membuat pembentangan laporan kemajuan mengenai inisiatif yang dilaksanakan. Dato’ Indera Junipah binti Wandu telah membuat pembentangan mengenai inisiatif dan aktiviti kolaborasi bersama negara-negara anggota ASEAN-PAC yang dilaksanakan SPRM sepanjang tahun ini.

Mesyuarat tahunan ini telah dihadiri oleh ketua agensi dan wakil ketua agensi daripada setiap agensi penguatkuasa anti-rasuah negara anggota ASEAN-PAC iaitu SPRM, Government Inspectorate of Vietnam, Vietnam; Corrupt Practices Investigation Bureau, Singapura; Biro Mencegah Rasuah, Brunei Darusalam; Anti-Corruption Unit, Kingdom of Cambodia; Komisi Pemberantasan Korupsi Republik Indonesia; State Inspection and Anti-Corruption Authority, Lao PDR; Anti-Corruption Commission, Myanmar; Office of the Ombudsman, Philippines dan National Anti-Corruption Commission (NACC), Thailand.



Ketua agensi dan waki-wakil ketua agensi daripada sembilan agensi penguatkuasa antirasuah anggota ASEAN-PAC dengan Dato’ Indera Junipah binti Wandu menandatangani MoU



Pembentangan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) SPRM

MESYUARAT PERTAMA PERINGKAT MENTERI AGENSI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG ANTIRASUAH NEGARA-NEGARA OIC

Buat julung kalinya SPRM telah menghadiri mesyuarat pertama peringkat menteri Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang Antirasuah dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada 20 hingga 21 Disember 2022 di Jeddah, Arab Saudi. Dato' Mohd Hafaz bin Nazar, Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan (BDPP), telah hadir pada mesyuarat tersebut sebagai Ketua Delegasi Malaysia, mewakili Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Agenda utama mesyuarat adalah untuk membincangkan persetujuan hasil daripada Konvensyen Makkah Al-Mukarramah, yang dianjurkan untuk negara-negara anggota OIC membangunkan mekanisma pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa dan serantau. Ini selaras dengan misi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Berkenaan Pencegahan Rasuah (UNCAC) yang mahukan negara anggota bekerjasama rapat antara satu sama lain, selari dengan

sistem perundangan dan pentadbiran negara masing-masing bagi meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan undang-undang memerangi rasuah.

Selain itu, turut diadakan dua sesi perbincangan panel dengan pembentangan masing-masing bertajuk 'Cooperation Among Anti-Corruption Law Enforcement Authorities' dan 'Makkah Mukarramah Convention of the Member States of the OIC on Anti-Corruption Law Enforcement Cooperation'.

Delegasi SPRM juga mengambil kesempatan menghadiri dua mesyuarat bilateral sebagai memenuhi jemputan daripada Federal Integrity Commission, Iraq' dan National Assembly of the Anti-Corruption Convention, Iran. Hasil daripada mesyuarat ini dijangka akan membuka ruang kerjasama merentas sempadan dalam aspek penguatkuasaan dan pencegahan rasuah di antara Malaysia dan kedua-dua negara tersebut.



Mesyuarat pertama peringkat menteri agensi penguatkuasaan undang-undang antirasuah dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)



Dato' Mohd Hafaz bin Nazar mewakili Ketua Pesuruhjaya SPRM sebagai Ketua Delegasi Malaysia menyampaikan pernyataan nasional

KETUA PESURUHJAYA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) TERIMA KUNJUNGAN HORMAT ANTI-CORRUPTION COMMISSION (ACC), MALDIVES

Pada 27 September 2022, Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM, telah menerima kunjungan hormat delegasi ACC Maldives di Ibu Pejabat SPRM. Delegasi ini diketuai oleh Uz. Adam Shamil, Presiden ACC Maldives, bersama tujuh orang pegawai kanan.

Pertemuan ini diadakan bertujuan untuk memupuk kerjasama yang berterusan bagi membanteras rasuah di antara kedua-dua buah agensi terutama membabitkan latihan profesional, pertukaran maklumat dan bantuan teknikal. Selain usaha

memerangi jenayah rasuah, hubungan yang terjalin ini juga diharap dapat membantu mewujudkan kerjasama seperti dalam siasatan pengubahan wang haram rentas sempadan. Lawatan ini menjadi platform kepada SPRM dan ACC Maldives untuk saling bertukar pandangan dan pendapat mengenai kegiatan dan cara-cara menangani isu rasuah dalam negara.

Sementara itu, turut diadakan sesi menandatangani pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara kedua-dua belah pihak bagi mengukuhkan jalinan kerjasama dalam usaha membanteras rasuah.



Pengurusan Tertinggi SPRM bersama Presiden ACC Maldives



Ketua Pesuruhjaya SPRM bersama Presiden ACC Maldives

**LAWATAN RASMI
DELEGASI SPRM KE
ADMINISTRATIVE CONTROL
AND TRANSPARENCY
AUTHORITY (ACTA), QATAR**

Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah mengetuai delegasi SPRM dalam lawatan rasmi ke Administrative Control and Transparency Authority (ACTA), Doha Qatar selama dua hari bermula dari 11 hingga 12 September 2022. Lawatan rasmi itu diadakan atas undangan Presiden Administrative Control and Transparency Authority (ACTA), Qatar, H.E Mr. Hamad bin Nasser Al-Misnad bertujuan untuk mewujudkan jaringan kerjasama antara SPRM dan ACTA.

Semasa pertemuan itu, kedua-dua pihak turut membincangkan usaha masing-masing dalam menggalakkan integriti dan memerangi rasuah, dengan mengambil kira persamaan kompetensi SPRM dan ACTA dalam bidang pencegahan, latihan dan memperkenalkan integriti dalam sektor swasta.



Ketua Pesuruhjaya SPRM bersama H.E Mr. Hamad bin Nasser Al-Misnad, Pengerusi ACTA



Delegasi SPRM bersama dengan Pengerusi ACTA



Bersama dengan Peguam Negara Qatar, Dr Issa bin Saad al-Jafali al-Nuaimi

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA, ADMINISTRATIVE CONTROL AUTHORITY (ACA), MESIR METERAI PEMBAHARUAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

Majlis menandatangani pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara SPRM dan Administrative Control Authority (ACA), Mesir telah diadakan pada 14 September 2022 di Cairo, Mesir. MoU ini ditandatangani oleh ketua kedua-dua agensi iaitu Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Major General Amr Adel, Pengerusi ACA, Mesir.



Ketua Pesuruhjaya SPRM bersama Pengerusi ACA Mesir

Kerjasama antara SPRM dan ACA, Mesir telah terjalin sejak tahun 2007 lagi dan menerusi pembaharuan MoU yang ditandatangani ini, kerjasama antara kedua-dua agensi dapat dilaksanakan secara berterusan serta lebih berstruktur. Skop kerjasama dalam MoU ini meliputi perkongsian kepakaran, penyaluran maklumat, khidmat rundingan, pendidikan dan latihan serta usaha-usaha peningkatan integriti ke arah meningkatkan kapasiti dan kemampuan pegawai SPRM dan ACA dalam membanteras jenayah rasuah.



Delegasi SPRM bersama delegasi ACA Mesir

JADUAL 35: Senarai lawatan kerja/kunjungan hormat agensi luar negara ke SPRM

BIL	AGENSI	NEGARA	TARIKH	JUMLAH DELEGASI
1.	Komisi Pemberantasan Korupsi	Indonesia	26-28 Julai 2022	2
2.	<i>United Nations Office on Drugs and Crime</i>	UNODC	4 Ogos 2022	2
3.	<i>Administrative Control and Transparency Authority (ACTA), Doha Qatar</i>	Qatar	11-12 September 2022	4
4.	<i>Anti-Corruption Commission Of Maldives</i>	Maldives	20-22 September 2022	8
5.	<i>Abu Dhabi Accountability Authority (AADA)</i>	Arab Saudi	18-19 Oktober 2022	5
6.	Duta Azerbaijan ke Malaysia	Azerbaijan	9 November 2022	2
7.	Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia dan <i>Canadian Centre of Excellence for Anti-Corruption</i>	Kanada	6 Disember 2022	5
8.	<i>Independent Commission Against Corruption (ICAC)</i>	Hong Kong	19 Disember 2022	5

JADUAL 36: Pembentangan pegawai di peringkat antarabangsa

BIL	PROGRAM	NEGARA	TARIKH	TOPIK	PEMBENTANG
1.	<i>8th Economic Crimes Agencies Network</i>	Malaysia (Maya)	16 Mac 2022	Ops Hack	KPKPj Mohamad Faizal bin Sadri
2.	<i>8th Economic Crimes Agencies Network</i>	Malaysia (Maya)	17 Mac 2022	<i>The Use of Financial Intelligence for Corruption Enforcement</i>	P/KPKPj Azian binti Umar
3.	<i>Conference The Academy General Prosecutor's Office of The Republic of Uzbekistan</i>	Tashkent, Uzbekistan	15-16 Mei 2022	<i>New Approaches of MACA in the Organization of Professional Education</i>	Dato' Haji Idris bin Zaharudin
4.	<i>Global Network of Law Enforcement Practitioners against Transnational Bribery (GLEN) 4th Meeting</i>	Paris, Perancis	14 Jun 2022	<i>Detection Investigation and Prosecution of Corruption related to corruption in emergencies: case presentation</i> <i>Detection of Corruption in emergencies: Cooperation with whistle-blowers and investigative journalist</i>	i. P/KPKPj Norhaizam bin Muhammad ii. PKPj Mohamad Reemos Khan bin Fajarul Rahman

BIL	PROGRAM	NEGARA	TARIKH	TOPIK	PEMBENTANG
5.	<i>UNODC Complaint Handling Workshop with Papua New Guinea ICAC</i>	Port Moresby, Papua New Guinea	20-21 Julai 2022	<i>Preliminary Screening Complaints and Commission Generated Complaints</i>	PPj Chun Kin Wai
6.	<i>Panel Discussion On Empowering The Media's Inclusion In The Fight against Corruption</i>	Thailand	26-27 Julai 2022	<i>Encouraging the media's inclusion in anti-corruption efforts</i>	PKPj Samsul bin Salip
7.	UNODC Regional Anti-Corruption Conference for Law Enforcement Professionals in Southeast Asia	Bangkok, Thailand	29-31 Ogos 2022	International Cooperation to Recover Stolen Assets Challenges in seizing - confiscating and managing stolen assets	PKPj Wong Yun Fui TPR Allan Suman Pillai
8.	Intersessional Meeting of the COSP to the UNCAC	Vienna, Austria (Maya)	5-9 September 2022	Bridging the Gender Gap: Malaysian Experience	PPj Hong Chin Chin
9.	Tashkent - Anti Corruption Forum II	Uzbekistan (Maya)	22 September 2022	Formation of an effective assessment of Corruption Risks	PsK Yip Ai Tsin
10.	18 th ASEAN PAC PRINCIPAL MEETING	Phnom Penh, Cambodia	22-23 November 2022	Strengthening the Anti-Corruption Institutional Capacity and Cooperation in the Respective ASEAN Country and within the ASEAN-PAC'	YBhg. Dato' Indera Junipah binti Wandu
11.	Sixteenth Regional Seminar on Good Governance for Southeast Asian Countries oleh UNAFEI	Tokyo, Jepun	14-16 Disember 2022	New and Emerging Forms of Corruption and the Effective Countermeasures	i. KPKPj Yuhafiz bin Mohd Salleh ii. Tuan Law Chin How
12.	International Expert Forum on Recovering Proceeds of Corruption in Central Asia and Southern Caucasus	Tashkent, Uzbekistan	21 Disember 2022	National asset recovery strategies	i. KPKPj Mohamad Faizal bin Sadri
13.	11 th Session of the Assembly of Parties (AoP) of the International Anti - Corruption Academy (IACA)	Vienna, Austria	28 November 2022	National Statement: Malaysia Effort in Fighting Corruption Through Prevention and Capacity Building	i. TPj Dato' Mohd Hafaz bin Nazar
14.	Makkah Al-Mukarramah Convention of The Member of the Organization of Islamic Cooperation on Anti-Corruption Law Enforcement Cooperation	Jeddah, Arab Saudi	21-22 Disember 2022	National Statement: Latest Development in Anti-Corruption Effort in Malaysia	i. TPj Dato' Mohd Hafaz bin Nazar




**DIARI
2022**

JANUARI

Majlis Penyampaian Amanat Ketua Pesuruhjaya SPRM – 05/01/2022



Kunjungan Hormat Lembaga Pengarah UiTM - 7/1/2022



Majlis Menandatangani Nota Kerjasama Antara SPRM dan ATM - 07/01/2022



Kunjungan Hormat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) - 12/01/2022



FEBRUARI

Mesyuarat Agung Kelab Sukan & Rekreasi (KSR) - 16/02/2022



Majlis Pelancaran Program Excel 17A - 17/02/2022



Program Pemantapan Pasukan Tindak Balas Kecemasan dan Latihan Kebakaran - 23/02/2022



MAC

Kunjungan Hormat Kementerian Belia & Sukan (KBS) - 04/03/2022



Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Jabatan Perdana Menteri - 09/03/2022



Program Menembak Bersama Pejabat TKP (Pengurusan dan Profesionalisme) - 21/03/2022



Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 25 Bil 1/2021 (Penolong Penguasa P29) - 31/03/2022



APRIL

Majlis Apresiasi Kecemerlangan SPRM Tahun 2021 - 11/04/2022



Majlis Penyerahan Sumbangan Yayasan Prihatin - 13/04/2022



Mesyuarat Sistem Integriti Korporat Malaysia (RTD CISM) Bil. 1/2022 - 22/04/2022



Majlis Ikrar Bebas Rasuah UiTM - 26/04/2022



Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran SPRM - 28/04/2022



MEI

Program Wira Anti Rasuah (WAR) Taska Pemata Warisan De Qaseh - 18/5/2022



Majlis Perasmian Hari Terbuka Sektor Pengurusan dan Profesionalisme SPRM - 23/05/2022



Program Jalinan Mesra Keluarga SPRM 2022 - 26/05/2022



Majlis Penyerahan Surat Cara Pelantikan Ahli Panel Perundingan Pencegahan Rasuah (PPPR) dan Panel Penilaian Operasi (PPO) - 30/05/2022




JUN

Majlis IBR dan OACP Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) - 01/06/2022



Program Pemantapan Wartawan Bersama SPRM 2022 - 02/06/2022



MACC Luncheon Talk Programme With Financial Sectors In Malaysia To Fight Financial Crimes - 30/06/2022



Program Dialog Ke Arah Memperkasa Pemikiran Antirasuah di kalangan Bakal Ushawan Kecil dan Sederhana (PKS) - 30/06/2022



JULAI


Kunjungan Hormat Ketua Pengarah Kastam - 18/07/2022



Kunjungan Hormat PUNB - 20/07/2022



Executive Talk Ketua Pesuruhjaya SPRM Bersama Media Elektronik - 21/07/2022



Majlis Penyerahan Laporan Tahunan SPRM 2021 - 26/07/2022



OGOS

Lawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM ke Media Prima - 01/08/2022



Kunjungan Hormat HRDF Corp - 04/08/2022



Kunjungan Hormat UNODC - 04/08/2022



Kunjungan Hormat Embassy Of China - 04/08/2022



SEPTEMBER

Kunjungan Hormat Pro Naib Canselor Nottingham Trent University - 08/09/2022



Kunjungan Hormat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Maldives - 20/09/2022



Private Public Partnership & Compliance Networking Group - 21/09/2022



Majlis Amanat Ketua Pesuruhjaya SPRM Bersama Peserta Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 26 Bil.1/2022 - 23/09/2022



OKTOBER

Ikrar Bebas Rasuah Tenaga Nasional Berhad (TNB) - 04/10/2022



Perbarisan Sempena Sambutan Ulang Tahun SPRM ke-55 di Padang Kawad Aras 7 - 13/10/2022



Penyampaian Amanat dan Pelancaran Buku Pelan Pembangunan Sumber Manusia serta Penyampaian Pingat Khidmat Jaya - 13/10/2022



Lawatan UNISEL - 13/10/2022



NOVEMBER

Ikrar Bebas Rasuah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi - 08/11/2022



Kunjungan Hormat Azerbaijan - 09/11/2022



Ikrar Bebas Rasuah RHB Bank - 14/11/2022



DISEMBER

Lawatan Jabatan Akauntan Negara (JANM) - 05/12/2022



Kunjungan Hormat Independent Commission Against Corruption (ICAC) - 19/12/2022



Kunjungan Hormat Malaysian Trades Union Congress (MTUC) - 23/12/2022



LAPOR RASUAH


1800-88-6000



JANGAN TERLIBAT DENGAN JENAYAH

RASUAH





☎ 603-8886 7000 / 1800-88-6000

🌐 www.sprm.gov.my

📺 www.youtube.com/user/ODVMACC

@ info@sprm.gov.my

📘 www.facebook.com/SPRMMalaysia

📻 www.macc.fm

Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,

No. 2, Lebuhr Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.

Putrajaya, Wilayah Persekutuan, Malaysia.